



MALAYSIA

**PENYATA RASMI**  
OFFICIAL REPORT

**DEWAN NEGARA**  
*SENATE*

**PARLIMEN KETIGA**  
*Third Parliament*

**PENGGAL PARLIMEN KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 641]**

**USUL-USUL:**

Aturan Urusan Mesyuarat dan Urusan yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 663]  
Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 664; 670]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan) [Ruangan 664]  
Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) [Ruangan 670]  
Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) [Ruangan 701]  
Rang Undang-undang Kilang dan Jentera (Pindaan) [Ruangan 709]  
Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan) [Ruangan 712]  
Rang Undang-undang Pemegang Amanah Raya (Pindaan) [Ruangan 720]  
Rang Undang-undang (Perbadanan) Good Shepherd Nuns [Ruangan 721]  
Rang Undang-undang Kawalan Bekalan (Pindaan) [Ruangan 722]  
Rang Undang-undang Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) [Ruangan 723]

MALAYSIA

PARLIMEN YANG KETIGA—DEWAN NEGARA

*Penyata Rasmi*

PENGGAL YANG KETIGA

---

Hari Jumaat, 11hb Mei, 1973

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N.  
(Dilantik).
- „ Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K.  
(Dilantik).
- „ Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN,  
P.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, P.M.K., J.P. (Kelantan).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk  
Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ AWANG DAUD BIN MATUSIN (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K.  
(Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya  
Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIK IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD. YASSIN (Dilantik).

Yang Berhormat DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).

- „ Tuan G. LOUIS (Dilantik).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kedah).
- „ TUAN S. T. MANI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK S. O. K. UBIDULLA, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN YEAP KHENG YAM, P.J.K. (Perak).
- „ TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantik).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
  - „ TUAN ABDULLAH BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N., S.M.T. (Johor).
  - „ TUAN HAJI ALI BIN HAJI ISMAIL, J.M.N., S.M.K., P.J.K., J.P. (Kedah).
  - „ DATUK FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Dilantik).
  - „ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Dilantik).
  - „ DATUK KHOO SIAK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).
  - „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
  - „ DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).
  - „ Datuk Temenggong Oyong Lawai Jau, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
  - „ DATUK HAJI O. K. K. SAID BESAR SIGOH BIN SINGKUNAN, P.G.D.K., A.D.K., B.E.M. (Sabah).
  - „ DATUK E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Dilantik).
  - „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**DASAR DEMOKRASI  
MEMILIKI HARTA**

1. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan mempunyai rancangan perumahan di kawasan bandar dan luar bandar dengan tujuan memajukan dasar demokrasi memilik harta dan apakah kemudahan-kemudahan yang diberi kepada setiap warganegara Malaysia tanpa mengira keturunan untuk membolehkan mereka memiliki rumah sendiri.

**Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di-Pertua, pada menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu saya suka menarik perhatian beliau kepada Bab XVI Ceraian 825-832 dalam Buku Merah Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975 dalam mana Dasar dan Rancangan serta peruntukan bagi perumahan telah dinyatakan. Perkara ini telah dibahaskan dengan seluas-luasnya di Dewan ini dan juga di Dewan Rakyat dalam Persidangan Parlimen Ketiga, Tahun 1971, Mesyuarat Kedua Penggal Pertama dan telah pun dituliskan.

Dalam usaha melaksanakan rancangan perumahan ini mengikut dasar yang telah ditetapkan di dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua saya suka mengulangi bagi sebahagian daripada ucapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dalam Dewan Rakyat pada 25-4-1973 waktu menggulung pembahasan terhadap Titah Diraja.

"In the Second Malaysia Plan no estimate was made of the number of units that the country needs as no data existed. However, in the first two years of the Second Malaysia Plan, i.e. 1971 to 1972, some 19,700 units were constructed under the public sector housing programmes. Approximately 2,900 units were constructed with loans from the Federal Government by various State and local authorities. In addition, 1,700 units were constructed by

the State Development Corporations. The Urban Development Authority which was **only established 2 years ago** and has been in operation for a relatively short period, constructed some 50 units. The Federal Land Development Authority constructed during this period some 7,150 units. The Malaysia Building Society which utilises public funds financed the construction of approximately 7,900 units. In addition to the units constructed by these agencies, private developers constructed approximately 25,000 units. The construction of quarters has ceased with the implementation of the Suffian Report except in remote parts of the country. However, the Syarikat Kemajuan Perumahan Kakitangan Kerajaan commenced construction in 1972 and was able to build some 66 units. Thus it will be seen that some 44,700 units were constructed in the first 2 years of the Second Malaysian Plan. These figures do not include units constructed by private individuals both in the urban and rural parts of West Malaysia. It will be seen that both the public and the private sectors have been jointly providing an adequate number of units to meet the nation's housing requirements."

Bagi membolehkan setiap warganegara Malaysia memiliki rumah-rumah yang dibina oleh Kerajaan, maka satu peraturan tertentu telah diperbuat apabila memberikan rumah-rumah ini kepada penghuni-penghuni. Peraturan-peraturan itu adalah seperti berikut:

- (a) Satu Jawatankuasa Khas telah dibentuk di tiap-tiap negeri bagi memilih penghuni-penghuni rumah yang didirikan oleh Kerajaan.
- (b) Pemohon-pemohon yang pendapatan keluarganya tidak lebih daripada \$300 sebulan layak memohon;
- (c) Satu senarai pemohon-pemohon yang layak akan diperbuat mengikut bangsa mereka seperti Melayu, Cina dan lain-lain lagi;
- (d) Tiap-tiap satu kaum itu akan diberikan satu bilangan "quota" rumah-rumah di dalam satu rancangan perumahan itu berpandukan kepada bilangan pemohon-pemohon yang layak yang telah diterima daripada kaum-kaum itu;

- (e) Jawatankuasa pemilihan akan mengadakan satu "short-listing" daripada pemohon-pemohon yang diterima daripada satu-satu kaum itu supaya siapa-siapa yang tidak layak dapat dikeluarkan daripada senarai tersebut;
- (f) Pemohon-pemohon juga telah dishort-listkan itu akan mengundi daripada rumah-rumah yang dihaskan untuk satu-satu kaum itu.

Peraturan-peraturan yang saya sebutkan tadi adalah digunakan di dalam pemberian rumah-rumah yang dibina daripada Wang Pinjaman Kerajaan Pusat.

Berhubung dengan syarat-syarat yang dikenakan atas wang-wang pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi membiayai rancangan-rancangan perumahan, suka saya menyatakan bahawa mulai daripada 1hb Januari, 1969 syarat-syarat yang berikut telah dikenakan:

(a) *Rumah/Rumah Pangsa untuk disewakan*

Tempoh ... ..	30 tahun
Faedah ... ..	6% setahun
Bayaran balik ...	Pembayaran balik wang pokok dan faedah dengan bilangan ansuran yang sama pada tiap-tiap tahun.

(b) *Rumah/Rumah Pangsa untuk dijual (hire-purchase)*

Tempoh ... ..	20 tahun
Faedah ... ..	5% setahun
Bayaran balik ...	Pembayaran balik wang pokok dan faedah dengan bilangan ansuran yang sama pada tiap-tiap tahun.

Syarat-syarat ini adalah lebih sesuai dengan amalan pinjam-meminjam di kalangan perniagaan akan tetapi masih kurang dari tingkatan faedah di pasaran bagi pinjaman-pinjaman untuk perumahan.

**Tuan Abdul Samad bin Osman:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Pada masa hari ini perumahan semuanya boleh dikatakan diadakan di bandar-bandar besar sahaja. Tidakkah boleh Kerajaan mengadakan rancangan perumahan di bandar-bandar yang kecil (villages) supaya dapat orang-orang di bandar kecil itu yang berkedai dan lain-lain menikmati apa yang telah orang di pekan nikmat.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, rancangan ini betul kebanyakannya di bandar-bandar besar, tetapi seperti yang kita telah tengok kalau kita berjalan di serata Malaysia ini, di bandar-bandar kecil dan local council pun ada juga kadang-kadang kebanyakannya dibuat oleh Kerajaan Negeri. Rasa saya membuat satu rancangan murah itu sebagaimana kehendak Ahli Yang Berhormat itu boleh juga ditimbang mengikut keadaan tempat-tempat perumahan walaupun tempat kecil samada mereka itu betul-betul berkehendakkan berapa banyak unitnya, kelayakan membayarnya kerana kita tak mahu kadang-kadang ada saya tengok satu-satu tempat sudah dibuat tetapi sehingga 8 bulan belum diisikan lagi. Walaubagaimanapun, cadangan itu akan kita timbangkan.

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Adakah Kerajaan menimbangkan sebarang langkah yang akan diambil kepada orang yang minta rumah-rumah yang disediakan itu supaya tidak terjadi seorang yang telah ada mempunyai rumah minta lagi, untuk diperniagakan, apakah langkah-langkah Kerajaan akan ambil.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Itulah fasalnya, boleh dikatakan di sini tiap-tiap permohonan dikaji, disemak dan disiasat. Tetapi sungguhpun begitu kadang-kadang ada juga kita tahu orang yang ada rumah itu kadang-kadang dibubuh nama isterinya, cuba dapat sekali lagi kerana rumah murah itu dan sekiranya lepas itu kita dapat aduan atau dapat tahu dalam masa itu, langkah telah diambil iaitu ditarik balik rumah yang telah diberi itu.

## HARGA BARANG-BARANG KEPERLUAN

2. **Tuan Yeap Kheng Yam** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sebab-sebab harga barang-barang keperluan seperti beras meningkat naik padahal negeri kita adalah salah sebuah negara pengeluar beras;
- (b) kenapa negeri kita mengalami kekurangan bahan-bahan pembinaan seperti besi sederhana, besi bulat, kayu-lapis, batu-bata, papan dan beluti; dan

- (c) samada langkah yang baik akan diambil oleh Kerajaan untuk mengawal harga barang-barang keperluan dan bahan-bahan pembinaan.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ada tiga, dan nampaknya ada berlainan antara satu dengan lain. Dengan oleh sebab Yang Berhormat itu membuat satu soal sahaja, saya menarik perhatian, Tuan Yang di-Pertua, soalan yang semacam ini kalau tiga soal, maknanya sembilan soal yang sebetulnya.

- (a) Sebagaimana yang telah diterangkan di Dewan Rakyat pada 20hb April, 1973 yang lalu, salah satu sebab kenaikan harga beras adalah kenaikan harga bagi barang tersebut dipasaran dunia di mana harga telah naik di antara 75% hingga 100% berbanding dengan harga enam bulan yang lalu. Akibat kenaikan harga di pasaran dunia ini adalah dirasakan di Sabah dan Sarawak yang mana kedua negeri itu mengimpot lebih kurang 50% daripada keperluan kedua-dua negeri itu. Bagi Malaysia Barat pula yang mengimpot lebih kurang 10% kerana kita sendiri yang tanam di sini dapat 90% daripada keperluan beras negeri ini, kenaikan harga beras pada keseluruhannya adalah disebabkan juga oleh kenaikan harga pengangkutan.
- (b) Perkembangan di bidang binaan yang telah meningkat begitu pesat pada akhir-akhir ini, adalah salah satu daripada sebab berlakunya kekurangan bahan-bahan binaan oleh kerana ketidak upaya kilang-kilang yang mengeluarkan bahan-bahan tersebut membekalkan keperluan-keperluan dengan begitu cepat. Walaubagaimanapun, ini hanyalah merupakan satu keadaan sementara sehingga kilang-kilang tempatan dapat membesarkan pengeluaran mereka sejajar dengan keperluan-keperluan yang dihadapi.

Dalam menghadapi masalah kekurangan bahan-bahan ini, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengatasi keadaan ini. Sebagaimana yang telah dikatakan juga di Dewan Rakyat pada 24hb April, 1973 yang lalu, Kerajaan telahpun mengambil tindakan mengecualikan cukai impot untuk 10,000 tan batang-batang besi.

Tindakan juga telah diambil untuk membenarkan impot tambahan sebanyak 20,000 batang-batang besi bebas dari cukai. Polisi ini juga akan meliputi lain-lain bahan binaan bangunan yang penting. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telahpun melarang ekspot atau menjual keluar 10 jenis kayu-balak untuk menentukan bekalan yang mencukupi bagi perusahaan kayu-lapis. Disamping itu Kerajaan mengawal juga ekspot bahan-bahan batu-bata untuk menentukan bekalan yang mencukupi di negeri kita;

- (c) Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sentiasa mengawasi kenaikan harga barang-barang keperluan dan juga bahan-bahan binaan. Hal ini telahpun beberapa kali diterangkan di Dewan Rakyat kadang-kadang di Dewan ini juga. Bagi mengawasi bahan-bahan binaan, satu Jawatankuasa Bertindak telahpun ditubuhkan oleh Kerajaan untuk mengkaji masalah dan juga faktor-faktor utama yang menyebabkan kenaikan harga dan kekurangan bekalan.

**Dr Mahathir bin Mohamad:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Jawapan Yang Berhormat Peguam Negara kepada (a) ialah harga beras naik di negara kita ini bukanlah oleh kerana sebab-sebab yang datang daripada luar negeri, tetapi ialah oleh kerana harga pengangkutan umpamanya naik, dan harga pengangkutan ini naik tentulah oleh kerana cukai-cukai yang dikenakan berkenaan dengan kenderaan-kenderaan dan juga kerana minyak. Adakah ini merupakan pengakuan oleh Kerajaan bahawa bahan-bahan yang tidak dikenakan cukai juga akan naik harga oleh kerana sebab bahan-bahan yang lain yang dikenakan cukai. Dan kalau cukai ke atas barang yang lain menyebabkan kenaikan harga barang yang tidak dikenakan cukai, adakah pihak Kerajaan akan mengkaji supaya tidak meninggikan dan menambahkan jenis-jenis cukai pada masa akan datang?

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini perkara kewangan yang akan ditentukan oleh Kementerian Kewangan pada masa akan datang, sebab sebagaimana kita semua maklum kedua-dua itu kita berkehendakkan. Kita berkehendakkan kewangan untuk membelanjakan bangunan dan lain-lain di negeri dan

kita berkehendakkan kalau boleh setengah-setengah barang yang mustahak jangan dinaikkan cukai. Saya sebutkan tadi iaitu berkenaan dengan pengangkutan beras yang saya sebutkan tadi walaubagaimanapun perkara ini akan ditimbangan pada masa akan datang. Saya tidak beranilah memberi jaminan-jaminan, perkara ini di bawah portfolio Kementerian Kewangan.

**Datuk Mansor bin Mohamad:** Soalan tambahan. Berhubung dengan kenaikan bahan-bahan binaan yang berlaku sekarang ini barangkali pihak Kerajaan sedar ada setengah-tengah pemborong bumiputra yang telah mengalami kesusahan yang berat oleh sebab tender-tender ataupun borongan-borongan yang telah dimasukkan beberapa bulan yang lampau, pada masa itu barangnya walaupun telah tinggi juga, tetapi tidak sebagai yang ada pada hari ini, masa mereka dapati tender-tender itu. Pada hari ini oleh sebab ketiadaan barang-barang kalau ada pun dengan secara jalan-jalan belakang didapati dengan harga yang melambung tinggi menyebabkan mereka itu menanggung kerugian, maka adakah Kerajaan bercadang untuk menimbang apa-apa cara yang boleh menolong supaya mengindahkan mereka daripada menanggung kerugian.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, tender-tender bagi mereka untuk bangunan Kerajaan dan lain-lain bukan sahaja bumiputra, yang tidak bumiputra pun ada bertender. Kalau kita hendak timbang, tidak sepihak sahaja, saya percaya juga barang-barang bekalan untuk binaan itu masa dia masuk dahulu boleh jadi ada yang masa belum naik harga lagi, tetapi hak yang menjual dia mesti mencari keuntungan lebih lagi pada masa ini kerana barang-barang yang masuk kemudiannya telah naik harga. Akibat seperti ini sekiranya Kerajaan hendak timbangan perkara kerugian, hendaklah Kerajaan menimbangkan bukan sahaja pihak bumiputra, tetapi juga kepada semua yang masuk tender itu. Yang keduanya, kita boleh mengiktikarkan cara ini. saya rasa, melalui PERNAS dan badan-badan lain ataupun dengan campur tangan Kerajaan dapat membeli dengan cara banyak barang borongan untuk menolong bumiputra itu. Itu sahaja saya dapat jawabkan.

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi dalam

jawapan Yang Berhormat Peguam Negara menerangkan di antara sebab Kerajaan melarang export kayu-kayu balak 10 jenis ialah untuk membolehkan kilang-kilang kita mengeluarkan kayu lapis misalnya cukup bagi keperluan kita sendiri. Tetapi cerita yang saya hendak sampaikan ini, patut disedari oleh Kerajaan atau mungkin telah disedari. Di Kuala Lumpur ini sendiri berlaku di beberapa perusahaan-perusahaan perabut daripada bukan bumiputra pergi berjumpa dengan satu dua perusahaan bumiputra yang membuat perabut yang kebetulan pula mereka itu menyimpan sedikit sebanyak stock kayu lapis, mereka meminta, sujud, tolong berikan kepada mereka sebahagian daripada simpanan itu kerana kekurangan kayu lapis. Soal kekurangan itu tentulah kerana export. Jadi apakah langkah Kerajaan boleh menyekatkan kejadian yang seperti ini dengan mengurangkan export bagi sementara kekurangan yang berlaku dalam negeri ini?

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi, kayu untuk export dengan sebab harga kayu lapis di luar pun sudah naik, bermakna kalau kita hendak mendapat banyak kayu lapis, kalau pihak pembinaan rumah di negeri ini berani membeli kayu lapis dengan harga bagaimana seseorang itu akan mengexport kayu lapis. rasanya perkara ini tidak kurang. Yang salahnya orang di negeri ini hendak membeli kayu lapis itu murah daripada harga yang dijual keluar negeri. Kalau sayalah berniaga kayu lapis, tentu saya menjual keluar negeri. Inilah satu problem yang dihadapi oleh Kerajaan. Tetapi kalau dengan sebab itu, rasa saya Kerajaan akan mengambil tindakan, demi kepentingan national interest dan juga negara kita, akan mengurangkan atau menghadkan export kayu lapis untuk memberi peluang kepada pembina-pembina negeri kita mendapat kayu lapis dengan lebih senang dan lebih mudah lagi.

**Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan (a) iaitu berkenaan dengan kenaikan barang-barang keperluan sepertimana beras yang kita faham bahawa pada masa ini ialah kekurangan. Adakah Kerajaan akan melonggarkan berkenaan dengan import beras daripada negeri-negeri jiran memudahkan mereka untuk mendapat permit untuk dimasukkan beras ke negeri kita ini?

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, bagaimana saya katakan tadi, dahulu beras negeri kita lagi mahal daripada negeri luar, dengan sebab itulah kita memaksa orang yang membeli padi dan beras di negeri kita mengimpot beras dari luar dan dicampurkan supaya dijual kepada orang ramai. Tetapi sekarang ini beras dari luar sudah naik 75% membawa kepada 100% jauh lagi tinggi daripada beras yang ada dalam negeri ini, kalau dibenarkan lagi banyak beras luar negeri masuk ke negeri kita, akan tinggi harganya. Kalau ada satu negeri yang boleh dapat kita beli beras jauh lagi murah daripada harga yang ada dalam negeri ini, saya percaya Kerajaan sememang menggalakkan import beras itu.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebenarnya barang-barang yang menjadi alat kepada pembinaan di negara kita ini terutama sekali kayu lapis, batu bata dan sebagainya tidaklah kurang. Tetapi apa yang kurang sekarang di pasaran. Di pasaran tidak didapati oleh kerana taukeh-taukeh ataupun orang-orang yang berkepentingan mencari keuntungan yang berlebihan daripada keadaan sekarang ini menyimpan barang-barang itu dan siapa yang hendak membeli dengan harga tidak berpatutan dapatlah dikeluarkan dan kalau mengikut harga yang berpatutan tidak dapat hendak dilayan. Jadi sekarang ini, kita sekarang di dalam keadaan membangun dan pembangunan negara kita bukan hanya dilaksanakan oleh Kerajaan tetapi juga disokong oleh swasta. Untuk melancarkan pembangunan itu dan supaya jangan pembangunan itu tergendala, apakah langkah Kerajaan secara tegas sekurang-kurangnya dalam jangka pendek bagi mengawasi kenaikan harga barang yang menggila-gila macam itu supaya tidak mengendalakan semua projek samada projek Kerajaan, atau projek yang dibuat oleh pihak swasta dalam pembangunan negara dan kalau ada rancangan Kerajaan itu, apakah rancangannya dan kalau tidak adakah Kerajaan bercadang hendak membuat satu peraturan sekalipun hanya berupa sementara.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar perkara ini dan kita tahu dalam undang-undang kita tidak boleh salah, kalau orang tidak hendak jual zingnya, batu batanya melainkan misalnya \$1.00 satu atau 30 sen satu itu hak dia.

Kalau tidak hendak beri dia menyimpan, boleh jadi itu satu masa kelak, dia rugi pula. Ini soal pasaran dan itu bukan satu barang yang masuk di bawah kawalan harga. Misalnya beras, gula dan lain-lain, tetapi dengan sebab itu, saya katakan tadi Kerajaan baharu-baharu ini telah mengadakan satu Jawatankuasa yang telah ditubuhkan mengkaji masalah-masalah, faktor-faktor mengapakah naiknya harga barang macam itu dan bagaimana kita hendak mengambilkan satu jalan supaya dapat kita membeli samada dengan paksa atau price control dan lain-lain untuk mendapatkan bahan-bahan yang dikatakan hoarding oleh setengah pihak yang naik tak ada lain, kerana mengambil keuntungan seberapa tinggi dalam masa yang kita tahu pada hari ini. Kerajaan seperti yang saya katakan tadi, telah menubuhkan satu Jawatankuasa itu dan sekarang pun masih tengah, saya fikir, sedang bermesyuarat, tetapi dengan sebab perkara ini nampaknya berkehendakkan lekas, saya akan memberi jaminan di sini dan pegawai-pegawai pun ada di belakang sana, iaitu Jawatankuasa akan dideraskan kerja-kerja dan tanggungjawabnya mengambil langkah-langkah supaya menyerahkan perkara ini kepada Kerajaan untuk dipertimbangkan langkah-langkah yang tertentu untuk mendapatkan bekalan-bekalan perkara-perkara yang sangat dikehendaki.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Soalan tambahan. Saya sedar bahawa Kerajaan pun sedar dalam masalah dan Kerajaan pun nampaknya bersungguh-sungguh hendak menahan kenaikan harga yang menggila-gila ini dengan cara satu Jawatankuasa yang baru ini dibentuk, tetapi Jawatankuasa ini kalau dia bersidang sampai sekian lama, jangan lama sebulan sahaja, dalam masa sebulan sahaja orang boleh membuat keuntungan bermillion-million dengan berlipat ganda. Jadi apa yang diharapkan bukan diharapkan oleh pengusaha-pengusaha bumiputra sahaja, tetapi ialah pengusaha-pengusaha daripada yang bukan bumiputra, tetapi modal mereka itu terhad tidak cukup untuk hendak menyempurnakan kerjanya mengharapkan, menggan-tungkan harapan yang hanya kepada Kerajaan, Kerajaanlah ibu mereka, Kerajaanlah bapa mereka, Kerajaanlah yang akan melindungi kepentingan-kepentingan mereka sebagai pedagang-pedagang kecil, pengusaha-pengusaha kecil. Kalau dalam tempoh yang begini pendek, yang begini singkat, tidak

dapat hendak diselesaikan bererti Kerajaan telah mempunyai syer bersama-sama untuk membunuh perusahaan mereka itu. Saya sedar bahawa Kerajaan bertanggungjawab dalam soal ini dan sedang membuat Jawatankuasa itu. Cuma apa yang saya harap iaitu suatu usaha yang lebih konkrit dan lebih sempurna dapat menyelamatkan pengusaha-pengusaha kecil dan kalau ini hendak dibuat oleh Kerajaan, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Peguam Negara yang telah memberi jaminan, tetapi jaminan itu dapatkah dilaksanakan dengan tempoh yang singkat ini?

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Saya telah beri jaminan tadi yang Jawatankuasa ini akan bekerja dengan seberapa lekas dalam perkara ini. Sekarang saya dapat menambahkan penerangan iaitu enforcement division yang menyelidik berkenaan dengan hoarding, telah menyelidik bagaimana perkara-perkara yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam kedua-dua Dewan. Nampaknya daripada penyata ini katanya there is not much hoarding—tidak ada barang yang disimpan, tidak banyak. Sebab kalau ada pun sedikit-sedikit untuk hendak ditentukan kepada satu kontrek yang hendak membeli disesuatu kedai itu. Nampaknya satu daripada sebab jumlah kekurangan dengan sebab pesat dan pantas expansion of building yang berlaku dalam negeri dan bandaraya Kuala Lumpur. Barang yang ada, factory yang ada sekalipun hendak dikeluarkan, tidak mencukupi.

Semalam pun saya sudah membaca surat-khabar, dua tiga iklan menyatakan, siapa ada tanah warnanya merah yang boleh dibuat batu bata, saya sedia membelinya yang tidak jauh dari Kuala Lumpur. Itu menunjukkan batu bata yang ada ini pun tidak cukup. Pada masa ini, kalau Ahli Yang Berhormat hendak membuat kilang batu bata dua tiga sudah tetap untung besar, sememang satu daripada sebabnya barang-barang itu expansion of the buildings too fast to meet the existing demand. Itu satu daripada sebabnya. Tetapi kalau ada betul Ahli Yang Berhormat dapat diberitahu oleh mana-mana rakyat kita menyatakan ada sebuah gudang, ada sebuah kedai menimbunkan barang-barangnya, saya hendak beli dia tidak mahu jual, harganya begitu tinggi; saya harap talipon terus kepada Kementerian yang tertentu tindakan yang akan diambil itu. Kalau ada betul perkara itu saya mintalah repot seberapa segera,

minggu depan pun tidak apa. Kalau Menteri tidak ada, talipon kepada saya sendiri.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalnya hendak dicari oleh Jawatankuasa ini kepada kedai-kedai kecil sepanjang-panjang Jalan Tuanku Abdul Rahman ini tidak akan jumpa, sebab kedai-kedai ini terlalu kecilnya, kalau stock yang dibuat itu tidaklah begitu satu kapal dapat di kedai yang kecil, tetapi kenapa Jawatankuasa ini tidak pergi ke pusat dia, macam kilang kayu. Kenapa tidak pergi ke pusat kilang itu sendiri, di mana bertimbun-timbun kayu ada di situ, bertimbun-timbun ada barang-barang yang diperlukan, tetapi manakala kita minta kepadanya, dia kata ini sudah diorder, orang lain sudah order, tetapi kalau awak hendakkan harga yang agak lebih bolehlah saya dahulukan awak daripada orang ini. Barang ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua, kenapa tidak hanya pergi ke kedai sepanjang Batu Road, sepanjang kedai-kedai di Jalan Bandar ini, kenapa tidak pergi ke faktori itu sendiri, ke kilang kayu itu sendiri, kilang kayu lapis itu sendiri, di mana barang-barang mereka menyimpan barang lebih bukan di tempat faktori itu sahaja, tetapi di tempat lain tetapi mencari keuntungan dan kalau kita, Tuan Yang di-Pertua sendiri hendak pergi dia kata barang ini orang Amerika sudah order, tetapi dengan syarat kalau Tuan Yang di-Pertua hendak double dengan harga orang Amerika, maka boleh dijual. Jadi, tidakkah ini mencekik perusahaan anak tempatan, ertinya bumiputra dan yang bukan bumiputra di Malaysia. Jadi, saya harap walaupun saya tidak mengharapkan jawapan ini, tetapi saya harap ini menjadi satu tugas yang patut diperhatikan sampai ke punca-punca di mana menyebabkan harga barang itu melambung begitu tinggi?

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, segala teguran itu akan kita jalankan dan saya tidak percaya pegawai begitu bodoh tidak pergi ke kilang-kilang ini. Tuan Yang di-Pertua, kalau saya ada kilang dan saya telah membuat perjanjian mengekspot sekian-sekian banyak tiap-tiap bulan, kayu lapis atau balak ke luar negeri, maka itulah tenaga mesin saya yang boleh mengeluarkan, tentu walaupun siapa pun saya hendak beli saya tidak akan jual, melainkan saya tunaikan kehendak ekspot saya sebagaimana perjanjian yang telah ada, kalau tidak saya mengalami kerugian, tetapi kalau

adalah jawapan seperti itu, maka dikehendaki ialah pegawai itu menyiasat sedalam-dalam samada betul atau tidak, perjanjian itu telah dibuat, tetapi saya percaya bagaimana cakap Ahli Yang Berhormat ada setengah-setengah tempat yang mengatakan sianu, sianu itu sudah berjanji dengan dia dua, tiga bulan hendak buat 50 buah rumah, tak boleh jual lagi. Padahal benda itu tidak ada, sememang hendakkan harga lebih tinggi. Itulah rasa saya Yang Berhormat minta di sini dan perkara itu akan disiasat dalam perkara ini.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menerangkan kepada Yang Berhormat Peguam Negara misalnya LPN sahaja. Baisanya LPN ini memberikan beras-beras kepada orang yang menjadi langganan dia, tetapi disaat yang akhir-akhir ini langganan itupun tidak dapat dipenuhi oleh LPN, oleh kerana ada desakan daripada yang lain berkehendakkan kepada beras daripada LPN, kerana beras LPN ini barangkali ada murah sedikit daripada beras-beras yang lain. Ini satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, betapa permainan ini telah berlaku. Saya yakin bahawa Yang Berhormat Peguam Negara sedar cara dan kita yakin pegawai kita tidak bodoh dalam soal ini, tetapi apa yang kita baca dalam suratkhbar mereka hanya menangkap orang yang kedai-kedai kecil sahaja dan tidak pernah kita mendengar satu kilang kena lelong, oleh kerana menyimpan barang yang berlebihan. Kita tidak pernah dengar. Yang kita dengar ialah orang-orang ini ditangkap kerana tak ada tanda harga seribu ringgit harga—20 tin susu, 5 tin rokok, 3 kotak mancis apa yang ditangkap oleh pegawai ini. Jadi, saya minta supaya usaha yang lebih effective, yang lebih berkesan bagi menahan kenaikan harga barang yang gila dan ini adalah tanggung-jawab Kerajaan. Inilah yang diminta jaminan daripada Yang Berhormat itu dalam Dewan ini, sebab kami pun bertanggungjawab juga kepada rakyat dalam masaalah ini.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Apa soalnya, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Saya minta jaminan daripada Kerajaan iaitu pegawai-pegawai kita ini tidak hanya pergi ke tempat yang kecil, tetapi pergi ke tempat yang di mana punca kenaikan itu sendiri. Adakah Kerajaan bersedia berbuat begitu?

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, tak payah jaminan fasal

perkara ini telah dijalankan. Kilang-kilang yang ada beras hari ini telah disiasat didapati yang ada dalam itu tak ada beras. Kalau dia ada beras dia takkan hendak jual kerana harganya mahal, untungnya besar. Padinya ada dan masa ini semua kita baca dalam akhbar baharu-baharu ini semua kilang-kilang yang ada di Kedah telah menjamin akan mengilangkan seberapa yang pantas padi yang ada, yang dihantar oleh LPN kerana padi tak ada lagi dalam gudang itu dan LPN dapat membantu dijalankan. Kalau adalah tuduhan dengan sebab meminta jaminan tadi, bermakna sebelum ini pegawai-pegawai yang menyiasat ini memang tidak pergi ke kilang-kilang atau pun hoarding yang besar-besar melainkan kedai-kedai yang kecil. Di situ saya bagi pihak Kerajaan mesti menafikan, sungguhpun perkara itu kita ada kurang pesat, tetapi minta jaminan, maknanya sebelum ini tak ada dibuat perkara itu. Itu fasal saya katakan jaminan tak boleh diberi kerana perkara itu telah dijalankan dan saya beri jaminan, kalau ada tempat-tempat yang belum dijalankan perkara ini akan diambil arahan untuk terus dijalankan lagi. Boleh jadi bukan segenap Malaysia dijalankan, ada tempat-tempat yang dijalankan, ada tempat yang tidak, tetapi kalau kita hendak jaminan semua belum ada dijalankan, saya fikir tuduhan itu tidak patut. Itu sahaja.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya satu soalan sahaja, iaitu adakah Kerajaan bercadang hendak membenarkan sebuah kilang besi lain, menggalakkan sebuah kilang besi yang lain ditubuhkan dalam Malaysia ini untuk menghadapi perkembangan pembangunan negara kita Malayawata tidak dapat mengeluarkan cukup besi untuk pembangunan negara pada masa ini?

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, itu soalan yang bagus dan akan ditimbang.

**Datuk Mansor bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga hendak bertanya; adakah pihak Kerajaan bersedia untuk menyiasat berhubung dengan perjalanan sebuah kilang yang akan saya sebutkan di sini, yang saya rasa ada dilakukan silap mata ataupun hoarding dijalankan samada secara langsung ataupun tidak.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, berikan saya namanya, catitkan namanya, saya akan jalankan.

**Datuk Mansor bin Mohamad:** Iaitu kilang KIMA yang dipunyai oleh MARA dan Syarikat TCM. Sebab apa yang saya katakan begini, barangkali kita sama-sama mengetahui, Tuan Yang di-Pertua, kekurangan kain putih baharu-baharu ini telah menjadi-jadi begitu hebat sekali sehingga ada tunjuk-tunjuk perasaan dan sebagainya lagi. Tetapi setelah Kerajaan sendiri mengambil tindakan, memberi satu jaminan supaya pihak Perbadanan Pemasaran Batik mengimpot kain dengan dilepaskan cukai, kemudian maka pihak Perbadanan itu berjalan ke sana kemari mencari bahan-bahan ini dan akhirnya kain itu naik setiap hari, tiap-tiap minggu naik harganya. Akhirnya, sampailah kain-kain yang diorder oleh Perbadanan itu di Port Kelang dan bila diisytiharkan oleh Menteri yang kain Perbadanan yang diorder ini telah ada di Port Kelang, maka keluarkan kain-kain putih yang tidak ada dahulu berlori-lori, sampai di Trengganu tempat saya sendiri. Ini saya boleh buktikan kerana orang sebelah rumah saya yang membelinya. Saya boleh tunjukkan barang itu masih ada, yang dapat berlori bukan sahaja. . . . .

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Cerita ini apa soalnya?

**Datuk Mansor bin Mohamad:** Adakah hendak disiasat yang selama ini dia mengatakan tidak cukup pengeluaran sehingga tidak dapat dibekalkan kepada pembatik bumi-putra di Pantai Timur?

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak salah perkara ini telah ditimbulkan dalam Dewan ini berkenaan dengan kain putih, inilah timbul satu firma KIMA ini dengan sebab susah mendapatkan kain putih di sini dan perkara ini telah disiasat oleh Kementerian yang berkenaan dalam perkara ini. Saya tidak tahulah apa hasil daripada penyiasatan itu, dan apa tindakan yang diambil daripadanya. Rasa saya tindakan-tindakan telah diambil untuk menyenangkan pembatik-pembatik Pantai Timur mendapatkan kain putih. Saya fikir perkara ini betul ada berlaku.

**Tuan Abdul Samad bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Peguam Negara mengatakan harga beras. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan?

**Tuan Abdul Samad bin Osman:** Ya, soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Tadi Menteri telah mengatakan harga beras telah

naik oleh sebab harga beras sedunia naik. Kalau harga beras sedunia telah naik saya bertanya, kenapakah Kerajaan Malaysia kita ini menetapkan harga padi \$16 sepikul, tidak patutkah dinaikkan sama sampai \$20 sepikul supaya dapat petani-petani menekmati kenaikan ini.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab semalam Kerajaan memberi jaminan iaitu masa dahulu beras dari luar lagi murah daripada beras dalam negeri iaitu diberi jaminan supaya penanam-penanam padi kita dapat lebih pendapatan, maka dijamin harga padi yang kering dan bersih tidak kurang daripada \$16. Kalau tidak ada jaminan itu boleh jadi kering dan bersih pun \$12—\$14 ringgit. Itu jaminan yang ada sehingga sekarang.

Sekarang harga beras telah naik di luar negeri. Pak tani kita telah menjual semua padinya, pada masa ini sudah tidak ada lagi di tangannya. Padi baru belum dipotong. Pada masa dia menjual kelmarin \$16 sahaja. Padahal sekarang kalau ada padi di tangannya boleh laku \$19 atau \$20, tetapi padi sudah tidak ada lagi.

Kerajaan menetapkan harga \$16 itu, kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat boleh mengeluarkan padi pada hari ini, tidak melarang dia menjual \$30—\$40. Itu sahaja. Tetapi ada satu cadangan daripada Yang Berhormat Dr Mahathir dalam Dewan ini iaitu Kerajaan boleh menimbang dinaikkan sedikit daripada \$16 kepada \$18 kerana selalunya Kerajaan beri minima \$16 kepada pembeli-pembeli ini. Dia memang tidak suka beli lebih. Kalau Kerajaan memberi harga minima iaitu serendah-rendahnya \$18, maknanya dapatlah harga lebih. Perkara itu, rasa saya, sudah dijawab di sini, akan ditimbangan.

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu adakah Kerajaan menimbang ditubuhkan satu Jawatankuasa Penyiasat yang terdiri daripada anggota-anggota Parlimen. Maksud saya Dewan Negara dan Dewan Rakyat, wakil Persatuan Pengguna dan wakil Dewan-dewan Perniagaan bagi mengkaji keseluruhannya mengenai kenaikan harga-harga barang-barang yang boleh melumpuhkan, bukan sahaja kedudukan politik negara kita, tetapi banyak efeknya kepada yang lain-lain mengenai masyarakat kita sendiri.

Bolehkah ditimbangkan untuk ditubuhkan Suruhanjaya ataupun Jawatankuasa yang meliputi anggota Parlimen (Dewan Negara dan Dewan Rakyat), wakil-wakil Persatuan Pengguna dan wakil-wakil dari Dewan-dewan Perniagaan yang boleh mengkaji hal-hal mengenai kenaikan harga ini.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Mengenai perkara Jawatankuasa itu, saya tidak berani memberi jawapan di sini, kerana masa ini Kerajaan telah pun melantik sebuah Jawatankuasa yang bertindak dalam perkara itu dan mereka itu boleh buat representation boleh berjumpa kepada mana-mana Ahli-ahli Yang Berhormat atau Consumers' Association dan lain-lain boleh memberi buah fikiran kepada Jawatankuasa itu. Tetapi, cadangan Ahli Yang Berhormat itu saya tidak hendak beri jaminan di sini kerana perkara itu bukan saya boleh beri pengakuan. Saya akan bawa kepada Kerajaan. Samada diterima atau tidak, saya belum tahu lagi.

### SENARAI KERJA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

3. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan samada beliau bersedia menerangkan hasil usaha dan kerjanya semenjak tertubuhnya Kementerian beliau.

**Menteri Tugas-tugas Khas (Dr Lim Keng Yaik):** Tuan Yang di-Pertua, tidak mungkin dapat disenaraikan semua kerja-kerja yang dijalankan semenjak tertubuhnya Kementerian ini. Oleh itu, saya hanya menerangkan sumbangan-sumbangan besar Kementerian ini.

Beberapa bulan menjelang pembentukan Kementerian ini pada awal tahun 1972, Kementerian ini telah mengadakan beberapa majlis dialog dengan beberapa gulungan masyarakat untuk memastikan pemikiran rakyat dari semasa ke semasa. Majlis-majlis dialog ini tidak dihibahkan kerana majlis-majlis ini merupakan perjumpaan-perjumpaan sulit di mana perbincangan dari hati ke hati diadakan. Selepas itu Kementerian ini menilai, berasaskan kepada maklumat-maklumat yang diterima, rancangan aktiviti. Berdasarkan kepada penilaian ini, satu perubahan penting yang telah dibuat ialah penyusunan semula Bahagian

Muhibbah untuk dijadikan satu tenaga yang lebih positif (a more positive force).

Bahagian Muhibbah ini telah diberi nama Bahagian Perhubungan Masyarakat yang bertanggungjawab bagi menjalankan fungsi-fungsi yang lebih besar, lebih penting dan lebih meluas sehingga ke akar umbi masyarakat (grass-root level) untuk kepentingan negara. Tujuan utamanya ialah mengadakan perhubungan yang efektif di dalam masyarakat dan antara masyarakat dengan Kerajaan.

Satu aspek pemikiran baru yang kami lahirkan menerusi rancangan-rancangan Kerajaan adalah umpamanya berhubung dengan perayaan Hari Kebangsaan di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya di mana kalangan ibubapa dan masyarakat seluruhnya menyertai berbagai kegiatan sukan di beberapa kawasan. Kemudiannya kelak perayaan seumpama ini akan diadakan di seluruh negara. Tumpuan pemikiran dan rancangan Kementerian saya ialah untuk melibat penyertaan masyarakat di dalam berbagai kegiatan. Baru-baru ini Kementerian ini telah menganjurkan lawatan oleh berbagai kumpulan ke kawasan-kawasan dan rumah-rumah yang tertentu untuk merayakan hari-hari perayaan ugama—Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina dan Deepavali. Kami menggalakkan semua gulungan masyarakat untuk mengambil bahagian di dalam perayaan-perayaan ini.

Semenjak bulan Disember tahun lepas Kementerian ini telah giat menjalankan kerja-kerja urusetia kepada 3 Jawatankuasa yang telah ditubuhkan oleh Majlis Penasihat Perpaduan Negara dalam mesyuaratnya yang diadakan pada 30hb November, 1972. Jawatankuasa-jawatankuasa ini membincangkan masalah-masalah asas berkenaan dengan perpaduan negara dan saya anggap Jawatankuasa-jawatankuasa ini sebagai amat penting.

Pertama, Jawatankuasa Keperibadian Nasional yang telah diberi tugas untuk mengkaji masalah-masalah mengujudkan Keperibadian Nasional di dalam konteks Rukunegara dan mencari jalan dan cara bagaimana Keperibadian Nasional dapat dibina dengan kukuhnya.

Kedua, Jawatankuasa Pelajaran yang telah ditugaskan untuk mengkaji aspek-aspek pelajaran yang mempunyai hubungan rapat dengan perpaduan negara baik dalam jangka pendek mahupun dalam jangka panjang.

Ketiga, Jawatankuasa Gunatenaga yang telah ditugaskan mengkaji langkah-langkah untuk melaksanakan dengan adil dan lebih cekap lagi akan dasar yang telah diumumkan oleh Kerajaan bahawa pekerjaan di dalam tiap-tiap tempat kerja dan setiap peringkat hendaklah mencerminkan nisbah kaum negara ini dan memupuk perpaduan negara.

Jawatankuasa-jawatankuasa ini telah bermesyuarat beberapa kali. Jawatankuasa jawatankuasa ini membincangkan beberapa Kertaskerja yang disediakan oleh Kementerian ini. Sukacita saya menyatakan bahawa Jawatankuasa-jawatankuasa ini akan dapat mengemukakan perakuan-perakuannya kepada Majlis Penasihat Perpaduan Negara sedikit masa lagi.

Kementerian ini juga terlibat di dalam mentadbirkan Kelas Perpaduan Rakyat. Program Kelas Perpaduan Rakyat ini memberi peluang pelajaran di dalam Bahasa Malaysia dan ini adalah mustahak kerana ia membolehkan rakyat berhubung antara satu dengan yang lain melalui satu bahasa yang difahami semua. Kebolehan menggunakan satu bahasa memberikan peluang untuk memahami satu dengan yang lain dan melahirkan tali persaudaraan.

Kementerian ini juga membuat kajian-kajian dan penyelidikan-penyelidikan dalam beberapa aspek masyarakat Malaysia dengan tujuan untuk menyediakan panduan-panduan dan penyelesaian-penyelesaian terhadap masalah-masalah perhubungan antara kaum dan masalah-masalah sosio-ekonomi.

Kementerian ini adalah di dalam proses mengumpulkan bahan-bahan mengenai adat resam, prasangka, pantang larang, dan lain-lain bagi berbagai keturunan kaum untuk tujuan menolong kaum-kaum itu memahami antara satu sama lain.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan iaitu banyak jawatankuasa telah ditubuhkan oleh Kementerian ini, tetapi ada dua jawatankuasa yang belum ditubuhkan. Adakah Kementerian ini bercadang menubuhkan yang pertama, jawatankuasa Kahwin Campur supaya orang bumiputra boleh kahwin dengan bukan bumiputra dan kedua jawatankuasa anak angkat supaya orang bukan bumiputra boleh ambil anak angkat daripada bumiputra dan begitu juga sebaliknya.

Adakah Kementerian ini bercadang hendak menubuhkan dua Jawatankuasa itu supaya dapat diertakan lagi hubungan di antara kaum yang terbesar dalam negara ini?

**Dr Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih pandangan Ahli Yang Berhormat. Perkara itu, saya akan rojokkan kepada Menteri yang berkenaan.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan salah satu daripada tugas Kementeriannya ialah mengadakan majlis dailog. Dapatkah beliau memberi penjelasan atau penerangan lebih lanjut mengenai tujuan mengadakan majlis dailog dan dailog itu di antara siapa, adakah di antara pegawai Kerajaan dengan orang ramai atau di antara kaum atau bagaimana.

**Dr Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, majlis dailog itu, saya rasa, dalam jawapan saya sudah diterangkan iaitu di antara pegawai Kerajaan dan kumpulan masyarakat, tetapi dailog itu sulit dan tidak boleh diberitahu kepada orang awam.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin:** Soalan tambahan. Saya sedar jawapan Yang Berhormat Menteri tadi menyatakan perkara-perkara yang dibincangkan itu adalah barangkali sulit tetapi saya rasa barangkali tidaklah menjadi keberatan bagi memberikan tujuan mengadakan majlis dailog itu. Saya tidak mahu tahu apa yang dicertiakan di antara orang yang berdailog tadi, saya cuma hendak tahu tujuan mengadakan majlis dailog itu.

**Dr Lim Keng Yaik:** Tujuan dailog itu ialah Kerajaan ingin tahu sekiranya ada apa-apa masalah sensitiviti dalam masyarakat Malaysia. Sesudah mengetahui sensitiviti itu kita boleh menasihatkan Kerajaan untuk membuat polisi atau dasar yang lain.

**Tuan Amaluddin bin Darus:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Perpaduan ini sudah lama ditubuhkan dan memang di Dewan Rakyat pun ditimbulkan soal bermacam-macam dan berkehendakkan jawapan. Jadi, saya ingin tahu apakah pihak Kementerian ini dan Kerajaan yakin dengan cara mengadakan dailog dan majlis sokan itu boleh membawa perpaduan dengan cepat atau terpaksa menunggu tiga jenerasi baru dapat dipadukan rakyat negara ini, sedangkan kita mahu sekurang-kurangnya dalam satu decade kita dapat mengadukan rakyat ini dan berpadu semuanya.

Kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan saya mengulang sedikit ucapan saya sewaktu membahaskan Titah Diraja iaitu saya katakan British sebagai penjajah telah menjajah kita dan memberi kesan cukup-cukup besar kepada kehidupan sosial seluruhnya, semuanya dilakukan dengan undang-undang. Maka untuk menyampaikan kembali kepada perpaduan sesudah dibentuk bangsa Malaysia dengan kaum-kaum yang ada sekarang, kita patut adakan untuk undang-undang mempercepatkan perpaduan itu. Yang saya maksudkan bolehkah Kerajaan yakin dan percaya dengan cara-cara yang dibuat terlalu abstract sekarang ini boleh mencapai maksud kita untuk menyatupadukan bangsa kita, sekurang-kurangnya dalam satu decade dapat disempurnakan sebahagian besar daripada maksud kita, atau kita terpaksa menunggu sampai tiga jenerasi yang akan datang?

**Dr Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir buat undang-undang itu susahlah, kita boleh set an example supaya rakyat negara kita boleh ikut, tetapi untuk membuat undang-undang itu, saya rasa, susah sedikit.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Hussin:** Soalan tambahan, oleh sebab hasil usaha kerja Kementerian Perpaduan Negara ini tidak begitu difahami oleh rakyat, mungkin kerana Pejabatnya itu sangat susah hendak didatangi, bolehkah Kerajaan memikirkan Jabatan itu dipindahkan kepada tempat yang lebih sesuai umpamanya di simpang-simpang jalan yang lebih mudah rakyat sekurang-kurangnya menengok bangunan Jabatan itu sendiri.

**Dr Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, saya tak faham soalan itu.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ulang lagi dengan agak bercakap lambat sedikit. Oleh sebab hasil usaha kerja Kementerian Perpaduan ini masih samar-samar pada rakyat, hanya jawatannya sahaja yang agak diketahui oleh rakyat, mungkin kerana Jabatan itu terletak ditempat yang sangat tinggi, payah didekati atau didaki oleh rakyat. Bolehkah Jabatan itu atau Kementerian itu berpindah ke tempat yang lebih senang rakyat mendekatinya, umpamanya disimpang-simpang jalan, tidaklah macam sekarang ini. Bolehkah Kementerian menimbangkan perkara yang saya kemukakan ini?

**Dr Lim Keng Yaik:** Perkara itu, saya fikir Menteri yang berkenaan boleh timbangkan.

**Datuk Haji Abdul Razak bin Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, Kabinet kita ialah Kabinet sama-sama bertanggungjawab, ertinya kalau kurang ditambah, kalau panjang dikerat, kalau pendek disambung. Saya menyampaikan kepada Dewan ini, rakyat merungut, kurang berpuas hati kerana letaknya Jabatan itu tidak sepadan dengan daya-usahnya sebagai Kementerian Perpaduan yang bukan sahaja terletak di atas bukit, tetapi pintu masuknya juga berjaga. Jadi bolehkah Kerajaan menimbangkan dan memberikan jaminan di Dewan ini supaya rakyat boleh berpuas hati.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya tolong menjawab bagi Menteri yang berkenaan iaitu sebetulnya pada pendapat saya tempat pejabat itu walau pindah ke mana pun saya tak percaya perpaduan itu lebih pantas Bergeraknya. Saya fikir yang dikehendaki itu selain daripada pejabat yang patut diletakkan ditempat yang senang didekati oleh rakyat jelata, penerangan-penerangan lengkap, rasa saya, berkenaan dengan rancangan Kementerian ini hendaklah dibuat daripada semasa ke semasa. Inilah rasa saya satu daripada tujuan yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat. Jabatan ini diadakan di Residensi lama itu kerana rumah itu kosong masa ini dan tak digunakan. Dan kita belum ada lagi jabatan yang kosong di tempat lain, buat sementara digunakan tempat itu, dan perkara ini akan ditimbangkan satu jabatan yang senang di datangi oleh rakyat jelata.

**Dr Mahathir bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Telah ada dua pertanyaan berkenaan Kementerian Perpaduan Negara ini dibuat di dalam Dewan ini dan nampaknya Yang Berhormat Menteri sendiri tidak dapat hadir dan jawapannya dibuat oleh Menteri Tugas-tugas Khas, adakah ini oleh kerana kerja perpaduan ini begitu berat sehingga tidak dapat Yang Berhormat Menteri sendiri hadir, atau adakah terlangsung ringan supaya Menteri lain juga boleh menjalankan kerja dengan sambilan, dan kalau terlalu ringan bolehkah tidak kita meletakkan Kementerian ini ke bawah Yang Berhormat Menteri Tugas-tugas Khas yang menjawabnya.

**Peguan Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di-Pertua, Menteri Perpaduan Negara masa ini sebenarnya bercuti di India, barangkali saya harap pada persidangan akan datang apabila dia ada di sini akan menjawabnya.

#### KES-KES DI MAHKAMAH PERUSAHAAN

**4. Tuan Wong Seng Chow** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau sedar tentang banyaknya kes-kes yang belum diselesaikan oleh Mahkamah Perusahaan disebabkan oleh tidak keupayaan Kementerian beliau untuk menyelesaikan kes-kes itu dengan berkesan.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa ada banyak kes-kes yang belum selesai di Mahkamah Perusahaan oleh kerana Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat boleh menyelesaikan kes-kes itu dengan berkesan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bilangan pertikaian yang telah diselesaikan dengan usaha-usaha pendamaian oleh Pegawai-pegawai Kementerian pada tahun 1971, 132; tahun 1972, 147 dan suku tahun 1973, 47.

Bilangan pertikaian perusahaan dirojokkan ke Mahkamah Perusahaan tahun 1971, 26; tahun 1972, 68 dan suku tahun 1973, 11.

Bilangan pertikaian perusahaan yang diselesaikan oleh Mahkamah Perusahaan dan bilangan keputusan diturunkan termasuk kes-kes dibawa ke hadapan dari tahun lalu tahun 1971, 23; tahun 1972, 58 dan suku tahun 1973, 17.

Pada masa sekarang cuma ada 15 sahaja pertikaian-pertikaian perusahaan yang dalam proses perbicaraan oleh Mahkamah Perusahaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

#### USUL-USUL

##### ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1)

Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai pertimbangan atas semua sekali urusan yang dibentangkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat Mesyuarat, Dewan ini hendaklah ditangguhkan pada satu masa tarikh yang tidak ditetapkan.

**Dr Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1) Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai pertimbangan atas semua sekali urusan yang dibentangkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat Mesyuarat, Dewan ini hendaklah ditangguhkan pada satu masa tarikh yang tidak ditetapkan.

#### ATURAN URUSAN MESYUARAT

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut syarat-syarat Peraturan Mesyuarat 13 (2) Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan) hendaklah dipertimbangkan dahulu daripada Rang Undang-undang lain.

**Dr Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut syarat-syarat Peraturan Mesyuarat 13 (2) Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan) hendaklah dipertimbangkan dahulu daripada Rang Undang-undang lain.

#### RANG UNDANG-UNDANG

##### RANG UNDANG-UNDANG PEJABAT POS (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Lee San Choon):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Akta Pejabat

Pos (Pindaan), 1973 dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk membuat beberapa pindaan kepada Ordinan Pejabat Pos, 1947.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah menjadi negara Ahli Kesatuan Pos Sedunia (Universal Postal Union), dan oleh itu adalah terikat dengan Konvensyen Pos Sedunia (Universal Postal Convention) 1964, yang mengandungi berbagai-bagai undang-undang dan peraturan-peraturan yang menetapkan perkhidmatan pos antarabangsa di antara negara-negara ahli Kesatuan Pos Sedunia. Konvensyen Pos Sedunia ini adalah disemak tiap-tiap lima tahun oleh Kongres Kesatuan Pos Sedunia. Pada sidang Kongres yang akhir, yang telah diadakan di Tokyo pada tahun 1969, pindaan-pindaan yang telah diperbuat kepada Konvensyen Pos Sedunia adalah seperti berikut:

- (a) Penjenisan (Classification) yang dikenali dengan nama "commercial papers" adalah dihapuskan sebagai kategori benda-benda yang berasingan. Dengan penghapusan itu "commercial papers" adalah termasuk di bawah penjenisan "printed matters".
- (b) Penjenisan yang dikenali dengan nama "samples" adalah juga dihapuskan dengan alat-alat pos yang dikenali sebagai "samples" adalah termasuk di bawah penjenisan "small packets".

Oleh itu bagi melaksanakan keputusan-keputusan Kongres seperti yang tersebut di atas maka pindaan-pindaan adalah perlu dibuat kepada seksyen-kecil (2) seksyen 15, seksyen-kecil (1) seksyen 30, dan seksyen-kecil (2) seksyen 31 Ordinan Pejabat Pos, 1947.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pindaan-pindaan yang dinyatakan di atas Rang Undang-undang ini juga mencadangkan supaya pindaan dibuat kepada seksyen-kecil (2) seksyen 54, Ordinan Pejabat Pos.

Seksyen 54, sekarang membenarkan samada pengirim atau penerimaannya membuat tuntutan ke atas Kiriman Wang (Money Order) yang telah dibatalkan oleh sebab tidak dituntut dalam tempoh yang ditetapkan. Untuk mengelakkan tuntutan-tuntutan yang bertelingkah adalah difikirkan sesuai

bahawa sesuatu Kiriman Wang yang telah dibatalkan hendaklah menjadi hak pengirim untuk menuntutnya dan bukan penerimaannya. Ini adalah berdasarkan prinsip bahawa pengirim itu ialah tuan punya wang yang berupa Kiriman Wang itu dan ia mempunyai hak memohon supaya nama penerima itu dipinda ataupun dikembalikan Kiriman Wang itu kepadanya pada bila-bila masa jua selagi bayaran belum dibuat semasa ia membuat permohonan itu. Oleh itu, pindaan kepada seksyen-kecil (2) seksyen 54 adalah perlu dibuat untuk memberi hak hanya kepada si-pengirim membuat tuntutan ke atas Kiriman Wang yang telah dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Kementerian yang berkenaan dan di samping itu saya berharap sebagaimana kata Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai pengiriman dan sebagainya haruslah tidak berlaku lagi perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Di samping itu, saya berharap Pejabat Pos ini menjadi satu tempat pergantungan kepada seseorang kalaulah ia tak boleh berdiri dengan sendirinya dan sebagainya begitu juga tempat simpanan. Tetapi yang sedihnya, Pejabat Pos di Kangar, kalaulah seseorang yang pergi ke situ hendak membeli setem terpaksa memakan masa berjam-jam. Saya berharap pihak Kementerian yang berkenaan mengambil berat kerana di sana ada sebuah Pejabat Pos di pekan Kangar yang begitu ramai penduduknya walaupun kecil, satu sahaja tempat menjual setem dan satu sahaja tempat menyimpan wang dan sebagainya. Kalau seseorang hendak membeli setem dan menyimpan wang terpaksa memakan masa lebih daripada 3 jam. Dan juga ada didapati daripada pegawai-pegawai yang berkenaan bercakap kasar ataupun tak begitu sopan kepada setengah-setengah orang, apatah lagi kalaulah pihak penyimpan-penyimpan itu terdiri daripada orang-orang kampung dan kalaulah pembeli-setem itu juga terdiri daripada orang-orang yang dipandang rendah oleh pegawai-pegawai tadi. Jadi ada pandangan bulu pada tempat membeli setem, begitu juga tempat menyimpan wang.

Saya berharap pihak Kementerian yang berkenaan akan mengambil ingatan, lebih tepatnya bagi Pejabat Pos di Kangar. Saya berharap sekali lagi pihak Kementerian yang berkenaan membanyakkan tempat menjual setem dan tempat-tempat yang boleh menyimpankan wang.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan, adakah Menteri yang berkenaan bercadang hendak membuat satu perundingan dengan pihak negara-negara yang bersama-sama dalam konvensyen pos ini supaya keadaan postal-postal order ini dipinda, dirombak supaya dapat bukan sahaja postal order dari England, tetapi bagi negeri-negeri lain juga boleh kita hantar postal order, sebab cara negeri kita membuat postal order ini sama seperti yang dibuat di England, negeri lain, saya rasa tak ada postal order. Kalau kita beli barang hendak hantar dengan cara postal order, tak dapat. Jadi adakah cadangan daripada pihak Kerajaan kita ini supaya hendak mengadakan satu perundingan supaya dapat kita adakah postal order yang sama sebagaimana yang dibuat oleh orang Inggeris, Jepun, Hong Kong ataupun negeri-negeri lain di sebelah barat sana.

**Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan:** Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong Bil ini, dan minta pihak Kementerian yang berkenaan supaya dapat membantu pasukan-pasukan keselamatan kita yang duduk di Malaysia Timur untuk mengirimi wangnya balek dengan senang, kerana anggota Pasukan Keselamatan kita yang duduk di sana bila masa mereka hendak mengirimi wang balek ke Malaysia Barat ini selalu susah, kadang-kadang surat daftar yang dia hantar itu biasanya sampai di sini sudah kena post-mortem. Di manakah surat itu sudah kena post-mortem, saya tak tahu. Ada keluarga di sini buka surat berdaftar tengok duit di dalam tak ada.

Kalau boleh, Kementerian yang berkenaan dapat mencari satu jalan supaya pengiriman wang daripada pasukan keselamatan kita yang bertugas di sana senang sedikit. Ini sahajalah perkara yang saya hendak cakapkan, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Mansor bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan.

Saya hanya hendak membuat permohonan kepada Menteri yang berkenaan iaitu berhubung dengan kemudahan-kemudahan Jabatan Pos di Negeri Trengganu. Pada masa ini, oleh kerana jajahan Kuala Trengganu, iaitu Ibu Negerinya hanya ada mempunyai sebuah Pejabat Pos sahaja, yang lain-lain hanya diadakan sebagai wakil-wakil pos yang hanya boleh menerima surat-surat biasa dan surat register, kalau kita hendak hantar barang-barang tak dapat. Saya berharap Pejabat Pos ini diadakan di pekan-pekan yang besar dalam jajahan Kuala Trengganu, selain daripada Kuala Trengganu sendiri.

Yang keduanya, oleh kerana keperluan perhubungan pada hari ini sangat pesat dan sangat perlu bagi rakyat di kampung-kampung, saya berharap pihak Kementerian membanyakkan lagi Pos-pos Bergerak yang pada hari ini memang telah ada, tetapi tidaklah begitu mencukupi. Saya harap dibanyakkan lagi terutama di Trengganu, di Pantai Timur sana supaya dapat Pos-pos Bergerak ini menjalani ataupun menjelajah ke segenap kampung, kalau tak dapat tiap-tiap hari pun barangkali boleh dapat selang sehari ataupun tiga kali dalam seminggu di merata-rata tempat. Inilah sahaja permintaan saya.

**Puan Dasimah Dasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap cuma sedikit sahaja iaitu meminta Menteri Perhubungan menerangkan, kalau kita hantar taligram dari Pulau Pinang sampai ke Kuala Lumpur berapa jamkah boleh sampai, dan lagi saya rasa Pejabat Pos ini sebuah pejabat yang paling mustahak. Adalah sangat berguna, kalau kita hendak satu-satu benda itu dengan lekas, kita hantar taligram, tetapi malangnya Pejabat Pos di Pulau Pinang menghantar taligram ke Kuala Lumpur sehingga satu hari baharu sampai—ini nyata sekali.

Saya berharap kalaulah hendak buat satu-satu perhubungan dengan negeri-negeri asing hendaklah membaiki negeri kita dahulu, kemudian baharulah kita membuat perhubungan dengan negeri-negeri lain.

Saya berasa dukacita kerana duit habis banyak, tetapi menerimanya lambat.

**Tuan Lee San Choon:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas pandangan-pandangan yang telah diberi dan Kementerian saya sentiasa akan menimbang-pandangan-pandangan yang telah dibangkitkan.

Berkenaan dengan post-mortem, surat register yang telah dipost-mortemkan saya harapkan kalau ada perkara seperti itu berlaku tolonglah beri kerjasama dari Ahli Yang Berhormat dengan serta-merta melapurkan kepada kita dan saya berjanji apabila sahaja kita terima lapuran seperti itu siasatan yang penuh akan dijalankan. Itu saya berjanji, Tuan Yang di-Pertua.

Berkenaan dengan membanyakkan kaki-tangan dalam Pejabat Pos, Kementerian sentiasa mengkaji perkara itu dari satu masa ke satu masa dan sentiasalah menjadi tujuan kami memperbaiki perkhidmatan kami. Dengan itu juga, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat boleh memberi pandangan-pandangan dan rancangan-rancangan kepada kami supaya kita boleh memberi perkhidmatan yang lebih bagus.

Berkenaan dengan Pos Bergerak yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan tadi, kita sentiasa adakan Pos Bergerak tetapi tidak mencukupi. Kami akan timbangkan cadangan itu, dan jikalau boleh Kementerian kami akan tambah lagi Pos Bergerak itu.

Berkenaan dengan taligeram yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya tidak dapat jawab dengan serta-merta atas soal itu, jikalau Ahli Yang Berhormat boleh serahkan kepada kami, kita akan siasat dengan sepenuhnya, kenapa satu taligeram itu sampai satu hari tiba dari Pulau Pinang ke Kuala Lumpur. Kita akan siasat dan saya tidak dapat jawab sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 5* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL

### ATURAN URUSAN MESYUARAT

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut syarat-syarat Peraturan Mesyuarat 13 (2) Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) hendaklah dipertimbangkan dahulu daripada Rang Undang-undang yang lain.

**Dr Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut syarat-syarat Peraturan Mesyuarat 13 (2) Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) hendaklah dipertimbangkan dahulu daripada Rang Undang-undang yang lain.

### RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Akta bagi meminda Ordinan Dadah Berbahaya, 1952 dibacakan pada kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini adalah diterangkan dengan nyatanya dalam Huraian. Salah satu daripada tujuannya ialah untuk meminda seksyen 30 yang ada sekarang. Seksyen yang ada sekarang itu tidaklah sebegitu lengkap dan tidak menyebut apakah terjadinya kepada barang-barang dirampas termasuk kenderaan jika tiada sesiapa yang didakwa di hadapan Mahkamah. Dengan pindaan yang dicadangkan itu mana-mana tuan empunya barang-barang itu bolehlah membuat tuntutan dengan bersurat kepada pegawai polis atau pegawai kastam yang kanan. Tuntutan itu akan dirujuk kepada Yang di-Pertua Mahkamah Seksyen. Mahkamah akan menentukan samada benda-benda yang dituntut itu ada digunakan bagi melakukan mana-mana kesalahan di bawah Ordinan Dadah Berbahaya. Jika didapati sedemikian maka Mahkamah tidak ada jalan lain melainkan memerintah supaya barang-barang itu dirampas. Barang-barang itu hanya boleh dikembalikan jika tidak ada bukti bahawa barang-barang itu digunakan bagi melakukan kesalahan itu.

Rang Undang-undang ini juga mencadangkan supaya suatu peruntukan dimasukkan ke dalam Ordinan Dadah Berbahaya untuk memberikuasa kepada Ketua Polis Negara atau Ketua Pengarah Kastam dan Eksais mengeluarkan hadiah-hadiah yang ia fikir patut pada mana-mana pegawai atau lain-lain orang kerana memberi maklumat tentang kesalahan-kesalahan di bawah Ordinan itu. Ini adalah selaras dengan peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Akta Eksais 1961 dan Akta Kastam 1967. Lain-lain peruntukan yang dicadangkan di bawah Rang Undang-undang ini ialah untuk memberatkan penalti bagi kesalahan-kesalahan yang tertentu sebagaimana yang disebutkan dengan nyatanya dalam Huraian kepada Rang Undang-undang itu. Saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Fasal 4 yang mencadangkan memasuki ke dalam Ordinan Dadah Berbahaya satu seksyen baharu 39A. Seksyen baharu 39A yang dicadangkan itu akan memberatkan lagi penalti ke atas sesiapa yang melakukan kesalahan memiliki, mengeksport (mengeluar), mengimpot (bawa masuk) atau mengalih dalam transit heroin atau morphine yang beratnya 3 gram atau lebih dengan hukuman penjara tidak lebih daripada 14 tahun tetapi tidak kurang daripada 3 tahun, bermakna, tidak denda dengan wang. Dengan adanya peruntukan-peruntukan ini maka adalah diharapkan penalti yang berat itu akan menakutkan atau menambah menakutkan seseorang daripada melakukan kesalahan-kesalahan di bawah Ordinan Dadah Berbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememang sangat sedar bahaya madat dan dadah berbahaya yang digunakan dan telah diedarkan dalam negeri kita ini, dengan sebab itu bagaimana Ahli Yang Berhormat maklum yang telah saya beri kenyataan pada akhbar-akhbar iaitu Kerajaan telah menubuhkan satu Pusat Biro Narkotik atau Central Narcotic Bureau yang ditugaskan di bawah jajaan saya sendiri. Biro ini adalah dianggotai oleh pegawai-pegawai polis dan kastam yang dipilih khas kerana kecakapannya dan kepintarannya tentang siasah dan lain-lain dan biro ini membuat kerja selain daripada mencegah untuk menangkap dan lain-lain ialah mengadakan beberapa cawangan, tetapi yang mustahak sekali saya terangkan dua: satu Cawangan memberi penerangan dan pelajaran pada orang awam, dan satu lagi cawangan untuk menyimpan segala kenyataan-kenyataan iaitu penyata-

nyata sulit; Cawangan Penyelidikan yang mana kita kumpulkan segala bahan-bahan perkhabaran-perkhabaran, nama-nama orang yang kita syakki menjalankan penyeludupan ini, kita siasat dan selain daripada itu Badan Pencegah Narkotik ini bekerjasama rapat dengan Jabatan Polis dan Kastam. Jabatan Polis dan Kastam seperti biasa berjalan juga menangkap mereka itu, tetapi dengan adanya Biro yang ditubuhkan khas seperti Anti-Corruption Bureau, kerjanya ialah ditumpukan kerana mencegah berbahaya madat.

Dadah berbahaya dan madat ini, saya telah beberapa kali memberi ucapan kepada khalayak ramai menyatakan adalah bahaya sangat besar pada masyarakat kita khususnya masyarakat Malaysia yang sedang membangun. Sungguhpun kita fikir negeri Malaysia ini, kalau dibandingkan, saya tahu daripada rekod-rekod dan perjalanan saya dengan negeri-negeri lain betul sangat berkurangan penggunaan madat dan dadah, tetapi kata orang sebelum babi masuk ke pagar makan padi, kita mesti sediakan pagar siang-siang, dan kita adakan Biro ini khas kerana itu.

Bahaya madat pada pendapat saya dalam negeri ini pada masyarakat dan pada negara, saya kata beberapa kali boleh dikatakan nombor dua daripada bahaya militen komunis. Saya berkata begitu kerana kalau dipandangkan daripada segi jenayah, kalau seseorang itu membunuh seorang yang lain akibatnya ialah seorang mati dan barangkali yang menderita ialah isteri dan anak keluarga si mati. Tetapi kalau seseorang telah dapat membawa masuk ke negeri kita ini, tidak usah banyak, 5 lb. heroin. Kalau 5 lb. heroin dapat dibahagi kepada pengguna-pengguna dan rakyat jelata, saya percaya famili-famili yang menderita itu lebih kurang 5,000 orang. Apabila saya membaca di akhbar-akhbar pada setengah setengah negeri di Middle East hukuman bagi penyeludupan cara seperti ini ditembak di khalayak ramai atau di pancung, kerana bahayanya itu ialah lagi bahaya pada segala yang lain. Walaubagaimanapun, kita telah gandakan dua kali hukuman, tetapi kalau ini pada masa akan datang tidak mencukupi, kerana kita sedar orang-orang yang menyeludup ini kadang-kadang orang yang kaya, senang, ada wang, sedia sahaja membayar berapa banyak hukuman denda, tetapi kalau ini tidak mencukupi, saya mengaku di Dewan ini dan berjanji dan sekiranya dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat, kita akan pinda sekali lagi dan ditambahkan lagi berat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dr Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua,** saya mohon menyokong.

**Tuan Wong Seng Chow:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Akta Pindaan ini. Sebab-sebab pindaan ini telah pun diterangkan dengan jelas di dalam nota penerangan dan dikemukakan pindaan ini pada masa ini adalah berpatutan disebabkan oleh perkembangan bahawa menggunakan dadah. Masalah kegunaan dadah adalah satu masalah sosial. Menjatuhkan hukuman walaubagaimana keras pun boleh jadi tidak akan mengawal masalah ini.

Kerajaan ini, selain daripada Bil ini mesti menimbang untuk mengajar orang awam terhadap bahawa dadah. Pengajaran yang seperti ini mestilah dimulakan di sekolah-sekolah dan di tempat-tempat dimana kaum belia berada. Klinik-klinik khas mestilah ditubuhkan untuk memberi nasihat percuma dan juga perubatan.

Kerajaan ini mesti juga memikirkan tentang cadangan mendirikan pusat-pusat rehabilitation untuk mengubah mereka yang telah dihukum kerana menggunakan dadah. Hukuman penjara atau denda tidak akan menakur atau memulih keadaan mereka. Orang-orang yang seperti ini mesti disifatkan sebagai orang yang menghidap penyakit yang berbahaya dan penyakit seperti ini tidak boleh dibaiki dengan hukuman penjara atau denda. Satu aspect masalah ini ialah orang-orang yang traffic in drugs atau dadah kebanyakan membuat demikian ialah kakitangan syndicate-syndicate yang besar. Oleh yang demikian, apa-apa denda tidak kira berapa banyak pun tidak menjadi masalah kepada syndicate-syndicate tersebut kerana mereka selalunya mendapat keuntungan yang sungguh besar dan oleh itu mampu menjaga kakitangan mereka.

Untuk perkara seperti ini Kerajaan mestilah mempunyai cadangan-cadangan yang lain untuk menghapuskan perdagangan-perdagangan dadah. Perdagangan-perdagangan dadah pada masa ini adalah menjadi lebih senang dengan adanya alat-alat kenderaan atau transport yang modern.

Bukan sahaja syndicate yang besar bahkan juga mereka yang datang sebagai pelancung sedunia yang terlibat di dalam perdagangan

dadah. Kerajaan mestilah memberi perhatian yang lebih mendalam terhadap orang-orang seperti ini.

Baharu-baharu ini di dalam negara kita, beberapa orang telah ditahan, kerana memiliki dadah dan didapati mereka ialah kakitangan syarikat penerbangan luar negeri. Tindakan terhadap orang-orang seperti ini tidaklah mencukupi. Kerajaan mesti dengan terang dan jelas memberitahu syarikat penerbangan tersebut, iaitu sekiranya terjadi perkara ini sekali lagi pakar penerbangan mereka di dalam negeri akan terlibat. Negara kita ini ialah sebuah negara yang sedang membangun dan penyakit ini datangnya daripada negeri-negeri yang lebih maju, mestilah diperhatikan dengan teliti supaya progress dan harmoni rakyat kita tidak akan menjadi masalah yang berbahaya.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan mengucapkan tahniah kepada keterangan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Peguam Negara dalam masa beliau mengemukakan pindaan kepada Rang Undang-undang ini.

Sebenarnya pada pendapat saya, dadah berbahaya ini bukan sahaja seperti yang dikatakan oleh Peguam Negara tadi bahawa membahayanya adalah nombor dua daripada Kominis, tetapi saya anggap dia lebih besar daripada fahaman itu sendiri. Malahan, kalau hendak disamakan boleh kita kata dia *itu sama dengan syaitan*. Kalau syaitan kita hendak hapuskan, tak boleh hapus, begitu juga barangkali dadah berbahaya ini tidak terhapus, oleh kerana dia merupakan perbuatan yang hidup di tengah-tengah manusia yang hendak mencari keuntungan, mencari kesenangan, orang yang telah frust dan sebagainya. Dan selama manusia ini bernama manusia, maka dadah yang berbahaya seperti ini akan sulit hendak dihapuskan. Kalau demikian halnya tindakan-tindakan yang lebih berkesan, lebih kuat hendaklah diambil. Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Peguam Negara berkenaan dengan kereta yang membawa dadah-dadah ini semua, yang menyusahkan ini boleh dirampas, saya rasa, saya bersetuju dengan sahabat saya yang sebentar tadi bercakap bahawa merampas kereta sahaja tidak cukup oleh kerana syndicate yang membawa masuk barang-barang yang berbahaya ini merupakan suatu

syndicate internasional yang ada hubungannya di antara New York, London, Singapura, Hong Kong, dan sebagainya, maka bagi fahaman saya untuk menjaga keselamatan dalam negeri kita selain daripada keselamatan keruntuhan moral yang kita sebutkan disebabkan oleh keinginan nafsu, maka dadah merupakan satu alat bagi meruntuhkan akhlak bangsa kita ini. Rakyat kita ini dengan tidak ada ampun, dengan tidak ada tabik, dia menghasut daripada sudut kehidupan kita seluruhnya.

Oleh kerana tiarakan yang dicadangkan oleh kerajaan hendak meletakkan atau menjatuhkan hukuman yang berat dengan tidak ada denda, suatu undang yang menasabah, sehingga kata Peguam Negara kalau ini tidak menasabah juga, kita akan mengambil pindaan yang lebih berat, tetapi saya suka menarik perhatian Peguam Negara, apa salahnya di dalam masa kita mengadakan pengkajian semula nanti ditambah hukumannya bukan sahaja dimasukkan ke dalam penjara merupakan suatu siksaan batin kepada orang itu, tetapi kita harus memberikan hukuman sebat kepada orang itu, dimasukkan dia ke dalam penjara dan disebut tiap-tiap hari sehingga dia mati, sebab dia keluar pun menjadi masyarakat yang tidak berguna. Dan dia kalau ada pun anaknya akan terlibat dengan penyakit yang diinggalkannya. Kalau kita bunuh dia, barangkali Kerajaan kita ini terlalu zalim, nanti orang kata begitu, tetapi dihukum dalam penjara selama 10 tahun dan tiap-tiap hari kita hadiahkan dia rotan bukan roti, rotan tiap-tiap hari dan sesudah itu dia habis, meninggal, mati, sebab saya rasa orang yang membuat Undang-undang ini akan mendapat pahala yang sebesar-besarnya dari Allah, oleh kerana dia telah mencuba untuk menghapuskan jenayah. Seperti yang dikatakan oleh Peguam Negara sebentar tadi kalau dia hidup dan dafarannya di luar dia bukan sahaja membunuh orang ramai, tetapi dia akan membunuh beberapa generasi, ini paling berbahaya dan hukuman orang yang membunuh tidak ada lain hukuman melainkan dihukum, tetapi oleh kerana pembunuhan yang dilakukan oleh mereka ini adalah pembunuhan secara beransur-ansur, maka kita pun melakukan pembunuhan terhadap mereka itu secara beransur-ansur 10 tahun dan 20 tahun dengan kita hadiahkan dia sebat dan akhirnya dengan beransur-ansur dia mati.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa, ini patut ditimbangkan kalau mustahak, sebab kalau

di Timur Tengah orang membuat hukuman, kalau ada orang dia membawa dadah ini, dia akan ditembak di khalayak ramai dan kita tidak mahulah melakukan perbuatan itu sekalipun itu adalah ubat yang paling mujarab kepada orang yang membawanya. Di Malaysia kita ini, kalau adalah undang-undang seperti ini, kita dapati orang ini di Subang Airport dan kemudian di Subang Airport itu juga kita buat satu tempat untuk menembak mati orang itu, saya rasa tidak ada orang yang berani hendak membawa narkotik atau apa-apa dadah ke dalam negeri ini.

Rasa saya, tidak ada undang-undang yang boleh mencabar Undang-undang Islam, sebab Undang-undang Islam ini merupakan suatu hukuman yang menasabah, dibuat oleh Tuhan sendiri bagi menghapuskan segala kezaliman, dan penindasan. Di dalam Hukum Islam, kalau orang itu berzina dan didapati sah berzina, atau orang itu membunuh orang dan didapati sah dan sabit kesalahannya, atau orang itu mencuri dan didapati sabit kesalahannya, maka hukuman kepada mereka itu mestilah dilakukan terhadapnya di khalayak ramai. Macam kita sudah sembahyang di mesjid, di Kabah, maka orang ini diisytiharkan akan dijatuhkan hukuman kerana kesalahan begini-begini, kesalahannya berzina misalnya, melakukan perzinahan dengan isteri orang maka dihukum rejam dan dibunuh. Melakukan kecurian, mencuri, maka di depan orang dikerat tangannya, melakukan pembunuhan, maka orang itu semasa itu juga dipotong kepalanya maka Undang-undang seperti ini banyak kesannya sekalipun tidak akan menghapuskan, sebab ditempatkan yang ada hukuman seperti itu pun masih berlaku juga, soal-soal seperti ini secara sembunyi-sembunyi, tetapi manakala didapati maka hukuman yang menasabah ialah menghapuskan, sebab saya bersetuju dengan pendapat Peguam Negara kerana membuat pagar mustahaknya daripada kita menunggu babi masuk ke dalam kawasan kita. Jadi, babi itu hendak masuk dan pagar kita baharu pagar duri. Lebih baik, mana yang bagus kalau kita buat pagar yang kuat atau tembak babi yang hendak masuk. Yang mana dahulu kita hendak buat? Ini terserah kepada Peguam Negara sendiri. Kalau dia fikir kita buatlah pagar biarlah babi ini masuk juga setelah kita pagar, kita cari dia, saya rasa babi ini sekali dia beranak 20 ekor. Begitu jugalah dadah ini. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, dalam masa kita

hendak membuat pagar negara kita ini daripada dimasukkan dadah dan kita tembak semua babi yang hendak masuk. Ertinya kita **tangkap orang-orang ini dan dijatuhkan hukuman yang rasa saya berat juga**, lima tahun, seperti Ahli Parlimen duduk di dalam Dewan ini lima tahun, lama juga rasanya dan lebih-lebih lagi kalau duduk dalam jail, lebih lama, tetapi saya minta supaya kalau hendak direview nanti undang-undang ini dijatuhkan hukuman yang lebih berat dengan pukulan, dibagi sebat dibelakangnya satu hari tiga kali supaya mereka itu serik.

Saya rasa, seperti yang dikatakan oleh sahabat saya tadi, adakah rehabilitation untuk mengumpulkan orang-orang ini, dibuat satu tempat, diberikan satu pemulihan akhlak. Pemulihan akhlak ini, kalau orang yang sudah rosak akhlaknya betul-betul jangan pulihkan. Serupa juga kita membuat sebuah rumah pelacuran yang begitu dekat, orang-orang yang penyakitnya sudah sampai ke muka, orang-orang ini yang hendak disempurnakan dibaiki, orang inilah ada penyakit, saya rasa tidak menasabah. Yang menasabahnya orang-orang yang hendak kena. Ertinya orang yang mula-mula ingat hendak jadi itu. Maka oleh kerana itu, kita terpaksa membenters soal-soal ini di sekolah-sekolah. Sekolah-sekolah yang saya maksudkan ini bukanlah sekolah-sekolah Darjah I-II. Tetapi mulai sekolah menengah maka soal-soal ini, bahaya-bahayanya hendaklah disebar, diberitahu dan begitu juga bahaya-bahayanya disebutkan dalam talivisyen bukan semata-mata hendak menunjukkan gambar sahaja. Gambar-gambar yang ditunjukkan di talivisyen ini: Awaslah dadah, dadah merbahaya. Gambar itu cantik sedikit. Yang sebenarnya buat macam Jabatan Kerja Raya diletaknya: Siapa membawa kereta laju dia jadi tengkorak. Ini pun banyak orang bawa kereta laju.

Dalam talivisyen misalnya eloklah dibuat gambar-gambar yang menakutkan, gambar-gambar yang menggerunkan. Di samping itu kalau sekiranya ada Biro Narkotik ini, selain daripada Biro Narkotik ini untuk hendak menangkap orang, saya rasa dari segi psychologynya elok juga Biro ini melantik para ulamak-ulamak, ahli-ahli ilmu, ahli-ahli cerdas pandai, doktor, ahli-ahli yang mengetahui, yang dihormati oleh orang duduk di dalam Biro Narkotik ini. Bukan setakat hendak menangkap tetapi cuba hendak memberi pengetahuan, pelajaran dan amaran

kepada orang supaya jangan lakukan ini. Kalau hendak menangkap orang ada polis dalam Biro ini juga, ada askar, ada polis, **ada pegawai-pegawai yang boleh menangkap**, tetapi yang hendak memberi amaran kepada orang itu mesti ada satu golongan dalam Biro itu juga supaya mereka itu dapat kembali sedikit demi sedikit ke dalam masyarakat. Kalau sekiranya tidak dapat apa kita hendak buat selain daripada kita meletakkan hukuman yang berat kepada mereka. Dan oleh kerana itu, syndicate besar seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat sahabat saya tadi, kadang-kadang kita boleh jumpa barang-barang itu dalam sebuah rumah yang besar. Bagaimana pendapat Peguam Negara kalau didapati benda itu dalam rumah? Adakah rumah itu boleh dirampas dan dilelong? Tadi motokar sahaja. Bagaimana kalau kita dapat dalam sebuah rumah samalah seperti apa yang dikatakan oleh sahabat saya tadi sebuah syarikat penerbangan orangnya terlibat di dalam membawa dadah berbahaya ini. Kalau demikian halnya, apa halnya berlaku kepada kapalterbang ini di mana kakitangannya terlibat di dalam perbuatan yang keji ini? Ini hendaklah difikirkan atau ditimbang oleh Kerajaan sendiri bagaimana caranya hendak menghapuskan dadah.

Yang pertama sekali, kalau didapati dalam sebuah rumah yang besar kepunyaan taukeh-taukeh besar, maka rumah itu patut dilelong, dijual dijadikan hak negara, dijadikan itu tempat pemulihan akhlak misalnya hasil daripada orang yang membuat itu, dijadikan **ini tempat pemulihan akhlak orang yang telah mendapat penyakit dadah dan orang yang tuhan punya rumah itulah satu daripada taukeh yang membawanya**. Ini satu kegiatan juga yang boleh menolong Kerajaan di dalam memulihkan. Kalau sekiranya tidak, itu tidak menjadi soal kepada jutawan-jutawan ini kalau motokarnya kena tangkap cuma \$20,000 sahaja tetapi rumahnya, harta-bendanya dirampas semua sekali Kerajaan buat satu undang-undang dan saya boleh menyokong dan Dewan ini boleh menyokongnya, kita merampas semua hak dia demi dia merosak rakyat negeri ini. Maka saya rasa, tindakan yang seperti itu walaupun agak sakit, tetapi kalau kita buat satu pemilihan umum, setuju atau tidak dengan Rang Undang-undang yang akan dibuat misalnya, saya rasa sokongan rakyat 90 peratus kepada tindakan yang hendak dibuat oleh Kerajaan. Oleh sebab itu, hukuman

yang berat yang telah dijalankan ini adalah satu hukuman yang sekurang-kurang untuk menghapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan tahniah oleh kerana tidak ada denda nampaknya yang hendak dijatuhkan, cuma hendak dijatuhkan hukuman-hukuman berat. Tetapi saya katakan ini merupakan satu jalan yang baik dan percayalah bahawa orang yang berusaha bagi menghapuskan kezaliman bagi menghapuskan segala perbuatan-perbuatan keji, perbuatan-perbuatan yang tidak diredai Tuhan walaupun mendapat kutukan dari satu golongan tetapi akan mendapat pujian dan pahala dari Allah Subhanahuwataala. Kerana itu, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Akta bagi meminda Ordinan Dadah Berbahaya ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Peguam Negara, kerana telah mengambil berat atas merbahayanya tentang dadah ini. Dan puncanya ialah daripada Dewan Negara ini yang membawa perkara narkotik ini dengan perbahasan yang panjang lebar, tetapi sekarang kita sudah nampak akan bahayanya bagaimana dikatakan oleh Yang Berhormat Peguam Negara tadi. Tetapi saya tidak nampak macam mana caranya kita boleh buat sekali pun kita beri dia masuk jel bertahun-tahun. Saya ada berjumpa seorang pakar perubatan berkenaan dengan orang-orang yang kena penyakit dadah, morphine dan sebagainya. Dia berkata ubat sahaja tidak boleh memperbaiki sesuatu itu apabila dia sudah mendapat penyakit itu, melainkan dengan diri dia sendiri. Maka sudahlah sampai masanya bagi Kerajaan mesti bertindak dengan mengadakan satu pulau untuk orang-orang yang ada penyakit ini diletakkan kepada satu tempat seperti orang-orang jahat sekarang (gangsters) dengan diadakan satu pulau. Kalau tidak, sekalipun 5 tahun kita taruh dia dalam penjara, apabila dia keluar, dia lebih bergiat lagi kerana bukan kegiatan mereka itu menjadi merbahaya bahkan akan menakutkan orang-orang lain sekiranya mereka itu keluar dan diberitahu siapa, di mana tempat dapat membeli madat ini, atau morphine, dia mengambil tindakan sehingga membunuh mereka yang semacam itu. Jadi itulah merbahayanya.

Saya juga suka hendak menarik perhatian Kerajaan supaya mengambil perhatian berat bagi membela nasib orang-orang yang ada penyakit-penyakit ini di Tanjong Rambutan, tetapi bagaimana kita kaji, berapa banyaknya manusia pemuda-pemuda pemudi-pemudi yang menghisap ganja dan morphine ini, tetapi orang yang berbuat di situ kurang.

Kita tahu di dalam negara kita ini ada berapa buah tempat-tempat yang didapati oleh Kerajaan orang menanam ganja. Ini satu perkara yang amat merbahaya, jikalau kita tidak bertindak dengan lebih giat, sekiranya terdapat di mana-mana tanah yang dibuat oleh orangramai ada menanam ganja, maka tanah itu sendiri mestilah dirampas oleh Kerajaan.

**Dr Lim Ah Sitt:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang undang Akta Dadah Berbahaya (Pindaan), 1973 yang masih dalam perbincangan.

Saya ingin mengambil peluang ini mengucapkan tahniah kepada Biro Narkotik Pusat di bawah pimpinan Peguam Negara kerana menjalankan kerja-kerja baik untuk mencegah sebahagian kegunaan dan salah pemakaian dadah merbahaya. Bagaimana terbukti dalam siaran-siaran suratkhbar tentang aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Biro Narkotik Pusat untuk menangkap dan mendakwa kes-kes madat, morphine heroin khasnya kanabis iaitu ganja dan dadah lain yang merbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, salah kegunaan dadah iaitu dalam bahasa Inggeris abuse of drugs adalah satu problem sosial yang serious yang menjadi wabak masyarakat per-usahaan dan bandar dan wabak ini merebak di seluruh bandar Malaysia. Menurut statistik yang terkumpul oleh Yunit Perubatan iaitu Psychological Unit, University Hospital dan Psychiatric Unit, Hospital Besar Pulau Pinang, penggunaan candu dan morphine adalah terhad kepada golongan orang Cina yang berumur lebih 40 tahun ke atas dan penggunaan ganja adalah terhad pada pemuda Melayu dan India yang muda.

Pada masa sekarang banyak belia termasuk pelajar-pelajar sekolah menengah, maktab dan universiti sedang menggunakan dadah seperti ganja, heroin, pep pill, sex pill, tranquiliser, henotic dan pill MX dan lain-lain. Daripada dadah itu nampaklah ganja adalah lebih digunakan. Oleh kerana pokok

ganja adalah ditanam di Malaysia, di mana-mana hutan atau ladang di kawasan luar bandar yang sulit di sini saya mendesak Menteri yang berkenaan atau Jabatan Perhutanan mengambil perhatian di dalam perkara ini bila diadakan lawatan ke hutan-hutan dan ladang-ladang.

Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab salah-guna dadah yang berbahaya ini adalah seperti berikut:

- (1) Kumpulan orang yang menggunakan dadah untuk meringankan sakit dan penderitaan dalam penyakit kronik iaitu digunakan candu, morphine, pathedine dan lain-lain untuk penyakit kronik seperti sakit jantung, paru-paru, asthma dan kes barah (cancer) yang tidak boleh disembuhkan dan penyakit sengal kronik bagi mengurangkan kesakitan.
- (2) Kumpulan orang mengambil dadah kerana keriang dan kesukaan yang sejurus sahaja dan keinginan tahu kerana mencampuri dan dipengaruhi oleh kumpulan jahat. Dadah itu termasuk ganja, heroin, ubat peransang sex, pill MX (mandrax).
- (3) Kumpulan orang yang mengambil dadah kerana ingin tenang otak di siang hari dan membolehkan mereka tidur di waktu malam. Dadah ini termasuk bermacam-macam tranquiliser dan henotic.
- (4) Kumpulan pelajar-pelajar sekolah menengah dan kolej-kolej universiti yang mengambil pep pill untuk merangsangkan otak mereka yang letih bagi menghadapi peperiksaan penting. Penggunaan dadah ini selalu dan tetap akan mendatangkan akibat yang merosakkan otak dan tubuh mereka, dan mengakibatkan penyakit-penyakit yang lain.

Sungguhpun saya bersetuju sepenuhnya atas syarat Fasal 6, yang menuntut tambahan lebih berat hukuman bagi pelanggar kesalah dalam mengespot, mengimpot, memperolehi, memperniagakan secara haram, mempunyai dan membahagi dadah yang berbahaya untuk mencegah problem salah-guna dadah bahaya di Malaysia, tetapi saya ingin menyebutkan bahawa undang-undang hanya satu alat mencegah problem raksaksa ini. Usaha bersama hendaklah dijalankan oleh clinician di hospital, pendidikan-pendidik di sekolah dan maktab, guru-guru dan ibubapa, pekerja-

pekerja masyarakat untuk mencapai kejayaan dalam mengatasi problem ini. Sebaliknya langkah permulaan hendaklah disediakan oleh Kerajaan untuk mengubati penyakit-penyakit dadah. Orang yang didapati salah-gunaan dadah ialah orang itu otaknya tidak begitu kuat. Janganlah didenda dengan hukuman berat dan dihina. Orang itu hendaklah diberi simpati dan diubati di hospital penyakit jiwa iaitu psychiatric hospital dan pusat rehabilitation sebagai Hospital Bahagia di Perak dan Hospital Permai di Johor. Dengan demikian maka saya mendesak Kerajaan mengadakan lebih banyak lagi psychiatric unit iaitu unit pesakit jiwa di semua hospital besar seluruh Malaysia untuk menafaatkan penyakit dadah dan mencegah salah-guna dadah di negara kita.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Peguam Negara.

Saya yakin dengan adanya Rang Undang-undang ini akan mengurangkan sedikit penyakit sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Haji Othman Abdullah tadi, orang yang kena penyakit dadah ini adalah macam syaitan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat Tuan Haji Othman tadi dan saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuhnya. Beberapa tahun yang lepas, saya biasa pergi ke tempat-tempat di kedai-kedai kecil. Saya tengok ada kumpulan pemuda kampung sedang ketawa berdekah-dekah. Saya bertanya; "Apa penyakit ketawa beramai-ramai ini, apa yang diketawakan?" Jawab orang yang ada di situ; "Mereka itu hisap ganja atau pun hisap dadah". Rupanya pelik, bila dia hisap ganja dan penyakit syaitan tadi telah masuk kepada mereka, macam mana kata Tuan Haji Othman tadi, mereka tak tahu, hanya dia tahu seronok sehingga melambung-lambung sampai ke parit dan tidur di sana. Pendek kata, penyakit ini amatlah berbahaya. Dengan sebab itu, tujuan Rang Undang-undang ini yang pertamanya, kerana hendak menahan daripada peniaga yang mencari keuntungan banyak, kerana manusia telah menjadi lazim mencari keuntungan banyak, walaupun perkara itu diharamkan oleh Kerajaan daripada dibawa masuk. Tentulah akan dibawa masuk juga, tetapi ada barang-barang yang kita tengok

walaupun diharamkan dari segi undang-undang, saya tak bermaksud supaya dihalaikan perkara itu, seperti lembu-kerbau yang dicakapkan oleh saudara-saudara kita yang lain iaitu masaalah beras dan sebagainya, tetapi bila orang itu memakai atau menjadi keperluan dan sebagainya tak dapat dilakukan, tetapi macam ganja dan madat sesudah diharamkan ataupun salah dari segi Kerajaan orang-orang yang makannya pula menjadi penyakit, satu penyakit yang dikatakan tadi penyakit syaitan, dan juga penyakit yang bukan-bukan, dengan sebab itu, kenalah pada tempatnyalah Kerajaan mengambil tindakan yang begini wajar.

Tetapi walaumacamma sekalipun, agak saya, undang-undang yang telah dibuat oleh Kerajaan banyak yang baik dan sedikit sangat yang tidak baik, lebih tepatnya saya kata 99% yang baik waluaapapun undang-undang. Tetapi dengan adanya undang-undang keadaan tetap berlaku. Dengan sebab itu, agak saya ada di antara kakitangan-kakitangan yang terpaksa menjalankan undang-undang yang telah diluluskan oleh Kerajaan tadi menyeleweng. Bukan semua, tetapi ada yang menyeleweng, sebab saya kata begitu, apabila ditanya oleh Peguam Negara, saya pun tidak teringat nama yang berkenaan. Mana dia ambil ganja ini? Aku ambil di situ. Siapa orangnya, Polis tangkap kata saya. Polis tangkap pun diberi kepada kami, Polis pun elak sama.

Keadaan yang begini, kita berharap pagar seperti yang dikatakan oleh Peguam Negara tadi betul-betul dia hendak buat pagar dahulu supaya jangan, dia masuk. Tetapi kadangkadangkang biasa juga berlaku, kita harapkan pagar, makan padi. Biar dia dahulu yang makan. Ini yang kita takut. Dengan sebab itu, saya berharap kepada Peguam Negara di samping kita mengetatkan undang-undang ini kepada pegawai-pegawai yang berkenaan yang akan menjalankan tugas-tugas ini pada hal semua pegawai-pegawai ini bukan semua yang tidak baik, saya minta maaf, jangan pula orang kata semua Ahli Dewan Negara hentam ada Pegawai Kerajaan yang cukup waraq, yang cukup baik, seumpama Ketua Polis Perlis, Haji yang cukup waraq begitu juga dengan Timbalan dan sebagainya, saya kata ini bukan semua, ada pegawai-pegawai. Dengan sebab itu, biarlah pegawai-pegawai yang akan menjalankan perkara ini baik dari segi Polis atau pun lain-lain hendaklah

orang-orang yang betul-betul bertanggungjawab seboleh-bolehnya dan peribadi yang baik, segi ugamanya baik dan segala-galanya baik. Inilah baharu boleh menahan dari segi hendak mengamankan soal ini, menangkap dan sebagainya.

Yang kedua, tiap-tiap peniaga hendakkan keuntungan, bila untung, orang beli dengan banyaknya. Harga itu boleh jadi untung. Salah satu daripadanya ialah mengambil tindakan kepada pembawa atau pun peniaga, kepada pengguna atau pun penghisap-penghisap madat ini. Saya mencadangkan juga berilah hukuman yang agak setimpal mengikut keadaan. Saya kata begitu macam cara budak-budak kampung yang pada pendapat saya, mereka ini mula-mula cuba menghisap ganja. Kalau ditanya mengapa, katanya untuk seronok. Kalau Kerajaan mengambil tindakan serbu atau pun intip macam intip Polis pergi menangkap, lama-lama penduduk-penduduk yang baharu-baharu belajar hisap akan tidak menghisap lagi, kerana dia takut kena tangkap masuk tiga atau empat lima hari lock-up. Agak saya dengan kenanya lima hari lock-up atau 10 hari lock-up, dia sudah serik dan tidak berani lagi menghisap ganja. Jikalau dia belum lekat lagi dengan begitu baik, kerana kita tahu orang kita ini, satu-satu benda bila dia mendengar, dia juga ada satu perasaan yang ingin mengambil tahu, mengapa orang menghisap sangat ganja itu. Mengapakah awak tidak pergi hisap? Pendapat saya, hendaklah diberi kursus sanasini. Ini tidak menjadi keuntungan. Adalah lebih baik orang yang baharu mula hendak hisap ganja, bubuh lock-up dahulu 10 hari, lepas itu agak saya dia akan serik, tidak ingin lagi menghisap ganja, jikalau dia belum lagi ketagih dengan ganja, itu. Saya kata tidak payah kita beri kursus dan sebagainya, kerana penghisap-penghisap ganja dalam masyarakat kita ini terdiri daripada beberapa golongan: satu golongan baik, satu golongan jahat. Golongan jahat terdiri dari berbagai-bagai segi. Kita masuk golongan yang sopan pula tidak begitu termasuk orang yang menghisap ganja. Kalau kita hendak beri kursus, hendak beri khutbah dalam masjid, hendak beri penerangan kursus civik, orang ini tetap tidak datang. Tiap-tiap hari dia hidup hendakkan seronok sahaja tak kira siang atau malam. Seronok sahaja yang dia tahu, isterinya dia tak peduli, itulah adat dia. Kalau hendak beri kursus kepada mereka, dia dengar

sahaja, dia bertempik, Kalau kita beri syarahan dia akan bertempik semacam pertandingan Quran dahulu. Inilah cara kerja mereka, kecuali kita ambil, tindakan bubuh dia satu tempat. Saya yakin dan percaya perkara ini akan hilang.

**Datuk Dr Cheah Toon Lok:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sepenuhnya Ordinan Dadah Berbahaya, 1952.

Saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris, sebab Akta ini adalah Akta yang mustahak sekali. Ia bergantung dengan kehidupan bukan sahaja bagi masyarakat kita, tetapi juga adalah bergantung dengan kehidupan di dunia.

Undang-undang ini mengikut fahaman saya tidak mencukupi untuk menjaga dadah berbahaya ini di samping nakotik.

*(Dengan izin)* Mr President, Sir, this is a very important Bill. It is so important that I think my fellow Senators only talked in terms of detail of the actions of drugs. In fact, one civilization was nearly destroyed because of the use of drugs.

Mr President, Sir, I think Honourable Senators here will remember the Opium War, how China was forced to accept opium and to use opium by Great Britain to open her ports. But the use of opium had stopped the progress of China for 1,000 years. Today because of the prohibition of opium, China has risen again. That is why I say that opium or narcotic drugs are so dangerous that not only will it destroy a society, a race or a nation, but it will destroy civilization itself.

Now, regarding this Enactment—when I look at it—it is rather mixed-up because this amendment should deal with two aspects of this question; one is the aspect of the trafficking in narcotics or drugs and the second is the uses of drugs. How are we going to deal with the trafficking of these drugs when the gain from the trafficking of these drugs is so much and owing to the greed and avariciousness of human beings, they will sacrifice everything to get this gain? How are we going to deal with this aspect of the prevention of the trafficking of narcotics that will destroy civilization? That is one aspect. Our Enactment is not yet so thorough as to prevent it. Prevention by fines is useless because throughout the world there are organised syndicates like Mafia and so on who derive their income from the huge

amounts of profit from the trafficking of drugs.

The second aspect is the prevention of people using drugs. How are we going to deal with the people using these drugs? Using these drugs is a sickness itself, it is a sickness of the mind and, as was suggested, there should be special hospitals to cater for these drug addicts or special places, like islands, where these people should be segregated for treatment to cure drug addiction. This should be put down in our Enactment—to have a place where these people can be treated so that their sickness would not recur.

What is more important for us a developing nation is that we should understand how dangerous the use of these drugs is because it has been reported in our medical journals that a child just born, a few weeks old, was craving for drugs. He was crying the whole day and night for this drug and after the examination of the child's blood the doctor found that the drug was transmitted through the bloodstream and the doctor had to give injections to satisfy this infant. How dangerous it is if it can be inherited.

As we say in the Far East, if you want to destroy a family you give the head of the family some drugs and you destroy the whole family because he would be so addicted that he would be unable to support the whole family and in the end the family will have to support him. So you destroy the whole family by drugs. So, it is important that we should find the means by which the youngsters should be prevented from using these drugs. If you use any drug it has an euphoric effect. You feel very happy, very jolly you do not know anything at all, you see rainbows in the sky, every girl you look at looks very beautiful and so on. So, they take these drugs. But how are we to stop our youngsters from imitating the West? We are a developing nation, and so it is important that we prevent one of the worst phases of western civilisation from coming to the East.

I suggest that there should be propaganda in schools. There should be a Department specially set up with trained people to go to every school to teach these youngsters that they must not use drugs and if they use drugs the effects would be like this, like this, like this and so on. It destroys the human brain. World today is formed through men's minds' imagination. It has been stated in the United

Nations that war begins in the minds of men. If we want to prevent war, we must stop it in the minds of men first and drug prevents **men from thinking** and it destroys the most important part, i.e., the human brain, the part that leads man to God, the subconscious part of man that is linked to God. I know there is a certain drug which is used by Yogis to connect man with God—the Indians use it and that is *soma*. There are drugs that connect man with God and there are drugs that link man to the Devil and the narcotics are the drugs that link man to the Devil and send him to hell. I hope the Government would take very good care to see that our youngsters are not contaminated by the drug habit.

I suggest that there should be centres for the healing of these youngsters who have been addicted to these narcotics and this is very important at this stage. I hope Government will take this action in two parts. The first is to deal with the trafficking of drugs completely. The second part is to deal with those who take drugs, the drug addicts. Then I hope the Government will come up again with a new Enactment for our Parliament to consider.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah satu permintaan dari saya iaitu oleh kerana kekurangan masa, saya sangat-sangat meminta kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sila ringkaskan ucapan masing-masing.

**Tuan Yeap Kheng Yam:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang meminda Ordinan Dadah Berbahaya, 1952 dengan sepenuh-penuhnya.

Memandang tujuan meminda Ordinan ini ialah untuk memberatkan penalti bagi kesalahan-kesalahan atas mengimpot candu dan lain-lain tanpa kebenaran dan memiliki dadah berbahaya dan sebagainya. Rang Undang-undang ini amatlah perlu kerana kepentingan negara dan keturunan manusia. Saya rasa langkah-langkah memberatkan penalti bagi kesalahan-kesalahan adalah baik dan kena pada masanya.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Biro Narkotik yang diketuai oleh Yang Berhormat Peguam Negara yang menanggung berat.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu bahawa dadah berbahaya ialah suatu masalah penyakit masyarakat dengan seriousnessnya di seluruh dunia pada masa **sekarang ini** dan keadaan buruk ini seperti ikan kena tuba. Mengapakah pemuda-pemudi di seluruh dunia ini sangat suka mengambil dadah berbahaya seperti menghisap ganja, mengambil heroin, narkotik, morphine dan sebagainya dan juga mengapakah keadaan buruk seperti ini dilakukan di negeri kita makin bertambah-tambah banyak.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir sebab-sebabnya kerana pemuda-pemudi ingin hendak menjauhkan kehidupan-kehidupan keadaan sebenarnya dan juga membuang kewajipan-kewajipan mereka. Ini salah siapa, adakah pemuda-pemudi kita? Bukan hanya patutlah disalahkan kepada penyeludup-penyeludup kerana dapat keuntungan besar dengan senangnya membawa dadah berbahaya, curi impot dari luar ke negeri kita. Inilah yang merusakkan otak pemuda-pemudi kita dan mengacaukan keselamatan kita. Memberatkan penalti bagi kesalahan-kesalahan ini patutlah dialu-alukan dan dipuji.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dengan hukuman sebanyak \$20,000 atau 5 tahun penjara, ataupun dengan kedua-duanya bagi sesuatu kesalahan di bawah Ordinan ini memang tak cukup berat, kerana pesalah-pesalah yang menyeludupkan barang itu ada mempunyai banyak duit dan juga penyeludup-penyeludup itu tidak boleh kena tangkap, cuma pekerja-pekerjanya yang kena tangkap. Mengenai masalah duit dan penjara tak timbul kepada mereka.

Maka saya bercadang selain dari hukuman tersebut itu, patutlah dihukum dengan rotan juga baharulah cukup penalti berat dan dipercayai keadaan buruk ini akan dapat dipadamkan dari masa ke semasa.

Bagi pemuda-pemudi yang kena penyakit dadah berbahaya itu, saya cadangkan ditangkap masuk ke suatu tempat atau sebuah pulau dan mengubatkan supaya penyakit buruk itu dibaikkan semula, kerana pemuda-pemudi kita pada hari ini ialah pemimpin-pemimpin negara kita esok. Mereka cuma disalah bawa oleh orang-orang jahat seperti bercampur dengan orang pemaling, sekurang-kurangnya jadi pencecak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya menjalankan suatu kempen untuk konfrantasi atas masalah

dadah berbahaya. Beri dengan luasnya penerangan-penerangan mengenai masalah keburukan dadah berbahaya itu kepada semua pemuda-pemudi jangan terjatuh ke lubang mangsa itu.

Ibu-bapa wajib memberi kasih sayang kepada anak-anak mereka dan tunjuk ajar dengan sebaik-baiknya supaya tidak salah bawa oleh orang-orang jahat ke suatu jalan yang bahaya nanti.

Kempen ini boleh melalui radio, talivisyen, wayang-wayang gambar, buku-buku tunjuk, majallah-majallah, poster-poster dengan gambarnya surat-surat khabar dan sebagainya. Kerjasama dari ibu-bapa-ibu-bapa, guru-guru sekolah serta pegawai-pegawai Kerajaan dan orang ramai amatlah perlu dan dikehendaki. Kempen ini wajib dijalankan dengan bersungguh-sungguh dan tidak boleh diberhentikan atau cuma dijalankan dalam beberapa minggu atau beberapa bulan sahaja, patutlah diteruskan sehingga masalah dadah berbahaya telah pun dihapuskan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Mesyuarat ini ditempokkan selama 15 minit.

*Persidangan ditempokkan pada pukul 5.05 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.25 petang.*

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil peluang ini untuk bercakap dalam Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Peguam Negara, yang mana Undang-undang ini juga salah satu Undang-undang yang besar, yang akan dibawakan manakala diluluskan bagi penyeludup-penyeludup atau dadah berbahaya ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas keizinan Tuan Yang di-Pertua, dan saya juga akan menghormati ingatan Tuan Yang di-Pertua, iaitu cuba bercakap seberapa ringkas yang boleh. Bersangkut dengan dadah ini suka saya bercakap bahawa iaitu adakah terfikir, Kerajaan sedar pada hari ini bahawa sungguhpun Undang-undang kita sebegitu ketat, yang telah diadakan dan akan diluluskan pada hari ini. Tetapi bagi pihak orang-orang yang menyeludup dadah ini setakat yang saya

faham adalah kebanyakannya bukanlah daripada taukeh-taukeh sahaja, iaitu pekerja-pekerja yang mengambil upah membawa masuk dadah ini. Mereka ini tidak menghairankan kepada hukuman walau seberapa berat yang dijatuhkan. Walaupun didenda dengan wang ringgit, tetapi dapat dibayar oleh taukehnya atau kena jail, maka dapat juga mereka makan kerana mereka ini kebanyakannya membuat pekerjaan-pekerjaan yang begitu dengan mengambil upah, kerana upah-upahnya tersangat lumayan.

Satu perkara yang suka saya menarik perhatian dalam Majlis ini iaitu tidaklah boleh Kerajaan membuat satu Undang-undang, iaitu sebagaimana perkara-perkara penyeludupan yang lain yang telah kita hukuman kepada orang-orang yang menyeludup, iaitu dengan cara disiasat siapakah taukeh-taukeh yang menjalankan penyeludupan dadah ini dan taukeh-taukeh itu dibuang negeri atau pun dibuang daerah. Dengan cara begitu saya nampak berkesan sangat perkara-perkara yang dijalankan bagi perkara penyeludupan yang lain, yang telah dijalankan di dalam negara kita ini.

Selain daripada itu berkenaan dengan dadah ini juga, kita tahu oleh sebab banyaknya pemuda-pemuda kita yang telah terkena di dalam hal ini dan begitu juga kita tahu juga di kedai-kedai makan selalu dimasukkan perkara-perkara dadah ini, iaitu sebagai ganja untuk menarik orang-orang yang memakan di situ, iaitu di dalam kedai-kedai nasi, di dalam gulai-gulai dibubuh. Ini boleh didapati di negeri saya di negeri Perlis. Ada perkara itu dimasukkan sedikit sebanyak ganja supaya orang selalu suka makan benda itu terlampau sedap dan benda itu kerana sedikit barangkali tidak boleh menjadi begitu merbahaya. Dengan kerana itu perkara ini memanglah satu perkara bahaya yang besar yang dibawa ke beberapa tempat dalam soal ini. Dalam soal ini, suka saya menarik perhatian supaya dapat penerangan-penerangan yang lebih, terutama sekali ditujukan kepada sekolah-sekolah, kerana kalau dibawa ke sekolah-sekolah kerana kita tahu kebanyakan daripada yang suka sangat memakan ini daripada pemuda-pemuda kita yang tidak begitu faham ataupun tahu kedudukan merbahayanya dadah ini. Jadi itulah keadaan-keadaannya mereka cuba. Dengan percubaan itu kadang-kadang mereka sedap dan lama kelamaan menjadi ketagih. Jika tak makan, tak boleh duduk. Dengan kerana

itu, mereka telahpun terkena dalam perkara ini, makan seterusnya dan bahayanya mereka tidak begitu tahu kerana pelajaran-pelajaran ini atau cara-cara benda dadah sangat merbahaya tidak mereka tahu pada awal. Dengan kerana itu, penerangan-penerangan yang banyak diberikan di sekolah-sekolah dan kepada ibubapa, maka dengan cara begini dapatlah mengatasi masaalah berkenaan dengan dadah ini.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini dan saya memberi tahniah kepada Kerajaan, kerana segera mengambil tindakan dalam apa cara jua untuk menghapuskan atau pun mengawal perkembangan penjualan dadah yang merbahaya ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita katakan dadah merbahaya ialah kerana yang besarnya dadah ini telah digunakan atau pun dijual kepada penuntut-penuntut sekolah atau murid-murid sekolah atau penuntut-penuntut yang masih kecil lagi. Sebab dalam masyarakat kita ini ada tiga golongan. Satu, golongan murid-murid sekolah. Yang kedua, golongan belia-belie dan ketiga, orang-orang tua. Saya rasa perkataan bahaya yang diletak itu ialah besarnya kepada murid-murid sekolah dan belia-belie negara kita ini. Bagi pihak orang-orang tua itu kalau dia makan itu tidaklah apa sebab dia hendak mati. Jadi, tidak menjadi masaalah bagi Kerajaan memikirkan untuk dia hendak berseronok sebelum mati itu biarlah sedikit sebanyak dia makan.

Bagi murid-murid sekolah, Tuan Yang di-Pertua, masaalah besarnya ialah guru dan ibubapa. Kalau boleh Kerajaan memberi pengertian yang betul kepada ibubapa menyatakan kalau seorang murid menghisap ganja umpamanya perangnya begini-begini. Seorang murid menghisap, kita kata jenis yang lain, perangnya macam ini. Kalau boleh beri pengertian kepada ibubapa di rumah perandai-perandai murid-murid atau anak-anak yang menghisap ganja dan sebagainya ini, maka ini boleh menjadi pertolongan yang besar kepada ibubapa supaya dapat memerhatikan perandai anaknya. Kalau dia menghisap sebulan perangnya begini. Kalau dia sudah hisap enam bulan perangnya macam ini. Kalau dia sudah menghisap setahun, perangnya macam ini. Bagi pihak pakar-pakar perubatan ini tentulah dia tahu perandai-perandai penghisap dalam masa

setahun, sebulan atau dua tahun; mesti dia tahu perangnya.

Mereka mesti diberitahu kepada ibubapa supaya ibubapa dapat mengesan anak itu menghisap atau tidak menghisap. Kalau anak itu didapati menghisap dengan perandai-perandai yang berbeza ini maka ibubapa itu akan dapat menjaga anak itu ataupun mengubati anak itu ataupun memberitahu kepada pihak yang berkuasa untuk mendapatkan pertolongan dan sebagainya. Jadi inilah penting bagi badan ini untuk memberi pelajaran atau memberi pengertian kepada ibubapa cara macam mana hendak mengawal dadah ini. Ini perlu bagi murid-murid itu.

Bagi belia-belie ini saya rasa masaalah yang besar bagi belie ini ialah belie-belie yang tidak berperandai baik, yang biasanya dipengaruhi oleh hippie dan sebagainya. Maka belie macam ini selalunya belie-belie yang tidak ada pekerjaan yang berjalan ke sana ke mari. Ini pun bahaya juga. Kalau sekiranya dapat kita lakukan satu penyiasatan berapa banyakkah bahayanya kemasukan hippie, bahayanya perandai-perandai belie yang tidak ada pekerjaan ini. Belie tidak ada pekerjaan, dia menghisap. Kalau dia ada kerja, dia tidak menghisap sebab dia buat kerja. Kalau dia tidak ada kerja, dia tidur, dia menghisap, cari tempat untuk dia hendak berseronok. Tetapi kalau dia ada kerja dalam fakteri, tidak begitu. Ini yang perlu. Perlu maknanya kita menghalusi berapa banyak belie kita yang tidak ada pekerjaan. Masaalah tidak ada pekerjaan ini pula ada hubungan dengan perkembangan dadah yang merbahaya ini bagi belie-belie.

Ini perlu juga Kerajaan kita mengkaji dan kalau boleh bagaimana yang kita sudah tahu Kerajaan pun sekarang sudah mengambil tindakan menahan hippie dan sebagainya. Ini satu langkah yang baik dan daripada sehari kepada sehari saya perhati tengok sudah kurang hippie. Kalau ada pun hippie dalam negeri yang cuba hendak jadi hippie, purapura buat hippie. Baju elok dia koyak-koyakkan, seluar elok dia potongkan untuk dia jadi hippie. Dia itu sebenarnya tidak hippie tetapi hendak menunjukkan yang dia itu sebagai seorang hippie untuk menjadikan dirinya masyor. Ini pun ada juga yang macam itu. Jadi saya rasa satu daripada masaalah yang besar bagi Kerajaan ialah menghadapi murid-murid sekolah, ibubapa dan guru kalau kita

hendak hapuskan ini. Jadi kalau perlu kenakan undang-undang, kenakan peraturan memberi peluang dan sebagainya kepada ibu-bapa, kepada guru, kepada guru besar dan sebagainya, kalau perlu bagi menghapuskan keadaan bahaya dalam negara kita ini.

**Dr Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap sedikit sahaja berkenaan dengan Rang Undang-undang berkenaan dengan dadah berbahaya ini.

Oleh kerana saya berpendapat bahawa Rang Undang-undang ini memanglah patut diadakan dan diluluskan dengan seberapa cepat yang boleh kerana soal dadah ini telah melibatkan banyak golongan termasuklah penuntut-penuntut. Undang-undang ini memang baik, telah dikaji daripada segi bentuknya dan sebagainya. Ada macam-macam larangan yang termasuk di dalam Rang Undang-undang ini. Umpamanya penggunaan syringes, pipes dan sebagainya. Ini dilarang. Larangan ini juga biasa dikenakan di dalam lain-lain jurusan. Umpamanya dahulu kita adakan undang-undang yang mencegah orang-orang menggunakan perkakas-perkakas yang biasa digunakan oleh doktor-doktor oleh kerana mereka ini dengan menggunakan perkakas-perkakas ini dianggap oleh orang ramai sebagai doktor dan dapatlah mereka menjalankan kerja sebagai doktor.

Tetapi malangnya sungguhpun ada undang-undang ini, kerja-kerja yang dijalankan ini berjalan juga oleh kerana tidak ada enforcement tentang undang-undang ini. Dan sebabnya tidak ada enforcement ialah oleh kerana pegawai-pegawai yang menjalankan enforcement ini terpaksa dibantu oleh pakar-pakar di dalam satu-satu bidang. Umpamanya berkenaan dengan ubat-ubat jika tidak ada pegawai daripada Pejabat Kesihatan yang menolong pihak Polis menentukan samada ubat ini betul-betul bahaya atau tidak maka tidak dapatlah pihak Polis menjalankan kerjasamanya. Malangnya kita sekarang ini kekurangan pegawai-pegawai perubatan dan di dalam mencuba mencegah dadah ini kita berkehendak juga kepada expert opinion untuk menentukan samada barang yang dipamir ataupun yang dijual oleh pekedai-pekedai ini sebenarnya dadah yang berbahaya. Jika pihak Polis tidak boleh menentukan dan berharap kepada pegawai-pegawai daripada Pejabat Kesihatan dan pegawai-pegawai daripada Pejabat Kesihatan ter-

langsung banyak kerja kata mereka tidak dapat bersama dengan Polis untuk menguatkuasakan undang-undang ini.

Kalau kita sekarang ini meluluskan undang-undang ini tetapi undang-undang ini tidak dijalankan maka kita sebenarnya membazirkan masa Dewan dan tenaga Kerajaan. Kalau kita hendak supaya kita adakah undang-undang kita mestilah menjalankan undang-undang dan mestilah kita ada cukup kakitangan kerana bila sudah berhubung pegawai perubatan berkata ini soal menentukan samada ubat-ubat yang dijual di kedai-kedai sinseh itu sebenarnya bahaya atau tidak, ini perkara extra. Tugas kita di dalam pejabat pun tidak dapat kita buat. Perkara ini kita tidak hendak ambil tahu. Kalau pihak Polis hendak jalankan, jalankanlah, kita tidak ingin ambil tahu kerana kerja kita di dalam hospital pun terlampau banyak. Oleh kerana itu, maka pihak polis tidak dapat menjalankan enforcement tentang undang-undang ini. Ini tidaklah bermakna yang kita mengadakan dengan begini payah menggubalkan undang-undang, kalau undang-undang ini tidak dapat dijalankan. Saya berharap dengan adanya undang-undang ini pihak Kerajaan betul-betul menyediakan pegawai-pegawai yang cukup kalau terpaksa pihak Polis mesti mengadakan pegawai perubatannya sendiri. Di lain-lain negara kita ada seorang doktor yang bertugas dengan pihak Polis dalam Bahagian Medical Jurisprudence umpamanya. Tetapi di dalam negara kita ini pihak Polis selalu terpaksa meminta pertolongan daripada pegawai daripada Kementerian Kesihatan dan pihak Polis pula tidak ada berkuasa mengarah pegawai-pegawai ini untuk membuat sesuatu. Oleh kerana itu, pegawai-pegawai ini cuma bekerjasama kalau mereka ingin. Tidak boleh ada paksaan terhadap mereka. Oleh kerana mereka itu, kadangkadangkang terlangsung kurang masa maka mereka tidak memberi kerjasama dan undang-undang ini pun menjadi sia-sia sahaja. Kalau kita ingin mengadakan undang-undang ini maka patutlah pula Kerajaan mengadakan pegawai-pegawai Perubatan yang bertugas dengan pihak Polis yang terasing daripada pegawai-pegawai dalam Kementerian Kesihatan dan mereka ini akan menjalankan tugas mereka sebagai sebahagian daripada anggota Polis. Kalau ini dapat kita buat barulah dapat kita menjalankan undang-undang ini. Sehingga ini diperbuat, sehingga kita mengadakan pegawai perubatan ini yang

bertugas dengan pihak Polis, kita tidak akan dapat menjalankan undang-undang yang semacam ini.

Saya berharap pihak Kerajaan akan menimbangkan perkara ini dan sungguhpun kita kekurangan doktor-doktor, kita mesti juga mencari jalan supaya kekurangan ini dapat diatasi dan dapat kita mengambil doktor-doktor bekerja sebagai sebahagian daripada anggota Polis seluruh Malaysia ini.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan segala teguran dan syor yang saya fikir sangat berguna dan membina.

Saya berjanji di Dewan ini pada Ahli-ahli Yang Berhormat, akan mengambil ucapan-ucapan itu apakala telah diedarkan kepada saya dan setelah dicap dan disemak baik ucapan di Dewan Rakyat atau di Dewan Negara ini, saya akan bawa dan gunakan dalam Central Narcotic Bureau supaya syor-syor yang membina itu dapat kita gunakan. Itulah janji saya di sini dan saya akan semak satu persatu, dan saya akan ambil tindakan dalam mesyuarat, tetapi tidaklah dapat dijalankan sekali gus, melainkan dari semasa ke semasa akan dijalankan.

Yang pertama teguran itu ada yang am, ada yang berlainan. Tetapi biarlah saya jawab yang khas, yang berlainan daripada yang lain. Pertama sekali Yang Berhormat Dr Mahathir yang membawa satu perkara yang lain daripada syor Ahli Yang Berhormat yang lain. Sebenarnya, undang-undang ini dalam bahasa Inggerisnya, Dangerous Drugs Ordinance atau Madat dan Dadah Berbahaya, segala hukuman dan lain-lain termasuk di bawah satu undang-undang yang masa dahulunya dijalankan oleh Kementerian Kesihatan dalam bahagian Chemistry Division. Sekarang dengan tertubuhnya Central Narcotics Bureau ada dua bahagian yang mengambil bahagian, iaitu Kementerian Kesihatan dan juga Biro Nakotik ini dan juga pihak Polis dan Kastam. Tetapi sebenarnya pegawai-pegawai yang bertanggungjawab betul dalam Undang-undang Dadah Berbahaya inilah Kementerian Kesihatan. Saya tahu semenjak banyaknya dadah berbahaya ini telah disalahgunakan oleh setengah golongan di negeri ini, saya kata salah-guna dadah itu ialah sesiapa yang menggunakan

bukan dengan nasihat doktor atau kerana perubatan, itu disalahgunakan, bahawa ianya telah dijalankan oleh Pasukan Merinyu daripada Kementerian Kesihatan.

Bagi pengetahuan Dewan ini, bilangan merinyu itu telah ditambah pada masa ini dan masih ada lagi rancangan untuk menambah beberapa banyak bilangannya lagi dengan sebab bahayanya dadah itu kita telah sedar sekarang sangat merebak. Serbuan yang kita telah buat misalnya dalam masa 5—6 bulan yang lepas di Kedah dan baharu-baharu ini juga di Kelantan ialah diadakan dengan kerjasama di antara Pegawai Polis dan Merinyu daripada Kementerian Kesihatan. Sebetulnya yang memeriksa ini ialah Merinyu Kementerian Kesihatan dibantu oleh pihak Polis, bukan Polis yang menjalankan kerja dengan minta bantuan daripada Kementerian Kesihatan. Syor yang dicadangkan oleh Dr Mahathir itu sangatlah berguna dan menasabah dan sekiranya cara itu kurang berhasil kita mencegah salahgunanya dadah berbahaya ini, maka saya akan mengambil pegawai daripada Kementerian Kesihatan yang pakar berkenaan dengan dadah berbahaya ini supaya dimasukkan dalam Biro Nakotik, supaya lebih kemas lagi sekiranya mustahak pada masa yang akan datang sebagaimana kita adakan dalam Bahagian Pencegah Rasuah kita ada Pegawai Kastam dan lain-lain kerana mereka lebih tahu dalam perkara pencegahan. Cadangan itu sangat berguna, walaubagaimanapun sememang bilangan merinyu telah ditambah sekarang dan akan ditambah lagi, sungguhpun merinyu ini dibawah tanggungjawab Kementerian Kesihatan tetapi saya sentiasa bekerjasama lebih rapat dengan Kementerian Kesihatan dalam perkara dadah berbahaya ini.

Perkara yang kedua, am juga iaitu berkenaan dengan hukuman. Ahli-ahli Yang Berhormat telah membawa pandangan bagaimana kata saya tadi, hukumannya yang ada pada masa ini dipandang cukup berat, tetapi kalau tidak mencukupi, kita akan pinda pada masa yang akan datang kerana saya sedar pada masa ini ada negeri-negeri yang menghukum, saya tahu negeri ini tak jauh daripada negeri kita, berkenaan dengan kesalahan menyimpan heroin atau menyeludup heroin ialah hukuman jel seumur hidup dan disebut dengan rotan. Masa ini kita belum tambah lagi dengan hukuman disebut dengan

rotan, tetapi kalau saya dapati mustahak, saya dengan tidak silu-silu akan bawa pindaan ke Parlimen ini untuk menambah lagi hukuman yang ada.

Berkenaan dengan merampas barang-barang di kereta dan lain-lain yang membuat kesalahan membawa barang-barang yang salah di bawah Undang-undang ini ada disebutkan dalam Fasal 2 Seksyen 30 (3):

“Provided that such notice shall not be required to be given where such seizure is made in the presence of the offender or the owner of such conveyance or his agent, or in the case of a ship or an aircraft in the presence of the master or pilot as the case may be.”

Sekiranya ada kapal-kapal atau kapal-terbang yang telah digunakan membawa dadah dan madat atau nakotik dan drug boleh dirampas, tetapi kalau pilot sahaja, dia sendiri bawa diselit dalam begnya sahaja, diarah sahaja yang patut dihukum, tak patutlah kapal-terbang itu dirampas.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan prevention dan information ataupun pencegahan dan keterangan dalam perkara ini, suka saya menyatakan dalam Dewan ini iaitu saya telah siap membawa satu memorandum yang akan dibentangkan kepada Kerajaan bagi menubuhkan suatu Jawatankuasa Pusat Negara yang mana saya akan memilih wakil-wakil daripada Kementerian yang berkenaan dengan perkara ini khasnya Kementerian Pelajaran, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian-kementerian lain, pakar-pakar dan juga daripada orang ramai supaya dapat menasihatkan Central Narcotic Bureau dan saya juga, bagi menjalankan cara-cara kita hendak berjalan pencegahan dan memberi penerangan kepada ibubapa, orang awam dan guru-guru di sekolah. Selepas itu, saya percaya kita akan galakan ditubuhkan diperingkat negeri pula supaya penerangan dapat lekas merebak dan kalau boleh sampai ke peringkat daerah. Ini satu daripada caranya yang saya telah rancang dalam bulan ini.

Berkenaan dengan peranan ibubapa dan guru-guru ini sememangnya benar bahawa merekalah yang patut lebih bertanggungjawab untuk menjaga anak-anaknya, khususnya murid-murid dan belia-belia. Saya suka terangkan di sini iaitu ada dalam Undang-undang Juvenile Enactment, sekiranya kanak-kanak yang berumur di bawah 16 tahun ada

membuat satu kesalahan termasuk kesalahan misalnya ditangkap, kerana kesalahan di bawah Undang-undang Dadah Berbahaya ini, maka mahkamah boleh menghukum penjaga atau ibubapanya, oleh sebab cuai, kelalaian atau membiarkan anaknya membuat kesalahan dan sekiranya itu tak memadai, saya akan mencadangkan boleh jadi akan membawa satu pindaan undang-undang ke Dewan ini supaya ibubapa dan penjaga anak-anak itu betul-betul bertanggungjawab. Dan sekiranya pindaan itu tidak juga mencukupi, kita akan bawa undang-undang bagi menghukum ibubapa dan penjaga-penjaga yang lalai, atau tak bertanggungjawab, atau membiarkan anak-anak itu dengan sengaja tidak menghiraukannya. Kalau dia tahu anak-anak itu sudah menjadi ketagih nakotik ataupun dadah, sepatutnya ibubapa boleh membawa anak-anak itu kepada doktor samada doktor Kerajaan atau doktor biasa di mana boleh diubati mereka itu.

Saya berjanji di sini dan saya telah beri-tahu pegawai-pegawai saya dan juga pegawai pegawai Polis tujuan Rang Undang-undang ini ialah kerana hendak menangkap dan mencegah orang yang mengedar dan menyeludup, tetapi bagi kanak-kanak, atau belia-belia yang baru dikatakan menghisap atau baharu terkena penyakit itu dengan sebab tertipu, maka perkara itu akan disiasat dengan sehalus-halusnya. Dan seberapa yang boleh sememangnya kita tidak bawa ke tengah pada Mahkamah, tetapi nasihat diubati, dinasihati **ibubapa dan dibawa dia diubatkan**. Saya memberitahu di sini sekiranya doktor-doktor yang ada dalam Malaysia ini didapati apakalanya memeriksa patientnya didapati ada mereka ini sakit tetapi bukan sakit lain adalah sakit sebab ketagih dan dengan persetujuan patient itu atau orang itu dia mahu berubat dan kalau tidak boleh diubat dibawa ke hospital kita tidak akan ambil tindakan, kita akan tolong mereka itu seberapa yang boleh. Dan juga bagi sekolah-sekolah, saya beritahu di sini lagi kalau ada guru-guru dan lain-lain tahu murid-muridnya ada menghisap ganja dan lain-lain dan dia sendiri dengan sukarela merepotkan perkara ini kepada pihak Polis minta tolong kita akan tolong dengan tidak menerangkan sekolah itu, nama mereka, dan ibubapa kerana saya sedar bagaimana sayangnya guru besar itu, nama sekolah itu tidak mahu dia keluar dalam akhbar-akhbar. Ini cara-cara sudah saya terangkan kepada pegawai-pegawai

saya seberapa yang boleh kita akan tolong mereka, tetapi yang susahnyanya, ketagih kadang kadang itu separuh ketagih ialah dengan sebab ketagih sahaja dadah dan madat, ada yang ketagih dia juga penyeludup, itu yang kita susahkan. Ada juga yang menyeludup, tetapi tidak ketagih, tetapi ini juga hendak kita bezakan antara mereka itu.

Berkenaan dengan hukuman ada Ahli Yang Berhormat mengatakan iaitu yang selalu kita dapat tangkap ialah kebanyakannya orang-orang yang telah diupah, kita sedar kadang-kadang kita tangkap yang atas daripada orang yang diupah itu pun kita tidak tiba pangkat yang pertama, baru tiba tangga yang ketiga tetapi tidak tiba yang kedua dan nombor satu itu siapa dia. Inilah perkara yang kadang-kadang bertahun-tahun kita menyiasat atas perkara ini baharu kita dapat punca dari mana datangnya dan kalau kita dapat tahu pun ada keterangan tetapi keterangan sulit, kita tidak ada keterangan hendak dibawa mereka itu ke Mahkamah. Apa hendak dibuat katanya. Padahal ada sekarang hukuman siapa-siapa yang selalu melakukan jenayah atau melarikan barang-barang kastam, biasanya boleh di bawah satu Undang-undang iaitu Restricted Residence Ordinance atau Undang-undang Menghad Tempat Kediaman dihadkan mereka di satu tempat supaya tidak dapat menjalankan kegiatan itu. Sekiranya perkara ini timbul saya fikir saya akan cadangkan dipinda Undang-undang itu pula dimasukkan juga, kalau tidak ada bukti dan keterangan seorang itu ialah ketua penyeludupan, tidak ada keterangan lain, tetapi pihak Kementerian sedar dia adalah ahli belakang kita akan mengambil tindakan kepada mereka ini seperti juga bagaimana mereka yang selalu melakukan jenayah tidak dibawa ke Mahkamah.

Berkenaan dengan penerangan-penerangan yang telah dicadangkan oleh Datuk Nik Hassan dan lain-lain iaitu bagaimana kita hendak memberitahu, hendak menerangkan kepada ibubapa dan guru-guru sekolah tentang perangai dan kelakuan murid-murid yang telah kena ketagihkan dadah itu, saya akan fikir dua tiga cadangan yang akan saya jalankan. Satu daripadanya kita adakan filem yang kita akan pinjam daripada luar negeri menunjukkan bahaya menghisap dadah dan madat supaya kita tayangkan dalam Jabatan Penerangan dan di kampung-kampung.

Yang kedua yang kita adakan pada radio dan talivisyen syarahan-syarahan dari expert, expert dalam psyciatrist, doktor-doktor yang pakar dalam perkara ini, suruh dia bersyarah dengan cara yang senang dalam radio dan talivisyen supaya ibubapa dan guru sekolah tahu bagaimana kalau perangai murid-murid atau budak-budak yang telah ketagihkan madat dan dadah. Selain daripada itu saya akan buatkan risalah dan akan dihantar kepada guru-guru supaya dapat guru-guru menerangkan bahaya itu kepada kanak-kanak itu dan juga kepada guru-guru itu perangai dan kelakuan kanak-kanak yang telah ketagih dadah dan madat supaya mereka akan tahu murid-murid yang telah ketagih. Ini satu daripada cadangan saya fikir yang akan boleh dijalankan.

Berkenaan dengan Rehabilitation Centre suka saya menyatakan di sini sekarang kita ada empat tempat iaitu di Ipoh, di Hospital Bahagia; di Johor Bahru 1, di Kuala Lumpur 1, di Pulau Pinang 1, dan mana-mana hospital yang ada psyciatrist boleh juga mengubati orang yang ketagih. Tiga lagi Yunit iaitu di Seremban, di Kota Bharu dan Muar General Hospital akan dibuka dalam tahun 1975. Saya fikir pada masa ini bilangan yang ada sekarang, 20 atau 30 orang sahaja yang kena ketagih ini yang ada di Hospital Bahagia, Tanjong Rambutan. Belum sampai masanya kita mengadakan satu hospital khas bagi tiap-tiap negeri atau General Hospital bagi mengubati mereka ini. Tetapi bila sampai keadaan yang dikehendaki kita akan mengadakan tempat Rehabilitation Centres bagi mereka ini dan kita ada buatkan satu hukuman yang diberi kuasa Mahkamah untuk menghukum mereka yang telah ketagih itu dan disimpan di hospital sampai mereka baik dan dia lepas itu pun boleh diikat jaminan supaya dia pergi "treatment" dari satu masa ke satu masa hingga dia pulih betul.

Tentang cadangan hendak adakan mereka yang tidak boleh baik itu disimpan satu tempat, satu hospital kebanyakan mencadangkan satu pulau itu saya fikir kalau sampai masanya kita akan timbangkan.

Demikianlah, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan banyak terima kasih kepada semua yang telah berucap. Dan mana yang tidak menjawab itu saya katakan tadi, saya akan semak tiap-tiap satu persatu

dan saya akan gunakan dalam melaksanakan tugas-tugas saya dalam Central Narcotic Bureau.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 6* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan), 1973 *di-baca bagi kali yang kedua.*

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memberi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan tugas-tugas, kuasa-kuasa dan tanggungjawab tambahan.

Pindaan-pindaan di bawah Fasal 4 dan 6 memberi kuasa-kuasa yang membolehkan FAMA melaksanakan sendiri rancangan-rancangan pemasaran dan memperbaiki pemasaran hasil-hasil pertanian dengan tidak payah menubuhkan atau menyerahkan kepada badan-badan berkanun lain pengendalian rancangan-rancangan yang disediakan itu. Pindaan ini adalah merupakan satu kemajuan-besar untuk menyelaraskan pengurusan lembaga itu disamping menjimatkan perbelanjaan dan tenaga. FAMA bukan sahaja bertanggungjawab bagi menyusun rancangan-rancangan memperbaiki pemasaran, perlaksanaannya pun dalam tanggungjawabnya sendiri dan dengan demikian

FAMA juga akan bertanggungjawab untuk menilai dan mengkaji semula kecekapan sesuatu rancangan pemasaran yang dibuatnya untuk mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memperbaiki sebarang kekurangan.

Penyertaan FAMA dalam perniagaan hasil-hasil pertanian, termasuk memproses dan menambah saluran penjualan kepada petani-petani untuk memilih saluran pasaran yang boleh memberi harga yang baik pada hasil-hasil pertanian mereka itu. Dengan cara langsung FAMA akan dapat membantu petani-petani menambahkan pendapatan mereka. Kuasa baharu akan juga diberi kepada FAMA untuk menubuh dan mengendalikan kemudahan-kemudahan pemasaran, enterprise, alat-alat perusahaan pertanian, melantik ejen-ejen untuk melaksanakan tugas-tugas Lembaga, mengenakan apa-apa bayaran bagi perkhidmatannya menyertai bersama-sama dalam perniagaan dan perusahaan memproses hasil-hasil pertanian termasuk menubuhkan syarikat untuk menjalankan sebarang projek perniagaan yang dirancang oleh Lembaga.

Kuasa FAMA mengambil bahagian dalam usaha bersama itu adalah penting untuk menggalakkan pembangunan pertanian. Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, FAMA akan dapat melaksanakan projek-projek dan rancangan-rancangan tertentu secara commercial.

Pindaan di bawah Fasal 3 bercadang hendak menambahkan seorang ahli baru untuk mewakili Bahagian Pertanian, Kementerian Pertanian dan Perikanan dan mengurangkan bilangan ahli-ahli di bawah Seksyen (3) (f) daripada 8 kepada 5 orang.

Fasal 5 mengadakan satu peruntukan baru bagi sesiapa yang kemusykilan bersabit dari keputusan FAMA berkaitan dengan pengeluaran, pembaharuan ataupun penarikan lesen-lesen membuat rayuan kepada Menteri.

Fasal 6 bertujuan untuk memotong Seksyen 4, 5 dan 6 dan kesemua Bahagian II dalam Akta ibu. Dengan pindaan ini Menteri tidak lagi dikehendaki menetapkan rancangan pemasaran berkenaan dengan sesuatu hasil pertanian dan untuk menubuhkan sesuatu Jemaah Pemasaran bagi maksud melaksanakan rancangan pemasaran itu. Bagaimanapun apa-apa rancangan pemasaran yang berkuatkuasa pada mula berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini hendaklah berkuatkuasa seterusnya.

Pindaan di bawah Fasal 8 ialah mengambil kuasa-kuasa perlaksanaan yang ada di bawah Akta sekarang dengan kuasa-kuasa baru diberi kepada mana-mana pegawai berkuasa atau lain Pegawai Polis untuk mengambil milik apa-apa hasil pertanian yang mengenainya pegawai itu ada sebab bagi mempercayai bahawa satu kesalahan telah dilakukan di bawah Rang Undang-undang ini atau apa-apa kenderaan atau lain-lain barang yang telah digunakan bagi melaksanakan kesalahan itu atau yang ianya ada sebab bagi dipercayai dicadangkan hendak digunakan bagi melakukan kesalahan itu.

Fasal 9 bertujuan untuk mengadakan suatu Bahagian III baru mengandungi peruntukan-peruntukan bagi kesalahan penalti dan percaraan, dan Fasal II pula mengemukakan pindaan-pindaan kecil yang berbangkit seperti yang dibentangkan oleh Bahagian B dalam Jadual kepada Rang Undang-undang.

Fasal 12 pula memberi kuasa bagi pembubaran Jemaah-jemaah Pemasaran dan adalah keterangan FAMA untuk membubarkan Jemaah-jemaah Pemasaran yang telah ditubuhkan dan mengambil alih harta dan tanggungjawab Jemaah itu untuk ditadbirkannya sendiri, kecuali Jemaah Pemasaran Lada Hitam, itu sahaja yang tinggal tak diambil.

Berhubung dengan Jemaah Pemasaran Lada Hitam, adalah difikirkan bahawa masalah-masalah yang didapati di dalam bidang perusahaan lada hitam adalah berbeza dari masalah-masalah pemasaran hasil-hasil pertanian yang lain dan seharusnya perlaksanaan rancangan ini terus dikendalikan oleh Jemaah Pemasaran Lada Hitam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dr Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bil ini untuk diluluskan dan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan yang membuat Bil yang begini baik dan saya harap dapat dijalankan dengan baik.

Apa yang bumiputra susahkan sekarang ini ialah pasaran pertanian. Tidak ada satu

taukeh bumiputra yang sanggup membeli barang-barang secara banyak. Satu daripada tempat saya di Sungai Buluh ada bermacam-macam barang seperti ubi kayu, keledak, pisang, papaya, buah nangka dan sebagainya. Barang-barang ini boleh dikeluarkan berlori-lori tiap-tiap hari, tetapi kepada siapa hendak dijual, tidak ada seorang taukeh bumiputra yang sanggup mengambil barang-barang ini walhal cuma 13 batu sahaja daripada Kuala Lumpur. Taukeh-taukeh lain sememang tidak mahu membeli barang-barang ini kepunyaan bumiputra. Inilah yang patut Lembaga Pemasaran Pertanian ini memikirkan kita banyak kampung-kampung baru di merata-rata negara kita tetapi barang-barang bumiputra kepada siapa hendak dijual tidak ada pasaran.

Di Dewan yang bertuah ini saya merayu kepada Kementerian Perpaduan Negara akan berikhtiar supaya taukeh-taukeh akan membeli barang-barang yang dibawa oleh orang-orang bumiputra. Dengan tidak adanya pasaran semua barang-barang dari kampung-kampung ini terpaksa dijual kepada orang-orang bumiputra sendiri dengan harga yang sangat murah. Saya sudah berjalan di pasar-pasar yang ada di negeri kita ini dan kita masih nampak lagi pulau-memulaukan. Di Kuantan, Pahang saya tengok ada sebuah pasar orang-orang bumiputra menjual bermacam-macam barang makanan, tetapi yang datang membeli ialah orang bumiputra sendiri. Orang-orang bangsa asing tidak mahu masuk ke pasar itu. Begitu juga dengan Pasar Chow Kit barang-barang bumiputra, bumiputra yang membelinya, bangsa lain tidak mahu membeli, kedai-kedai bumiputra orang-orang bangsa asing tak mahu masuk, tetapi kedai-kedai bangsa-bangsa asing orang-orang bumiputralah yang membelinya, kalau tidak ini berapa sangat laku kedainya cuma orang bangsa asing yang mahu membeli dari bumiputra ialah durian, kerana orang-orang ini suka makan durian. Dengan adanya Undang-undang ini dapatlah bumiputra menjualkan barang-barangnya melalui Lembaga dan Lembaga patut mendirikan atau menyewa rumah-rumah kedai di tiap-tiap bandar supaya barang-barang bumiputra dapat disalurkan, jikalau tidak dibuat begitu saya percaya segala barang-barang bumiputra tidak akan laku dan tidak ada pasaran; undang-undang akan tinggal undang-undang sahaja. Lembaga mesti bekerja keras untuk menampung segala barang-barang bumiputra

di tiap-tiap bandar yang ada di negara kita ini dan mencari jalan pula supaya orang-orang bukan bumiputra mahu membeli barang-barang bumiputra yang ada di kedai-kedai Lembaga untuk dijual di kampung-kampung yang ada di bandar itu. Inilah pandangan saya berkenaan dengan Bil ini.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bil ini, kerana sudah sampailah masanya bagi Kerajaan mengkaji balik Bil Lembaga Pemasaran ini, kerana banyak perubahan-perubahan telah diperbuat oleh Kerajaan bagi menjayakan rancangan lima tahunnya dengan mengadakan berbagai-bagai perbadanan yang berasingan, perbadanan mengenai ikan, perbadanan mengenai tembakau, berbagai-bagai perbadanan telah ditubuhkan semenjak FAMA ini ditubuhkan.

Pada mulanya FAMA ini satu benda yang besar dengan mempunyai kelengkapan yang cukup di dalamnya, tetapi barangkali apabila Kerajaan dapat FAMA berjalan tidak begitu memberi kesan yang baik kepada kemajuan negara, maka satu demi satu dipecahkan daripada FAMA ini dan diadakan badan-badan khas ditumpukan badan-badan khas dalam satu-satu jenis perdagangan ataupun perusahaan seperti FIMA dan lain-lain. Jadi kalau FAMA ini berjalan begitu juga dengan tidak berubah, maka saya rasa sudah berlawanan dan undang-undang FAMA sudah tidak betul. Maka kenalah pada masanya undang-undang ini dipinda, ditarik mana yang tidak mustahak, dimasukkan mana yang mustahak, ditambah dan dipotong, dan ini sudah sepatutnyalah kita menyokong.

Setelah banyak dipecah dan diasingkan diberi kuasa kepada perbadanan lain, maka adalah ditinggalkan kepada FAMA ini beberapa masalah lagi, masalah lada hitam, masalah sayur, masalah kacang, masalah timun; kata orang Kelantan timun, kata orang di sini temikai. Jadi banyakkah tanaman yang boleh diperniagakan oleh FAMA ini. Apa yang mustahak sekarang apabila FAMA sudah diberi kuasa undang-undang, dipinda dan sebagainya dilengkapi dengan kuasa-kuasanya, saya rasa FAMA ini hendaklah berjalan dengan cergas, dengan lebih berkesan daripada apa yang telah dilakukan oleh FAMA selama ini.

Selama ini saya perhatikan FAMA ini seperti jadi orang tengah, kalau orang Kelantan bertanam kacang, FAMA cari pembeli kacang di Perak, di Ipoh, dan berapa harganya dan FAMA beritahu orang di Tanah Merah, di Kelantan ini ada orang di Perak hendak beli, tolong beritahu sahaja barangkali FAMA ambillah sedikit komisyen. Perkara ini, saya rasa tidak perlulah FAMA buat kerja macam itu, tidak payah FAMA: Mamat, Dollah boleh pergi ke Ipoh tanya taukeh beli kacang, tidak jadi masalah bagi FAMA. FAMA ini satu badan yang besar, gaji sahaja beribu-ribu, perbelanjaan overhead FAMA entah berapa ribu setahun kita belanja. Kalau hendak beritahu kacang di Ipoh laku, saya rasa tidak perlu FAMA. Tidak perlu kita buat FAMA cuma hendak beritahu si anu ada hendak beli kacang. Apa yang mesti FAMA buat bagaimana pindaan ini, FAMA mesti ada peruntukan modal yang cukup, memperniagakan masalah-masalah perniagaan dalam bahagian pertanian ini. Umpamanya, kalau boleh FAMA ini berhubung dengan luar negeri, kalau perlu FAMA mestilah adakan hubungan dagang dengan Hongkongkah, dengan Jepunkah dengan luar negeri supaya barang yang banyak di dalam negeri ini dapat dihantar keluar negeri, dapat memberi pasaran yang baik kepada mereka dalam negeri ini. Dan FAMA ini mesti memikirkan kalau sekiranya perlu mesti buka perusahaan umpama, kata-lah kita orang kampung hendak tanam kacang dengan banyak mesti adakan kilang minyak umpamanya. FAMA mesti mendirikan kilang untuk membeli kacang dengan banyak, sebab sekarang masalahnya kita kalau hendak serahkan kepada orang ramai masalahnya dalam bahagian pertanian ini hendak buka kilang dahulu ataupun hendak tanam dahulu, mana yang patut dahulukan, telor dahulukah atau anak dahulukah, bagaimana? Kalau saya jadi orang kampung saya hendak tanam kacang dengan banyak, kilang tidak ada untuk hendak membuat minyak, memproses kacang saya, saya tentulah takut sebab saya tanam dengan banyak tidak boleh jual. Tetapi kalau FAMA satu perbadanan yang besar ini kalau dikatakan di Kelantan kita buat satu kilang minyak, menggalakkan orang kampung tanam kacang dengan banyaknya, tidak payah jual ke Ipoh, kita boleh proses sendiri itu aktiviti FAMA sebaiknya untuk menggalakkan pertanian bahagian yang dikatakan cash crops ataupun tanaman yang segera mendapat faedah.

Sebab orang kampung kalau mereka ini mempunyai tanah umpama di luar bandar yang tanah boleh diambil dengan TOL sahaja, tidak payah dimilik sewa daripada Kerajaan boleh tanam sampai beribu-ribu ekar. Saya dapat tahu di Kelantan banyak orang tanam kacang dan sebagainya tetapi kesusahan mereka itu ialah modal. Modal hendak adakan trektor, kalau ada tanah 5,000-10,000 ekar hendak tanam kacang kena ada trektor bukan boleh pakai cangkul, kemudian sudah tanam kacang beribu ekar mesti hendak ada tempat penjualan yang betul, tempat yang boleh memproseskan tanaman mereka itu. Jadi ini berkehendak perbadanan saumpama ini yang boleh mengeluarkan modal yang cukup, memberi modal kepada mereka itu tanam, kita mahu tanam benda ini, bagaimana pernah Ahli Yang Berhormat ada berkata macam di negeri lain ada tanaman serai wangi. Kalau serai boleh di tanam dengan seluas-luasnya adalah baik. Waktu dahulu Datuk Mohamed Asri kita, Menteri Tanah sekarang, waktu dahulu belum lagi Menteri Tanah dia pergi ke Indonesia dia tengok dan bila balik dia kata hendak tanam serai wangi seberapa yang banyak di Kelantan, buat satu rancangan tanaman serai wangi di Kelantan kita boleh buat pasaran dunia dan sebagainya, ini benda boleh buat. Jangan cakap sahaja, buat sekarang. Apa yang perlu sekarang kita jalankan seberapa boleh, kita buat sekarang. Jadi hendak buat ini mestilah ada modal yang cukup, ada susunan pentadbiran yang cukup dan mahu kepada pegawai-pegawai yang tahu hal berniaga. Sekarang FAMA mahu berniaga. Kalau bagi kepada civil servant tidak biasa berniaga suruh dia berniaga teroklah, kemudian kita marahkan dia, gajinya dua tiga ribu, kemudian perniagaan belum tahu lagi untung atau rugi, ini benda yang susah. Jadi saya sekarang saya perhatikan ada sedikit keliru di dalam masaalah pentadbiran perbadanan ini selalu bila Kerajaan tubuhkan perbadanan meletakkan civil servant taruk di situ, suruh dia berniaga. Kemudian si civil servant ini set up officenya itu, dia mengadakan kerusi meja yang cantik dengan tilam dan lain-lain jadi bayar gaji—bayar perbelanjaan office sahaja sudah beratus ribu duit Kerajaan kena belanja. Kalau orang ahli berniaga dia duduk atas bangku buruk pun tidak apa asal perniagaannya besar, asal dapat wang untung yang lebih, tentang office itu tidak menjadi masa-

alah kerja itu mesti jalankan, perniagaan itu mesti berpusing.

Jadi inilah berlainan cara berfikir orang yang berniaga dengan civil servant. Jadi benda ini mesti dikaji balik oleh Kerajaan sudah menjadi tradisi baharu kita bila Kerajaan hendak berniaga cari pegawai-pegawai Kerajaan yang lama-lama, yang tua-tua, taruh di situ. Kalau ada yang hendak pencen itu taruh di situ sebelum pencen taruh menjadi pengerusi perbadanan itu, kerana hendak status atau hendak ambil apa. Kawan itu hendak memikirkan tidak boleh (*Ketawa*) dia mengira anak-cucunya—bukan kira kacang, jagung, ini tidak, bukan hendak mengira hal perniagaan. Kita mesti ambil orang muda, orang baharu taruh di situ. Jalankan perniagaan, jalankan urusan, baharulah kemajuan itu naik. Jadi saya bukan hendak mengeritik kepada satu-satu orang ataupun satu-satu tubuh manusia. Ini maknanya tradisi baharu Kerajaan buat mengambil orang pegawai untuk hendak menjalankan perbadanan perniagaan.

Macam FAMA dengan pindaan ini hendak joint-venture, pindaan baharu ini banyak diberi kuasa untuk joint-venture. Kalau dia ini bukan ada kemahiran dalam perniagaan joint-venture, orang yang joint-venture itu dia pusing habis sekali dengan FAMA sekali terbalik. (*Ketawa*). Orang perniagaan, kita joint-venture dengan dia, dia pandai. Pelawa orang Jepun dan orang dari Hong Kong joint-venture. Orang kita berfikir anak-cucu di rumah, yang kawan ini pusing habis sekali dengan FAMA. Ini yang kita hendak jaga, ini mesti Kerajaan berhati-hati dengan cermat supaya kita jangan sekali lagi FAMA ini gagal dalam menjalankan activity dia, jangan lagi sekali FAMA ini terpaksa pula kita buat pindaan undang-undang, pecah-pecahkan lagi. Sekarang biarlah perjalanannya tegas dan berjaya, itu yang kita kehendaki.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Senator Ibrahim Yaacob dan Datuk Nik Hassan yang telah memberi teguran dalam perkara ini dan saya fikir teguran itu telah diambil ingatan dan tidak mustahak saya menjawab, kerana teguran-teguran itu adalah menepati dan sungguh nampaknya menggelikan hati kita, tetapi saya fikir membina.

Yang susahny sedikit ialah kita hendak mengambil, kalau boleh, orang yang luar daripada jawatan Kerajaan yang cukup mahir misalnya dalam perniagaan itu, orang kita ini belum banyak. Yang ada di luar itu tidak berapa kerat, mereka sibuk dengan perniagaan masing-masing. Jadi, itulah sebabnya kita tidak dapat mengambil yang betul yang muda, yang cekap betul dalam perniagaan luar masuk ke dalam FAMA kerana kita tidak ramai. Yang ada pada Kerajaan itulah yang nampaknya hendak keluar hendak berniaga. Jadi cadangan itu saya fikir yang muda, cergas dan dilatih dalam perniagaan patut memegang jawatan yang penting, dan bukannya tua-tua yang hendak pencen itu, saya bersetuju dengan cadangan itu.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 12* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG KILANG DAN JENTERA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengusulkan bahawa Rang Undang-undang yang dinamakan Rang Undang-undang Kilang dan Jentera (Pindaan), 1973 dibaca bagi kali yang kedua.

Sebagai Ahli Dewan semua ketahui, Akta Kilang dan Jentera, 1967 mula berkuatkuasa pada 1hb Februari, 1970. Setakat ini Jabatan Kilang dan Jentera tidak pernah mengadakan sebarang pendakwaan terhadap sebarang kesalahan yang dilakukan di bawah Akta itu. Walaubagaimanapun jika didapati satu peraturan tertentu yang dibuat di bawah Akta itu telah dilanggar, Perintah Mencegah

telah dikeluarkan terhadap penghuni-penghuni di kilang (occupier of factories) supaya kecacatan itu diperbaiki dalam masa tempoh yang ditentukan. Walaupun Jabatan itu mungkin menjalankan pendakwaan disamping Perintah Mencegah itu, adalah didapati bahawa pada peringkat awal penguatkuasaan Akta itu, penghuni kilang-kilang hendaklah diberikan peluang bagi memahami dan mematuhi kepada piawai maksima (maximum standard) sebagaimana yang dikehendaki di bawah Akta ini.

Oleh kerana masa tiga tahun telahpun berlalu semenjak pelaksanaan Akta itu dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, adalah difikirkan bahawa penghuni kilang sepatutnya sekarang sudah menyedari, tentang keperluan Akta dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah dan pelanggaran seterusnya tidaklah boleh dibiarkan lagi. Sekarang adalah dicadangkan kesalahan-kesalahan kecil terhadap Akta dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya bolehlah didenda oleh Jabatan itu selain dari pelanggaran yang besar atau "serious cases."

Seterusnya adalah dicadangkan untuk memasukkan satu seksyen-kecil 52A kepada Akta Kilang dan Jentera, 1967 yang akan membekalkan kuasa kepada Ketua Pemeriksa dan Timbalan Ketua Pemeriksa bagi mendenda kesalahan-kesalahan seperti itu sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri. Menteri mungkin membuat aturan-aturan bagi menyatakan cara-cara dan peraturan-peraturan bagi mendenda kesalahan-kesalahan itu. Jumlah bayaran maksima atau bayaran yang setinggi-tinggi yang mungkin dikenakan terhadap orang yang melakukan kesalahan-kesalahan yang boleh didenda tidak akan melebihi \$100.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengusulkan.

**Dr Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bill ini untuk diluluskan dan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan kerana dapat meminta Akta Kilang dan Jentera, 1967 ini. Apa yang saya harapkan kepada Pejabat Machinery ini supaya pergi ke tiap-tiap negeri dalam Malaysia ini

untuk memeriksa tiap-tiap kilang dan jentera dan jangan kilang-kilang yang ada berdaftar sahaja yang diperiksa. Saya dapat tahu di kawasan-kawasan perkampungan baharu banyak kilang-kilang dan jentera-jentera yang tidak berdaftar dan saya percaya tentu ada pula di tempat-tempat yang lain. Kita mahu biarlah semua kerja-kerja yang dibuat di negara ini dengan secara halal, tidak mencuri dan melarikan cukai pendapatan dan jikalau ini dapat dijalankan baharulah negara kita ini akan bertambah makmur dan maju dan rakyat akan mendapat kenekmatan kemerdekaan negara kita.

Inilah harapan saya, dan saya harap Pejabat Machinery akan pergi masuk ke kampung-kampung baharu yang jauh dari bandar untuk memeriksa supaya jangan ada kilang-kilang dan jentera yang tidak berlesen dan ini akan merugikan Kerajaan kita dan dengan ini saya menyokong Bill ini untuk diluluskan.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang ini dan di samping itu meminta pihak pengilang menjalankan kilangnya dengan lebih teratur lagi. Saya dapati banyak kilang-kilang terutama kilang-kilang kecil di kampung-kampung didapati kebersihan di dalam kilang amatlah tidak terjamin. Apatah lagi kilang-kilang yang berhampiran dengan rumah-rumah yang bersekeliling dengan kampung-kampung yang berkenaan.

Yang kedua, pengilang-pengilang ini didapati terutama pekerja-pekerjanya kebanyakannya tidak diambil berat oleh majikan-majikannya, iaitu pekerja-pekerja tidak diberi EPF dan sebagainya. Saya berharaplah di samping perkara-perkara lain kita meneliti kepentingan pekerja. Di harap dengan Rang Undang-undang ini juga akan dapat dititik beratkan masalah EPF kepada pekerja-pekerja yang mana ada didapati kilang-kilang yang tidak memberi kepada pekerja-pekerja.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun EPF tidak ada kena mengena dengan machinery ini, tetapi saya mengambil ingatan kepada Yang Berhormat Tuan Shaari bin Jusoh yang mengingatkan, kalau memeriksa mesin-mesin itu jangan lupa sumbangan kepada EPF kerana EPF itu machinery bagi pekerja juga, kalau

tidak, tidak ada wang di kemudian hari kelak.

Kepada Yang Berhormat Tuan Ibrahim saya menyambut baik teguran-teguran itu dan mengambil ingatan, iaitu merinyu mesti menjalankan katanya di seluruh Malaysia ini diperiksa semua machinery, bukan di bandar-bandar besar sahaja.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG KESATUAN SEKERJA (PINDAAN)

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengusulkan bahawa Rang Undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan) dibacakan bagi kali yang kedua dan diluluskan.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk membatalkan seksyen 49 Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959 dan menggantikannya dengan satu seksyen baharu yang mengandungi perbekalan bagi membolehkan sesebuah kesatuan sekerja yang berdaftar melaburkan tabung wang simpanan kesatuan di dalam perdagangan, perusahaan atau perusahaan-perusahaan pertanian atau perusahaan bank tertakluk kepada beberapa syarat-syarat yang akan dikenakan oleh Menteri bagi menjaga kepentingan ahli-ahli kesatuan sekerja dan setakat mana yang boleh, bagi menentukan kemungkinan dan kemajuan projek itu.

Sebagaimana Ahli Dewan ini semua ketahui, Seksyen 50, Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959 membekalkan bahawa tabung simpanan wang bagi sebuah kesatuan sekerja yang berdaftar hanya boleh dibelanjakan bagi tujuan-tujuan sebagaimana yang ditentukan dalam

Jadual Kedua kepada Ordinan itu. Antara lain, ia membolehkan bagi membayar gaji, elaun dan perbelanjaan pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja kesatuan sekerja; bayaran yuran pergabungan dengan persekutuan kesatuan sekerja; kerja-kerja sosial, sukan, pelajaran dan kerja-kerja amal bagi ahli-ahli mendirikan bangunan bagi tujuan urusan kesatuan dan lain-lain lagi. Walaubagaimanapun tidak terdapat perbekalan dalam Undang-undang itu yang membolehkan kesatuan sekerja melaburkan modal mereka itu di dalam sebarang perdagangan, perusahaan dan perusahaan-perusahaan pertanian atau perusahaan bank.

Perbekalan baharu membolehkan kesatuan sekerja sekarang memainkan peranan yang lebih besar di dalam perkembangan ekonomi di negara ini dengan menggunakan punca-punca kewangan yang berlebihan itu kepada berbagai-bagai perdagangan, perusahaan dan perusahaan-perusahaan bank. Usaha-usaha perniagaan seperti itu juga akan membantu ke arah membanyakkan lagi peluang-peluang pekerjaan bagi warganegara negeri ini.

Langkah yang diambil oleh Kerajaan sekarang bagi mengadakan pindaan yang dicadangkan itu adalah merupakan satu langkah positif dan sebagai satu "manifestasi" kehendak Kerajaan bagi menggalakkan perkembangan kesatuan sekerja yang kuat, demokratik dan bertanggungjawab di negeri ini. Adalah diharapkan supaya kesatuan sekerja sebaliknya pula menggunakan peluang yang terbuka kepada mereka ini dan melaburkan modal mereka dengan saksama bagi faedah ahli-ahli mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengusulkan.

**Dr Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Datuk S. O. K. Ubaidulla:** Tuan Yang di-Pertua, dengan sukacitanya saya mengalu-alukan kedatangan Pindaan Rang Undang-undang ini. Saya mengalu-alukan Bill ini bukan sahaja sebagai seorang yang rapat mendampingi dengan Dewan-dewan Perniagaan Malaysia, tetapi juga sebagai Pengerusi Majlis Majikan-majikan Malaysia.

Di sini saya ingin menyatakan bahawa banyak jumlah wang kepunyaan pekerja-pekerja hanya dibekukan sahaja dan tidak digunakan. Ini adalah suatu kerugian besar

kepada pekerja-pekerja yang sepatutnya memiliki segala faedah dari wang simpanan mereka sendiri. Pindaan Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja ini akan membuka suatu jalan yang baru untuk kebajikan segala pekerja-pekerja. Ramai daripada pekerja-pekerja akan berpeluang bekerja di dalam perniagaan dan perindustrian yang akan ditubuhkan oleh kesatuan sekerja ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam penyertaan ini seseorang akan bekerja sebagai pekerja dan juga tuan punya. Apabila seorang pekerja menjadi tuan punya, maka minatnya akan tertumpu di dalam meninggikan taraf perindustriannya atau perniagaannya dan sengkita-sengkita perindustrian akan jadi kurang. Perubahan ini juga akan memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja memahami segala kesulitan yang dihadapi oleh kaum majikan kerana mereka sendiri menduduki tempat kaum majikan. Hal ini boleh disamakan dengan keadaan yang selalu kita lihat iaitu feri selalu membawa lori untuk menyeberangi sungai, tetapi ada kalanya juga apabila feri rosak lori akan membawanya untuk diperbaiki di darat.

Hari yang paling bahagia bagi Pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja ialah hari mereka menduduki tempat sebagai majikan kerana ini akan memberi mereka peluang untuk memahami lagi segala kesulitan seseorang majikan menghadapi telatah pekerja-pekerja mereka di dalam menuntut kenaikan gaji dan meninggikan lagi faedah yang lain.

Akhir sekali, saya ingin menyatakan di sini bahawa Bill (Pindaan) Kesatuan Sekerja ini akan mendatangkan keuntungan kepada negara kita. Pekerja-pekerja akan menikmati faedah yang lebih baik dari wang mereka sendiri. Ia juga akan menghapuskan segala syak wasangka dan selisih faham di antara majikan dan pekerja-pekerja kerana pekerja-pekerja akan dapat melihat bahagian yang ada di sebelah duit shilling (the other side of the coin).

**Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bill ini untuk diluluskan dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan yang telah memandang berat kepada kesatuan sekerja atau serba serbinya. Daripada kesatuan sekerja pula saya mengucapkan syabas khasnya kepada pengajur-pengajur mereka yang

senantiasa memikirkan kesusahan-kesusahan ahli-ahlinya.

Kesatuan sekerja pada masa ini banyak wang, sebab ahli-ahlinya bertambah ramai hari-hari dan sudah sepatutnya mereka menubuhkan banknya sendiri yang akan dipanggil Bank Pekerja-pekerja. Dengan adanya Bank Pekerja-pekerja ini akan dapat membantu ahli-ahlinya, membeli tanah untuk mendirikan rumah untuk kediaman dan juga memberi beberapa orang ahli-ahlinya bekerja dalam bank mereka sendiri. Lama kelamaan bank ini akan bertambah maju dan memberi keuntungan yang banyak sebagaimana bank-bank yang lain. Apabila bank ini sudah bertambah, maju boleh membeli tanah sendiri untuk mendirikan perusahaan-perusahaan dan dapat pula memberi kerja kepada ahli-ahlinya dan ini akan mengurangkan unemployment di negara kita. Saya berharap dengan adanya bank ini kesatuan-kesatuan sekerja tidak lagi menyusahkan Kerajaan untuk menghantar wakil-wakilnya ke persidangan-persidangan seperti di Geneva dan lain-lain tempat.

Pada masa ini, tiap-tiap wakil kesatuan sekerja pergi menghadiri mesyuarat-mesyuarat di luar negeri. Kerajaan kita terpaksa memberi elaun kepada wakil-wakil itu sama dengan wakil-wakil Kerajaan kita. Kalau kesatuan sekerja ini sudah ada bank sendiri dan sudah kaya raya tidak payah Kerajaan bantu lagi.

Satu perkara lagi, patut kita menyokong supaya kesatuan sekerja ini mengadakan banknya sendiri dengan keuntungan-keuntungan yang bank kesatuan sekerja ini dapat mengadakan industri-industri sendiri, ladang-ladang getah sendiri lombong-lombong bijih sendiri. Kita hendak tengok pula bagaimana penganjur-penganjur jadi boss atau majikan. Adakah mereka jujur dan adil kepada pekerja-pekerjanya sendiri. Sebabnya pada masa ini mereka semuanya jadi employees bekerja sahaja, dan selalu sahaja bertelingkah dengan boss, jarang-jarang yang memberi persefahaman.

Inilah pandangan saya berkenaan dengan Bill ini dan saya menyokong kuat untuk diluluskan.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menentang Bill ini, cuma saya rasa Kerajaan telah meng-

kaji dengan teliti waktu hendak memindakan undang-undang ini.

Dengan adanya pindaan undang-undang ini pekerja-pekerja boleh berkumpul boleh menggunakan wang peruntukan yang dikumpulkan bertahun-tahun itu menjadi modal untuk mengambil alih satu-satu perniagaan, perusahaan atau bank ataupun untuk membina satu-satu perusahaan dengan nama trade unionnya sendiri. Ini ada sedikit berlainan daripada pekerja menanam modal, membeli saham di dalam syarikat-syarikat yang ia bekerja. Undang-undang ini membolehkan kesatuan sekerja menggunakan wang yang disimpannya itu umpamanya kalau dia hendak buka bank, dia boleh buka bank. Kalau kesatuan sekerja yang menjalankan kerja kenderaan umpamanya, dia boleh menggunakan wang peruntukannya untuk menubuhkan sebuah syarikat kenderaannya sendiri menjalankan perniagaan perusahaan kenderaan bagi seluruh Malaysia ini.

Begitu juga lain-lain kesatuan sekerja boleh menggunakan wangnya untuk membina satu-satu perusahaan atau perdagangan. Ini ada bezanya tiap-tiap pekerja itu menanam modal di dalam mana-mana perusahaan ataupun membeli saham-saham di dalam syarikat-syarikat yang dia bekerja.

Apa yang saya bimbangkan kalau Kesatuan Sekerja Kenderaan, dia tak bersetuju dengan syarikat kenderaan yang ada itu, maka dia berhenti kerja daripada syarikat itu, dan menubuhkan syarikatnya sendiri, dan menjalankan satu usahanya sendiri. Ini akan menjadi satu pertentangan yang hebat yang mana kesatuan sekerja boleh menggunakan modalnya sendiri, menubuhkan syarikatnya sendiri untuk melawan dengan syarikat yang sedia ada, yang dia bekerja. Ini mungkin berlaku dengan peluang dan kemudahan yang diberi mengikut undang-undang ini dan saya fikir benda tidak akan berlaku dan saya harap tidak akan berlaku.

Rakan saya Datuk Ubaidulla mengatakan, ~~kalau kita pinda undang-undang ini sudah~~ jadi kesatuan sekerja itu tidak jadi sekerja lagi, dia jadi kesatuan majikan pula, kerana dia akan menjadi majikan bagi syarikat-syarikat yang ditubuhkan itu. Tetapi undang-undang ini, saya rasa, ada baik dan ada tak baiknya. Yang baiknya kesatuan sekerja boleh mengambil tahu bagaimana kata Datuk Ubaidulla, bagaimana sulitnya majikan menjalankan perniagaan dan perusahaan, apabila

dia menjadi majikan sendiri, dia tahu bagaimana susahannya. Jadi tidaklah fikirannya sentiasa hendak mogok, untuk bekerja secara peraturan, untuk menambah gaji, hendak minta overtime lebih, tak timbul perkara itu, kerana dia tahu kalau dia tuntutan, susahlah majikan tempat dia bekerja itu, kerana dia sudah jadi majikan. Barangkali ini ada baiknya, tetapi bagi satu pihak lagi dia nanti berpakat, kita ada wang, kita buka bank sendiri, apabila sudah ada bank sendiri, pekerja-pekerja dalam bank itu umpamanya boleh membesarkan bank itu buka cawangan beberapa banyak di seluruh Malaysia ini dan kalau perlu ditambah dengan banyaknya lagi untuk menjadikan tapak modal kekuatan dalam perjuangannya untuk menentang sebarang benda timbul, salah-faham di antara pekerja dengan majikan yang dia bekerja. Tetapi, saya rasa, boleh jadi tidak begitu kuat, sebab Kerajaan memberi jalan kepada kesatuan sekerja itu boleh menanam modal dengan cara berkumpul begini. Dan saya harap dengan undang-undang ini maka kesatuan sekerja akan mengambil peluang ini dengan menggunakan peluang ini dengan cara yang baik, dengan cara yang boleh memajukan kesatuan-kesatuan sekerja dan boleh memberi kebajikan dan kebaikan kepada ahli-ahlinya. Dan kita harap mereka akan menggunakan peluang ini ikut cara yang baik, cara yang sempurna, cara yang tidak menimbulkan sengketa yang lebih hebat.

Kalau Kesatuan Sekerja Kakitangan Kerajaan, tidaklah begitu menjadi masalah, sebab Kerajaan tidak berniaga. Ini majikan yang tidak berniaga, menjalankan tugas-tugas Kerajaan, tetapi kalau kesatuan sekerja yang bekerja dengan pengusaha atau peniaga, itu lain maknanya.

Saya rasa kesatuan-kesatuan itu akan menggunakan peluang yang Kerajaan beri ini untuk kebaikan, bukan menjadi senjata untuk mereka berlawan dengan majikan.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan kepada Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959, saya rasa, kesatuan sekerja mencapai satu sejarah kemenangan, kerana dengan pindaan ini, pada pendapat saya, konsep atau sikap terhadap kesatuan sekerja sudah bertukar.

Pada masa yang lampau, kita anggap pekerja itu sebagai pekerja sahaja. Kita tak sangka pada satu hari pekerja itu boleh

menjadi majikan. Ini mungkin konsep yang telah dikekalkan oleh penjajah dahulu dan kalau kita tengok kepada bekas penjajah negara kita di negerinya sekarang sedang kacau bilau oleh kerana konsepnya itu masih dikekalkan lagi. Ada di negara lain yang saya tahu umpamanya di Jerman yang mana konsep itu berlain. Pekerja juga dianggap sebagai bertanggungjawab sebagai majikan yang mana pekerja juga dilantik menduduki Lembaga Pengarah untuk menolong mengarahkan kemajuan syarikat, ataupun perusahaan yang dijalankan itu. Di sini, saya, dengan adanya pindaan terhadap undang-undang ataupun Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959, maka pekerja-pekerja atau kesatuan sekerja di negara ini telah mendapat satu kejayaan yang cemerlang, dan saya tidaklah hendak mengulang apa yang sahabat saya Datuk Ubaidulla telah mengatakan tadi. Dan saya cuma berharap dan berdoa dengan adanya peluang-peluang yang diberi kepada kesatuan sekerja di bawah undang-undang yang baharu ini, atau di bawah pindaan kepada undang-undang ini, maka kesatuan sekerja dapat berjalan dengan lebih bertanggungjawab, dengan lebih berjaya untuk sama-sama membina negara.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang ini yang mana Rang Undang-undang ini sebagaimana kata Senator Kamarul Ariffin adalah satu kejayaan kepada pekerja-pekerja amatlah tepat dan kena pada masanya, kerana di masa-masa yang lepas kita tahu pekerja-pekerja dan sebagai pekerja yang lain juga bila habis kerja atau tamat tempoh pekerjaannya, maka kerap kali wangnya tidak begitu ada ataupun tak tersusun, tetapi dengan adanya Rang Undang-undang ini, maka wang pekerja-pekerja tadi akan membesar atau membanyak lagi. Maka ini adalah satu pertolongan Kerajaan dengan adanya Rang Undang-undang (Pindaan) ini amatlah baik kepada pekerja-pekerja.

Di samping itu, saya berharap kepada pekerja-pekerja tadi janganlah kata orang sebagai kata bidalan Melayu: "Bila beri roti, hendakkan mentega." Saya hendak contohkan lagi dengan satu perkataan lain, amatlah pelik, "Bila diberi betis. . . . ." tak payahlah saya teruskan lagi, tetapi kita berharap kepada pekerja-pekerja itu sesudah Kerajaan kita bertimbang rasa dan membuat berbagai undang-undang untuk menolong kepada

pekerja-pekerja, kita berharaplah yang pekerja-pekerja itu akan memikirkan dengan sedalam-dalamnya, kalaulah satu-satu tindakan yang akan diambil itu adakah akan menjadi padah yang tak baik kepada negara, kita misalkan baharu-baharu ini dua contoh.

Pertama, syukurlah kita kepada Tuhan dengan kerjasama atau dengan masuk campur tangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kalau tidak soal menghantar surat kalam-kabut, tetapi syukurlah benda itu tak jadi. Kita berharaplah simpati yang macam itu di harap ada kepada golongan pekerja-pekerja.

Keduanya, biarlah satu-satu benda yang akan dibuat oleh kesatuan sekerja tadi cara berbau kebangsaan, cara peribadi negara kita Malaysia. Kita dengar baharu-baharu ini sebuah Dewan akan dibina oleh Dewan Pekerja namanya amatlah bertentangan atau pun berhaluan lain daripada apa yang dibuat oleh Kerajaan kita Malaysia. Saya berharaplah selepas Kerajaan mengambil berat pada pihak kesatuan sekerja dan begitu juga harapan saya kepada kesatuan sekerja ini yang terdiri daripada golongan semua sekali rakyat Malaysia, menimbang atau menolong sebagaimana niat Kerajaan menolong mereka selama ini.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada kelima-lima Ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan penerangan tambahan dan pandangan kepada undang-undang meminda Undang-undang Kesatuan Sekerja ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Jawatankuasa)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PEMEGANG AMANAH RAYA (PINDAAN)

Bacaan Kaki Yang Kedua dan Ketiga

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Akta bagi meminda Ordinan Pemegang Amanah Raya, 1950 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan utama bagi Rang Undang-undang ini ialah untuk menghapuskan seksyen-kecil (4) seksyen 19 dalam Ordinan Pemegang Amanah Raya, 1950 yang mana Menteri dikehendaki menentukan supaya bayaran-bayaran yang ditetapkan olehnya mengenai perkhidmatan yang diberi oleh Pemegang Amanah Raya adalah mencukupi untuk membayar gaji-gaji tahunan bagi kakitangan-kakitangan dan juga lain-lain perbelanjaan yang bersabit dengan perjalanan Ordinan itu. Akan tetapi semenjak tertubuhnya Jabatan Pemegang Amanah Raya lebih kurang lima puluh tahun dahulu, perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi oleh Pemegang Amanah Raya itu adalah dianggap terutama sekali sebagai suatu perkhidmatan sosial dan adalah dirasai bahawa perkhidmatan-perkhidmatan itu hendaklah tetap dianggap sedemikian pada masa hadapan, walaupun ada perkataan-perkataan dalam seksyen-kecil (4) tersebut di atas yang Rang Undang-undang ini mencadangkan hendak dihapuskan.

Peruntukan dalam seksyen-kecil (4) itu sekarang telah menjadi tidak bermakna lagi dan patutlah dihapuskan.

Pindaan-pindaan yang lain yang dicadangkan oleh Rang Undang-undang ini adalah kecil sahaja dan dinyatakan sebab-sebabnya dalam Huraian kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dr Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG (PERBADANAN) GOOD SHEPHERD NUNS

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta bagi memperbadankan Sister Superior of the Good Shepherd Nuns di Malaysia dibacakan pada kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Huraian kepada Rang Undang-undang ini ialah untuk memperbadankan Sister Superior of the Good Shepherd Nuns Malaysia dan untuk meletakkan harta Sister Superior itu pada perbadanan yang akan diwujudkan. Perbadanan itu untuk memudahkan pentadbiran yang sepatutnya bagi haleswal Good Shepherd Nuns di Malaysia.

Dewan sedia maklum iaitu mengikut ke-laziman yang diamalkan oleh Dewan ini Rang Undang-undang persendirian seumpama ini biasanya dikemukakan oleh Menteri Kerajaan. Pada masa-masa yang lampau Rang Undang-undang seumpama ini telah banyak diluluskan oleh Parlimen, misalnya tidak lama dahulu Akta (Memperbadankan) Persatuan Budak-budak Pengakap Malaysia, 1968 dan Akta (Memperbadankan) Synod of the Diocese Malaysia Barat, 1971. Berhubung dengan Rang Undang-undang ini suatu rayuan telah dibuat bagi pihak Sister Superior of the Good Shepherd Nuns, memohon supaya Rang Undang-undang ini diluluskan bagi memperbadankan Sister Superior of the Good Shepherd Nuns di Malaysia. Selaras dengan kedaulatan negara kita adalah wajar permintaan ini ditunaikan dan Rang Undang-undang ini diluluskan oleh Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-cadangkan.

**Dr Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempegerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 6* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### RANG UNDANG-UNDANG KAWALAN BEKALAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab undang-undang asal ini ialah masih dalam bahasa Inggeris dan pindaan-pindaan ini sangat-sangat teknikal bagi memahami Ahli-ahli Yang Berhormat ini, izinkan saya membacakan dengan menggunakan bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker. Sir, I beg to move that a Bill intituled an Act to amend the Control of Supplies Act, No. 14 of 1961 be read a second time.

The object of this Bill, Sir, is to correct two flaws in the Control of Supplies Act, No. 14 of 1961, which came to light in the course of preparing a revised edition of the law.

Section 2 of the Act defines "offence against this Act" as including any contravention of or failure to comply with any order or regulation, or with the terms and conditions of any licence, permit or authority issued or granted, or with any request or direction made or given, under the Act. The Act goes on to declare various acts and omissions thereunder as "offence against this Act" except in two cases in sections 7 (4) and 18 (1). As a result of this, certain contraventions of the provisions of sections 7 (4) and 18 (1) might fail to attract the penalties prescribed in section 22. Clauses 3 and 4 of the Bill amend sections 7 (4) and 18 (1) by making non-compliance with and contravention of the provisions of the sections an offence under this Act and bring them into line with the other provisions of this Act.

Sir, section 22 sets out the penalties prescribed under this Act. In doing so, it refers not to an "offence against this Act" but to an offence against or failure to comply with the provisions of the Act or of regulations made thereunder. The latter term inadvertently excludes from its scope certain acts and omissions, e.g. failure to comply with the terms and conditions of licences and permits, which come within the definition of "offences against this Act." This could not have been the intention when the law was enacted then. Clause 5 of the Bill amends subsections (1), (2), (4) and (5) of section 22 by substituting the term "offences against this Act" for the existing references. Subsection (3) already uses the expression "Offences against this Act."

Clauses 2 and 6 of the Bill make minor and consequential amendments to sections 6 (2) (1) and 28.

Sir, I beg to move.

**Dr Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 6* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA TEMBAKAU NEGARA (PERBADANAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membentangkan satu Rang Undang-undang bertajuk Rang Undang-undang Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan), 1973 untuk bacaan kali yang kedua oleh Dewan ini bagi

menubuhkan sebuah Lembaga Tembakau Negara untuk memperbaiki dan menjalankan dengan sepenuhnya industri mengeluarkan tembakau dan bagi membuat peruntukan-peruntukan berkenaan dengan Lembaga dan industri itu.

Saya mengemukakan Rang Undang-undang ini memandangkan masalah-masalah rumit yang dihadapi oleh perusahaan tembakau ini, terutamanya di Kelantan. Masalah-masalah itu boleh diringkaskan seperti berikut:

- (i) Pengeluaran tembakau yang berlebihan terutamanya tembakau bermutu rendah;
- (ii) Sistem kawalan swasta bagi pengeluaran dan pemasaran tidak lagi berjalan dengan baik dan telah mengakibatkan pengeluaran tembakau yang berlebihan dan mendatangkan spekulasi;
- (iii) Perkembangan yang tidak dikawal di dalam penanaman tembakau dan mengakibatkan kecuaiian dalam amalan penanaman, dan mendatangkan akibat yang buruk ke atas daya pengeluaran dan mungkin juga penyakit-penyakit;
- (iv) Sistem mengred dan harga daun tembakau menghadapi beberapa kelemahan.

Perusahaan tembakau ini menanggung tidak kurang dari 200,000 orang dari segi pekerjaan dan pendapatan. Sungguhpun bilangan ini tidaklah besar tetapi inilah satu-satunya perusahaan yang terdapat di pantai timur yang melibatkan berjuta-juta ringgit dari segi pelaburan. Saya mahu perusahaan ini berjalan dengan maju dan memberi faedah yang tetap kepada rakyat kita. Oleh itu, saya bagi pihak Menteri yang berkenaan telah mengambil langkah ini untuk menubuhkan satu badan yang akan dapat mengatur dan mengawal perusahaan yang, jika tindakan segera tidak diambil, akan mati begitu saja.

Tugas-tugas segera badan ini ialah menimbang dan menguatkuasakan satu sekim untuk mengawal perkembangan memproses dan menanam tembakau. Keperluan menjalankan usaha-usaha untuk mengawal perusahaan ini dengan segera timbul dari keadaan bahawa pasaran bagi tembakau keluaran tempatan adalah bergantung berat kepada dua Syarikat pembuat rokok yang besar iaitu Syarikat Malayan Tobacco dan Rothmans of Pall

Mall Limited yang kedua-duanya menggunakan lebih kurang 95% dari jumlah tembakau tempatan yang bermutu tinggi yang dapat dibeli bagi membuat rokok. Ini merupakan hanya kira-kira 12 juta paun jika dibandingkan dengan jumlah pengeluaran yang kira-kira 17 juta paun. Masalahnya sekarang ialah: Apakah yang kita hendak buat dengan tembakau yang berlebihan itu—lima juta paun. Kita tidak dapat mengeksepotnya kerana pos pengeluaran di Malaysia ini adalah di antara yang tertinggi sekali di dalam dunia. Oleh itu pasaran bagi tembakau Malaysia adalah terhad kepada pasaran di dalam negeri kita sahaja. Pengeluaran yang berlebihan di dalam 2 tahun yang lepas telah mendatangkan kerugian yang banyak, bukan sahaja kepada tuan punya ban-ban tetapi juga kepada penanam-penanam yang tiada mempunyai pengetahuan mengenai keadaan pasaran dalam perusahaan ini. Spekulasi juga telah mendatangkan kerugian kepada penduduk-penduduk yang mengeluarkan tembakau.

Pengawalan di peringkat pengeluaran terpaksa akan dijalankan melalui penggunaan konsep "quota system". Di bawah "quota system" ini satu kaitan wajib akan di metri di antara pembuat-pembuat rokok dan pengawit-pengawit tembakau, dan di antara pengawit-pengawit dengan pekebun-pekebun. Pada asasnya perjalanan "quota system" ini berasaskan satu fahaman, bahawa pembuat-pembuat rokok akan membahagikan jumlah keperluan tahunan mereka sebagai "quota" yang akan menjadi had pembekalan tembakau dari seseorang pengawit. Pengawit-pengawit pula akan mendaftarkan penanaman-penanaman tembakau yang akan terbabit dalam menanam tembakau untuk pengilang-pengilang itu. Penjualan mana-mana tembakau akan ditujukan hanya kepada mereka-mereka yang mula-mula mengeluarkan "quota" itu. Dalam lain perkataan sistem ini adalah sistem tertutup (closed system) yang dengan sendirinya mematikan kegiatan orang-orang tengah dan juga akan menyamakan pembekalan dengan permintaan, equalise demand and supply. Ini bererti lebih mudah bagi kita menjaga harga yang berpatutan dan sesuai dengan mutu akan digalak. Sistem quota ini juga akan menggalakkan pengawit-pengawit tembakau membekalkan "input credit" kepada penanam-penanam mereka untuk menentukan daya pengeluaran yang tinggi dan pengeluaran yang bermutu.

Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, membuat peruntukan-peruntukan bagi mengawal, mengatur dan menyelaras semua kegiatan berkaitan dengan menanam, mengawit, menjual, membeli, menyimpan dan pergerakan tembakau.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah terbahagi kepada 6 bahagian dan Rang Undang-undang ini memberi pertimbangan yang wajar kepada kepentingan semua pihak-pihak yang berkenaan di atas prinsip-prinsip bahawa:

- (i) Penanam-pehanam tembakau patut digalakkan untuk mengeluarkan daun-daun yang betul-betul bermutu tinggi;
- (ii) Penanam-penanam mestilah mendapat jaminan harga yang berpatutan bagi keluaran mereka itu;
- (iii) Syarikat-syarikat pembuat rokok patut mendapat jaminan bagi bekalan daun-daun tembakau yang bermutu, yang dikehendaki;
- (iv) Pembuat-pembuat rokok patut digalakkan menambah penggunaan tembakau tempatan di dalam keluaran mereka;
- (v) Kepentingan penghisap-penghisap rokok dan tembakau patut juga diberi pertimbangan yang wajar.

Bahagian pertama adalah berkenaan dengan tajuk dan permulaan Akta dan tafsiran perkataan-perkataan yang digunakan dalam Rang Undang-undang. Bahagian kedua membuat peruntukan bagi perlantikan Lembaga Tembakau Negara dan Majlis Penasihat Tembakau dan juga berkenaan dengan tugas-tugas Badan-badan itu. Badan itu akan terdiri daripada wakil-wakil dari pihak swasta serta pihak Kerajaan. Majlis Penasihat Raya ada disebut di dalam undang-undang itu dan tidak payahlah saya bacakan.

Tujuan utama mewujudkan Majlis ini ialah kerana ianya membolehkan wakil-wakil dari puak-puak yang ada mempunyai kepentingan di dalam perusahaan ini diwakili sepenuhnya di dalam Majlis ini oleh kerana Majlis ini hanyalah Majlis Penasihat sahaja.

Tugas-tugas utama Majlis itu ialah untuk memberi nasihat kepada Menteri yang berkenaan semua perkara-perkara berkaitan dengan perusahaan-perusahaan tembakau. Lembaga Perusahaan Tembakau akan dibentuk sama seperti Majlis Penasihat dan

hanya akan berlainan di dalam tugas-tugasnya yang akan merupakan semata-mata pengurusan (executive). Ahli-ahli Majlis Penasihat Tembakau adalah disebutkan dalam Rang Undang-undang ini.

Berkaitan membuat peruntukan bagi mengawas dan mengawal semua kegiatan-kegiatan berkaitan dengan menjual, membeli, mengawit, menyimpan dan mempergerakkan atau mengedarkan tembakau seperti peruntukan di bawah Seksyen 13 hingga 17. Pengawasan itu akan dijalankan melalui penggunaan sistem quota yang saya terangkan terdahulu daripada ini. Untuk menentukan supaya sistem quota ini berjalan dengan jayanya, Lembaga itu akan melesen semua pengawit-pengawit tembakau dan pembuat-pembuat rokok. Ini adalah perlu kerana dengan cara ini sahajalah Lembaga dapat mengawasi kegiatan-kegiatan mereka itu. Lembaga juga akan mengenakan syarat-syarat atau sekatan-sekatan termasuk pengawalan ke atas kegiatan-kegiatan menanam tembakau.

Di bawah Seksyen 23 (1) peruntukan-peruntukan dibuat juga untuk pengistiharan musim tutup (close season) bagi menanam dan mengawit tembakau. Pada musim tutup ini, tidak seorang pun boleh menanam tembakau, membiarkan tembakau yang ditanam hidup atau menjalankan kegiatan-kegiatan mengering. Ini adalah perlu untuk menentukan supaya satu tempoh dikhaskan bagi mengawal pembiakan penyakit-penyakit yang mungkin terdapat apabila perusahaan-perusahaan tembakau dijalankan berterusan. Ini merupakan satu langkah berjaga-jaga sebelum terdapat penyakit-penyakit yang sangat merbahaya dan dapat memusnahkan semua tanaman-tanaman tembakau di negeri itu.

Bahagian keempat Rang Undang-undang itu membuat peruntukan bagi penubuhan dan pentadbiran "Tabung Lembaga Perusahaan Tembakau" (Tobacco Industry Board Fund) di mana Lembaga akan mengutip dan menggunakan wang bagi kegiatan-kegiatannya itu. Langkah ini adalah sesuai dengan cadangan pasukan kerja yang mengesyorkan bahawa Lembaga ini patut menjadi "self-financing". Seksyen 26 membuat peruntukan bagi mengenakan dan mengutip ses ke atas penjualan tembakau "flue-cured" oleh pengilang-pengilang.

Adalah difikirkan bahawa sektor swasta patut memberi sumbangan kewangan kepada badan yang akan mengawal bagi kepentingan perusahaan tembakau ini. Kesusahan yang dihadapi oleh penanam tembakau akan diberi perhatian yang wajar apabila Lembaga ini mengenakan ses atau yuran bagi lesen-lesen yang dikeluarkan.

Bahagian kelima Rang Undang-undang menyebutkan tentang kuasa-kuasa berkaitan dengan berkuatkuasanya Akta itu. Di dalam perkara ini Lembaga diberi kuasa untuk memberhentikan atau memusnahkan mana-mana tembakau yang tidak dikeluarkan mengikut undang-undang.

Bahagian keenam pada umumnya adalah berkaitan dengan kehendak-kehendak me-rahsiaikan kegiatan-kegiatan Lembaga dan kuasa Menteri untuk membuat kaedah-kaedah berkaitan dengan seksyen 21 mengenai kuasa Lembaga membatalkan atau menolak lesen seseorang yang menjalankan kegiatan-kegiatan yang menjual tembakau.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-cadangkan.

**Dr Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Peguam Negara dan saya mengucapkan syabas dengan adanya Rang Undang-undang ini yang akan menambahkan lagi pendapatan kepada rakyat, lebih tepatnya yang menanam tembakau.

Tuan Yang di-Pertua, rokok, cerut, tembakau adalah asalnya daripada pokok tembakau. Pada pendapat saya, apa yang kita belanja untuk mengisap rokok, mengisap paip dan sebagainya, kalau hendak dibandingkan dengan makanan untuk mengisikan perut, nasi, roti dan sebagainya, saya berpendapat untuk perbelanjaan yang menggunakan tembakau lebih banyak perbelanjaan yang kita menggunakan beras dan sebagainya. Jadi disini tentulah kita tahu yang kegunaan tembakau ataupun perbelanjaan tembakau amatlah banyak pada tiap-tiap hari termasuk siapa yang mengisap rokok tentulah sama-sama kita ketahui. Dengan sebab itu, tentulah kita tidak menafikan yang mana hasil daripada tembakau ataupun perbelanjaan tembakau ini tentulah banyak dan oleh kerana

hasil ini banyak amatlah bersesuaian, kalau rakyat kita Malaysia ini khasnya bumiputra yang tinggal di luar bandar, peladang dan petani, yang juga menanam tembakau dapat menanamkan tembakau dengan banyak. tetapi kita tahu sebagaimana kata Peguam Negara tadi kalau dibiarkan tanaman dengan tidak ada kawalan, tidak ada orang yang hendak membelinya, maka tanaman itu akan menjadi sia-sia kerana pasarannya tidak dikawal. Dengan sebab itu, saya berpendapat patut kita mengadakan kawalan yang cukup.

Saya sebagai seorang rakyat negeri Perlis yang berhampiran dengan negeri Thai selalu ke Padang Besar dan biasa sekali ke Haadyai, saya berasa anih. Bila saya hendak mengisap rokok, cuba hendak membeli rokok kita di Malaysia seperti Dunhill, 555 dan sebagainya, saya tidak dapat, melainkan saya dapati rokok yang bertulis di kotaknya dengan tulisan Siam. Ini agak saya, itupun saya tidak berani, tidak tepat, jangan-jangan tulisan di kotak yang ada tulisan Siam itu pembuatnya harus dari luar. Agak saya dan saya yakin pembuat itu tentulah daripada orang-orang dalam negeri Thai sendiri. Untuk menjaga imej dan menjaga rakyat dengan negara kita sendiri Malaysia terutama sekali bumiputra, kita haramkan terus sebagaimana Thailand mengharamkan rokok-rokok daripada luar negeri masuk ke negeri Thai. Kita juga cuba mengharamkan rokok-rokok yang dibawa masuk daripada England dan sebagainya dengan meminta rakyat kita menghisap rokok yang dibuat di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri kalau pergi ke negeri Thai agak setakat setengah hari, saya cuba hisap rokok yang saya bawa. Tetapi apabila sudah habis, sedap tidak sedap, saya terpaksa beli rokok yang dijual daripada negeri Thai dan lama kelamaan benda itu menjadi kebiasaan. Saya berpendapat juga kalau Malaysia kita ini menahan rokok-rokok yang dibuat di luar yang dibawa masuk ke Malaysia, saya ingat ini amatlah berfaedah. Saya contohkan satu lagi bahawa di masa Jepun kita tidak ada rokok yang baik seperti hari ini kita ada rokok Dunhill dan sebagainya, tetapi orang kita boleh hisap cerut dengan enaknyanya. Saya berpendapat, kalau Kerajaan kita terus mengharamkan rokok-rokok negeri Siam. . . . .

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, untuk penerangan sedikit. Rokok yang ada sekarang ini diperbuat di Malayan Tobacco Company dan Rothmans

seperti 555 dan lain-lain dibuat di negeri kita bukan dibawa dari luar negeri. Itu saya hendak terangkan kepada Yang Berhormat.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih. Saya katakan tadi saya tidak berani kata dengan tepatnya, adakah rokok itu dibuat di negeri Siam atau tidak, tetapi yang saya dapat tahu rokok-rokok yang ada di negeri Siam tidak ada di dalam Malaysia kita dan lebih lagi di kotaknya bertuliskan huruf Siam. Saya difahamkan rokok itu diperbuat di negeri Siam dan saya sendiri, juga Peguam Negara, tidak tahu adakah rokok-rokok itu diperbuat di Malaysia sepenuhnya, kerana jarang ada tulisan di situ yang rokok-rokok itu tidak ada langsung tulisan Malaysia. Ini membawakan bahasa negara masing-masing, ini bukan kata saya, orang lain pun boleh jadi tidak tahu. Dengan sebab itu, kalau itu yang dibuat, saya ucapkan terima kasih sekali lagi. Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bill ini untuk diluluskan dan saya beri setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan yang membuat satu undang-undang begini baik dan saya harap dapat dijalankan.

Dengan adanya Bill yang ini, terjaminlah penghidupan peladang-peladang tembakau yang ada di negara kita ini dan juga ini akan menggalakkan lagi mereka bekerja keras untuk bertanam lebih banyak dari yang ada sekarang. Saya berharap kepada Lembaga Tembakau Negara ini, kalau boleh, cuba mendirikan satu kilang rokok bumiputra yang bernama Golden Cigarettes atau Rokok Emas. Pada masa ini yang kita dengar ialah Rothmans dan MTC sahaja yang menjalankan perniagaan rokok.

Di dalam negara yang merdeka kita patut mengadakan gudang rokok bumiputra sendiri supaya benar-benar kemerdekaan kita ini berdaulat. Tembakau-tembakau yang didapati di negara kita belum lagi cukup dan belum mendapat nama yang harum. Mengapa Burma dan Filipina famous dengan cigarnya. Tiap-tiap orang Filipina dan orang-orang Burma akan mengagung-agungkan cigarnya yang dikeluarkan di negaranya sendiri dengan banyaknya mengeluarkan daun tembakau. Kita bukan sahaja akan mengadakan gudang rokok kita sendiri, kita mahu pula gudang cigar. Ini patutlah difikirkan oleh Lembaga ini.

Begitu juga pasarannya. Kita banyak tanah di negara kita, kaji di mana tanah yang elok diperlukan bagi tanaman daun-daun tembakau. Pada masa ini apa yang kita agung-agungkan getah dan bijeh, tetapi bermacam-macam benda yang dikeluarkan dari bumi kita tidak dapat kita agungkan. Kelapa sawit baharu hendak dapat nama, siapa yang menjalankan, ialah FELDA. Ada satu benda lagi patut pula ada Lembaga iaitu rotan di Janda Baik di Pahang dan di Jelebu, Negri Sembilan, banyak rotan dan saya percaya di tempat-tempat lain di negara kita banyak rotan, tetapi kita tidak dengar ada kajian-kajian. Tembakau sudah berpuluh-puluh tahun di tanam oleh orang bumiputra dan bukan bumiputra, tetapi baharu hari ini kita bawa ke Dewan ini. Rotan banyak di Trengganu dan di Pahang kita tidak kaji dan bermacam-macam lagi. Baharu-baharu ini emas di Perlis, tetapi kita sudah terburu-buru menggalinya, emas itupun lari dari gua itu. Saya merayu pada Kerajaan melalui Lembaga ini jalankanlah betul-betul tanaman-tanaman tembakau, diberi wang yang cukup kepada Lembaga ini. Apa-apa sahaja kesudahan penanaman tembakau ini berilah bantuan yang cukup.

Sekian sahaja pandangan saya berkenaan dengan Bill ini dan saya menyokong untuk diluluskan.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bill ini, kerana saya datang daripada negeri Kelantan dan bukan begitu sahaja, bahkan saya rasa Bill ini adalah satu Bill yang sangat penting bagi menemui kehendak-kehendak pengusaha-pengusaha tembakau di seluruh negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak dikira betul-betul masalah tanaman tembakau ini yang dibuat oleh Malayan Tobacco Company di Kelantan yang pada mulanya MTC masuk ke Kelantan, dia buat tanaman tembakau ini dengan cara syarikat itu sendiri memberi baja, membuat tempat untuk memanaskan tembakau itu, dan juga menghantarkan tembakau yang telah dimasukkan itu ke Kuala Lumpur untuk dibuat rokok. Apabila rakyat di Kelantan yang sudah turun-menurun, sudah menjadi biasa dengan tanaman tembakau cuma pasaran sahaja tidak ada, apabila syarikat MTC membuka ban-ban tembakaunya di tiap-tiap kampung, maka orang kampung itu dengan secara bersungguh-

benar-benar menanam tembakau ini dan tanah-tanah yang tidak boleh ditanam dengan benda lain boleh ditanam dengan tembakau. Tanah-tanah ini boleh dikatakan mengeluarkan hasil yang baik pada masa tanam tembakau ini telah menjadi maju, tetapi apabila syarikat MTC menjalankan pembelian tembakau ini dan dia tengok orang kampung telah mulai menanam tembakau dengan bagus dan banyak, maka bermacam-macam permainan telah dibuat. Ada tembakau-tembakau dicampak, dibuang begitu sahaja, dikatakan grade tidak betul, mutu tidak betul. Jadi, telah timbul perbalahan-perbalahan di antara penanam dengan MTC. Kadang-kadang pekerja MTC itu dipukul oleh orang kampung, ditumbuk, dihambat oleh orang kampung dengan kerana mereka ini setengah-setengah daripadanya bukan menjalankan kerja dengan cara betul. Mereka katakan grade itu tidak betul kerana hendak mencari keuntungan diri. Barangkali MTC sendiri pun tidak tahu kakitangannya menjalankan kerja, setengah daripada setengahnya menjalankan kerja yang tidak jujur sehingga menyebabkan timbul kemarahan daripada orang kampung.

Perkara ini berlaku berpanjangan sehingga timbul masaalah-masaalah yang menyebabkan MTC menjualkan bannya, tempat memasak tembakau ini kepada orang kampung, kepada orang ramai. Dan saya perhatikan MTC ini cuba hendak cuci tangan, hendak lari daripada kesulitan-kesulitan tanggungjawab berkenaan dengan tembakau ini. Jadi, di situlah dijual dan cuma diterimanya yang bersih, maknanya tiap-tiap bermutu, yang masak, yang baik diterima, orang kampung sendirilah yang memasak tembakau dan sebagainya. Bagi pihak MTC saya nampak dia untung, sebab dia terima yang bersih. Penyakit yang ditanggung oleh MTC itu akan dibebankan kepada Lembaga ini kelak, sebab Lembaga inilah yang akan mengawal, menjaga mutu dan kedudukan berkenaan tembakau ini dan saya nampak MTC akan menerima keuntungan dengan barang yang bermutu baik dan tidak ada kesulitan, masaalah yang berkaitan dengan orang ramai. Saya bukan tidak bersetuju dengan Rang Undang-undang ini, tetapi saya harap Kerajaan bercermatlah menjalankan Lembaga ini, jangan timbul perbalahan Lembaga dengan orang ramai pula. Apa yang saya takutkan nanti, orang yang menanam tembakau ini akan menjadi pertentangan

dengan Lembaga atau pegawai-pegawai Lembaga yang akan mengawal mutu dan sebagainya ini. Sebab mutu tembakau ini macam getah juga, yang saya tahu dia menaruh contoh-sample mutu itu di tempat-tempat pembelian, kemudian dibawa oleh orang kampung. Orang kampung ini ada dua pihak: ada yang jujur, ada yang tidak jujur, ada juga. Yang tidak jujur itu kalau diambil baja daripada MTC, dia jual baja itu kepada orang lain, dia gunakan baja lain, jadi daun yang timbul itu lain mutunya. Ada kalanya saya tahu, setengah-setengah orang kampung, bila yang cerdik, dia ada teknikalnya pula, ada ahli sains juga orang kampung ini, dia sendiri tahu macam mana cara hendak buat. Di-ambilnya daun tembakau itu, ditanam, di-kutip daun tembakau, kadang-kadang dia hendak bagi kuning itu dia renjis air kapur. Dia renjis air kapur itu jadi warna daun itu kekuningan sedikit, nampaknya mutunya bagus. Bila orang kilang ini membeli, mem-bawa masuk di dalam tempat untuk mema-naskan itu, untuk memasakkan itu, bila kena sahaja panas daun itu semua gugur habis, tinggal ranting daun sahaja. Pernah kawan saya telah kena sehingga rugi \$4,000; \$5,000 kerana membeli daun dengan tidak tahu teknik yang dibuat oleh orang kampung ini.

Orang kampung di Kelantan ini pandai, ahli sains juga. Dia tahu cara mana hendak pusing kilang ini. Inilah benda yang MTC takut. Orang Kelantan ini cerdik, serupa juga susu getah. Orang Kerajaan bawa meter, dia test dengan meter hendak tahu berapa banyak getah. Apa dia buat, dia hendak jual getah, dia kencing dalam getah itu. (*Ketawa*) Dia kencing getah itu panas, bila panas meter itu naik, jadi susu banyak. Atau pun diambil batu-batu yang panas itu dibuboh di situ. Bila orang test susu itu naik, jumlah susu itu jenis yang banyak.

**Tuan Haji Othman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Berapa orangkah yang sudah kencing dalam getah hingga menjadikannya panas?

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Ini apa yang saya dapat tahu ada orang yang membuat begitu untuk mendapatkan harga yang lebih. Dalam masalah tembakau ini pun begitu juga. Mereka buat research sendiri. Di cari jalan macam mana hendak menunjukkan, kalau kita pakai baja yang bukan diberi oleh MTC, tetapi daunnya elok, cara mana kita buat. Dicampur baja

sendiri, dibuat—daun itu elok, tetapi bila dijadikan tembakau tidak jadi tembakau yang elok, yang bermutu. Ini kesulitan yang saya hendak sebutkan di sini, kesulitan-kesulitan ini akan dihadapi oleh pegawai-pegawai perbadanan kita ini. Kalau orang ini tidak betul-betul, orang yang cekap ataupun orang ini terlampau strict, yang dia tidak tahu caranya, saya rasa perbadanan ini akan berlawanan dengan penanam-penanam tembakau. Penanam-penanam tembakau ini ramai, saya takut nanti penanam tembakau akan menghentam Kerajaan, teruk kita dalam masa pilihanraya besok, dia kata Kerajaan ini menekan dia pula. Dahulu MTC menekan dia, sekarang takut Kerajaan menekan dia pula.

Inilah yang patut kita jaga, bercermat dalam pemilihan pegawai, dalam mewakili, saya tengok dalam Undang-undang ini ada dua masalah yang saya fikir mustahak dikaji kalau sekiranya patut ditambah, iaitu wakil penanam tembakau, cuma ada seorang wakil penanam tembakau yang ada dalam Undang-undang ini dan wakil yang memasakkan dan saya rasa kalau boleh kita banyakkkan bilangan wakil penanam ini supaya dapat kita educate penanam tembakau ini, bagi pelajaran kepada mereka, bagi pengertian yang baik supaya tidak timbul masalah-masalah yang rumit. Lagi pula Menteri yang berkenaan ini, saya nampak, dalam Rang Undang-undang ini ditugaskan di bawah Menteri Pertanian dan Perikanan. Saya rasa, patut kita tugaskan di bawah Menteri Perusahaan Utama, sebab tanaman tembakau ini barangkali akan menjadi satu tanaman yang utama, yang boleh menimbulkan hasil yang besar, sebab bukan sahaja negeri Kelantan, Trengganu, Kedah, Perlis bahkan juga di negeri-negeri yang mempunyai tanah, yang saya rasa elok ditugaskan kepada Menteri Perusahaan Utama, kerana Menteri ini belum banyak tugasnya. Menteri Pertanian dan Perikanan ini banyak sangat tugasnya, nanti dia kecikiran dalam mengawasi perjalanan perbadanan ini.

Selain daripada itu, saya sukalah memberi peringatan lagi kepada Kerajaan supaya perbadanan ini dikendalikan oleh orang orang yang benar-benar berminat dan tahu menjalankan perbadanan ini dengan betul.

Kita harap perkembangan tanaman tembakau ini akan berkembang di seluruh negara kita, sebab ini menimbulkan hasil yang baik

sekali. Kadang-kadang di Kelantan, mereka tak mahu menanam padi dalam kawasan Kemubu sehingga mereka dapat keuntungan yang lebih menanam tembakau sehingga dia kata tak payah tanam padi, ataupun tak payah tanam tanaman lain, kerana tembakau ini menghasilkan lebih baik lagi dan masing-masing berlumba untuk menanam tembakau. Dengan pengawalan yang seumpama ini, saya rasa ada baiknya, umpamanya kita tanam tembakau ini biarlah bermusim. Musim tanam padi biarlah tanam padi, jangan pula hasil yang dua kali setahun itu, kita tak dapat tanam padi, kerana orang suka tanam tembakau. Ini boleh menjadikan satu kelemahan kepada kawasan-kawasan seperti kawasan Kemubu yang boleh menimbulkan kerumitan dalam galakan kita untuk membanyakkan padi.

Selain daripada itu, dalam masaalah tanaman tembakau ini, saya rasa kita perlu mengkaji supaya tembakau kita ini boleh digunakan dengan lebih banyak lagi, bukan mesti MTC dan Rothmans sahaja, sebab yang ada pada hari ini ialah dua buah syarikat sahaja, iaitu MTC dan Rothmans dan mereka ini berpakat. Berpakat macam mana? Umpamanya Rothmans beli di sebelah Kedah dengan Perlis, MTC pula beli di sebelah Kelantan. Apa yang saya tahu samada ini betul ataupun tidak, tetapi mereka ada understanding, tidak ada persaingan tentang harga. Barangkali waktu dahulu sebelum Lembaga ini ditubuhkan, MTC dan Rothmans tidak masuk ke Kelantan, jadi MTC boleh menaikkan harga. Cara perbadanan ini berjalan akan menentukan harga dan menentukan mutu dan inilah yang paling baik saya fikir bagi tujuan kita mengadakan undang-undang ini, sebab tembakau ini kalau kita dapat mengeluarkan dengan banyak dengan mutu yang baik, saya ingat sangatlah bagus dan kalau sekiranya Menteri yang berkenaan kata kita sudah jadi over-production, maknanya lebih pengeluaran tembakau ini sehingga MTC dengan Rothmans tak boleh hendak menggunakan lebih sangat. Saya rasa, patut Lembaga ini memikirkan untuk mengekspot tembakau kita ini.

Kalau kita boleh keluarkan dengan banyak, mengapa kita tak boleh hantar ke England umpamanya, kenapa tak boleh hantar keluar negeri untuk digunakan di negeri-negeri yang berkehendakkan kepada tembakau yang bermutu. Kita jaga, dan

kawal supaya kita dapat mengeluarkan tembakau yang bermutu kemudian kita hantarkan keluar negeri. Janganlah kita harapkan kepada dua buah kompeni rokok yang ada ini sahaja untuk mengambil tembakau ini, tetapi kita hantarkan keluar negeri dan kita proses mengikut cara-cara dan kemahuan mereka di luar negeri, umpamanya kalau di England, kompeni rokok di England berkehendakkan kepada tembakau yang boleh dicampurkan dengan apa-apa ubat yang perlu boleh dihantar kita buat proses begitu dan kita hantar. Saya rasa, kalau Lembaga ini tidak terdaya berbuat semacam itu, barangkali FAMA boleh buat, boleh mengambil perusahaan ini, tetapi dalam undang-undang ini kuasa FAMA telah ditarik dan barangkali Lembaga inilah yang akan boleh menjalankan sendiri berkenaan dengan eksport tembakau yang bermutu keluar negeri dan supaya kita tidak terpaksa menyekat tanaman tembakau ini, kita menggalakkan lagi cuma kelebihannya itu kita hantar untuk keluar negeri.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mula-mula tadi saya tidak bercadang hendak mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini, tetapi apabila saya mendengar sahabat saya, Datuk Nik Hassan bercerita fasal tembakau di Kelantan dan begitu juga sahabat saya Tuan Ibrahim Yaacob, saya pun suka juga hendak mengambil sedikit bahagian dalam perbahasan ini.

Sungguhpun ada orang mengatakan tembakau itu merbahaya, tetapi nampaknya bahaya itu sudah menjadi tidak begitu bermakna, kalau kita pandang dari segi ekonomi, kerana tembakau boleh meninggikan ekonomi negara juga. Ada negara yang bergantung ekonominya kepada tembakau dan saya tahu kajian yang telah dibuat oleh negara kita ini menunjukkan penanaman tembakau di negara kita ini adalah sesuai. Dan jikalau begitu perlulah kita adakan satu lembaga yang boleh mengawal bukannya dari segi penanaman, tetapi juga dari segi manufacturenya.

Saya lihat di bawah Fasal 11, kewajipan yang telah diberi kepada Lembaga ini sangatlah luas dan agak saya mencukupi. Fasal 11 (1) (a) mengatakan kewajipan-kewajipan Lembaga ialah:

"11. (1) (a) mengadakan peraturan mengenai mengawal dan menyelaras segala

aktiviti berkenaan dengan penanaman, pengawitan, penjualan, pembelian, penyimpanan dan pemindahan tembakau.”

Jadi nampaknya luas juga kuasa yang diberi kepada Lembaga ini. Mungkin di bawah kewajiban ini termasuklah kawalan yang terpaksa diadakan terhadap semua perusahaan tembakau, bukannya kepada perusahaan tembakau yang besar sahaja seperti yang kita tahu dua public company, iaitu Malayan Tobacco dan Syarikat Rothmans, tetapi juga kepada perusahaan tembakau yang kecil-kecil yang lama telah bergerak di negara kita sebelum Rothmans dan MTC ada di negara kita ini.

Ini, rasa saya, patut juga kita mengkaji supaya mereka itu termasuk dalam jagaan. Kita tahu umpamanya Telok Anson, sebuah bandar yang termasyhur oleh kerana Telok Anson mengeksport cerutnya, tetapi samada pembuatan cerutnya itu mengikut dasar kesihatan ataupun hygienic, itu satu soalan lain. Kadang-kadang kita tengok—tak usah jauh, di Jalan Ipoh sahaja cara-cara orang menggulung cerut, dia duduk bersila, itupun ada orang yang suka cerut yang semacam itu, lagi kuat baunya, lagi sedap. Barangkali kalau Lembaga ini menetapkan bau yang semacam itu tak boleh diterima, saya rasa itu mungkin mengancam kesukaan segulungan kaum. Jadi terpaksa juga bila Lembaga ini menimbangkan perkara semacam itu patut jugalah dikajikan, kerana tidak semua orang suka cerut Havana, tidak; tidak semua yang suka cerut Sumatra, ataupun Filipina. Ada orang yang suka cerut daripada Burma, ataupun cerut daripada Telok Anson.

Saya rasa tersinggung sedikit bila sahabat saya Tuan Ibrahim Yaacob menyatakan cerut kita tidak ternama. Saya rasa, itu barangkali tidak begitu betul, kerana saya tahu umpamanya cerut daripada Sabah sudah menjadi masyor sekarang ini. Yang menjadikan masyor cerut Sabah yang saya diberitahu ialah kerana cerut itu hanya digulungkan di atas peha seorang anak dara (Ketawa), itulah sebabnya menjadi masyor. Saya tak bersetuju kalau Tuan Ibrahim Yaacob kata cerut di negeri kita ini tidak ternama.

Itulah sahaja pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, bila Lembaga ini menjalankan tugas-tugasnya hendaklah diperhatikan juga

kepada perusahaan-perusahaan kecil, janganlah pandang kepada perusahaan-perusahaan yang besar seperti Rothmans dan MTC sahaja.

**Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Peguam Negara dan di sini sukalah saya menarik perhatian Majlis bahawa memanglah dasar Kerajaan kita untuk pembangunan dan ekonomi. Maka sudah sampailah masanya barangkali pada hari ini Dewan kita juga dalam persidangan ini telah membahaskan berkenaan dengan Lembaga-lembaga, soal ekonomi, soal perniagaan, FAMA dan hinggalah membawa pula kepada Lembaga berkenaan dengan menanam tembakau ini.

Di sini nampaknya Kerajaan sangat-sangat mengambil berat di dalam satu-satu soal itu lebih-lebih lagi di dalam soal menanam tembakau dan menanam tembakau ini bagi negeri Perlis tidaklah begitu banyak, tetapi sungguhpun begitu bumiputra adalah berlumba-lumba menanam tembakau yang kebanyakannya di dalam sawah-sawah padi. Jadi selepas mengambil buah padi, maka mulalah mereka menanam tembakau pula. Dua tiga tahun yang lepas menanam tembakau ini adalah tersangat memberi keuntungan kepada pihak-pihak yang menanamnya, tetapi baru-baru ini kekurangan banyaklah atas keuntungan-keuntungan ini disebabkan beberapa perkara sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Nik Hassan tadi, iaitu sebagaimana kita tahu bahawa kekurangan di atas penerangan-penerangan yang diberi atas cara-cara menanamnya dan begitu juga kekurangan yang menyebabkan orang-orang yang menjadi wakil kepada pihak MTC atau Rothmans yang ada di sana tentang pengambilan daun tembakau itu dengan cadangan untuk mencari keuntungan yang lebih, kadang-kadang daun-daun diambil dahulu, baru dikira kemudian atas kedudukan daun-daun itu samada ianya nombor satu, nombor dua ataupun nombor tiga. Dan keadaan yang begitu apabila sudah berlaku, baru dia beritahu. Selepas itu baharu dikatakan yang daun itu terlampau kurang baik, jatuh nombor tiga dan begitu sahaja. Permainan seperti ini telah pun menjadi-jadi sehingga dengan keadaan adanya undang-undang yang diluluskan pada hari ini, kita berharaplah kepada Lembaga ini akan mengawasi dengan

lebih ketat di dalam soal-soal ini supaya tidaklah bagi pihak penanam-penanam tembakau ini akan terkena aniaya atas titik peloh yang telah ditumpahkan berkenaan dengan kerja-kerja mereka untuk menanam tembakau ini dan tidak ada menjadi jemu di dalam soal ini kelak.

Selain daripada itu dengan adanya Lembaga ini, akan menggalakkan mereka dan di samping itu akan suka menanam tembakau ini. Adalah diharap kepada Lembaga ini supaya dapat berhubung dengan Kerajaan Negeri bagi memudahkan untuk mendapatkan tanah-tanah yang sesuai untuk dijadikan tanah tembakau. Dengan cara begini, sungguhpun di negeri Perlis kekurangan tanah, tetapi ada sedikit sebanyak lagi tanah yang boleh digunakan. Hari ini bagi negeri Perlis tidaklah sangat ditumpukan dengan tanaman kerana tidak tahu dengan kerana tidak diambil berat dalam soal ini, tetapi pada hari ini dengan tertubuhnya Lembaga ini dan dengan kawalan-kawalan yang ketat, dengan cara-cara yang akan dijalankan oleh Lembaga ini, maka kita percayalah bahawa penanaman tembakau ini akan menjadi satu perusahaan dan perolehan yang lumayan nanti kepada pihak-pihak penanam-penanamnya. Maka dengan kerana itu, kita berharaplah kalau boleh Lembaga ini akan dapat berhubung dengan Kerajaan Negeri supaya memudahkan bagi memberi tanah-tanah kepada pihak yang meminta yang sesuai untuk ditanam tembakau.

Itulah sahaja pandangan saya.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya hendak menjawab sedikit sahaja dalam perkara ini.

Yang pertamanya, Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin berkenaan dengan cadangannya iaitu apakala pihak Lembaga mengawal pembuat-pembuat rokok dan tembakau ini termasuklah katanya cerut dan lain daripada MTC dan Rothmans, Sebetulnya Rang Undang-undang ini ialah mengawal flue-cured tobacco sahaja dan termasuk rokok atau cerut yang tidak menggunakan flue-cured tobacco.

Selain daripada, flue-cured tobacco itu tidak adalah dikawal. Kalau hendak buat berapa banyak pun cerut yang dikatanya cerut hitam yang kuat baunya (cerut jamban)

itu berapa banyak pun tidak mengapa dan rokok-rokok lain pun tidak mengapa.

Berkenaan dengan teguran Yang Berhormat Encik Ibrahim bin Haji Yaacob tentang mengadakan gudang rokok bumi-putra, ini adalah satu cadangan yang baik juga, tetapi yang sebetulnya orang-orang di Malaysia ini semuanya sedar tentang menghisap rokok, terutama sekali tentang memilihnya. Pihak Rothmans dan MTC telah cuba mengeluarkan rokok yang kurang sedikit daripada 555 ataupun yang biasa digunakan Dunhill dan lain-lainnya itu. Baru saya dengar cap itu, rasanya lebih kurang sama macam rokok yang ada sekarang ini, tetapi yang kita tahu: driver-driver, penoreh getah, orang kampung mengeluarkan 555 juga ditangannya. Kepadanya, rokok ini macam satu social status. Ini yang susah bagi negeri kita, jarang dapat kita jalankan. Ini adalah satu problem yang ada dalam masyarakat kita. Saya tahu kerana driver saya pun menghisap rokok 555.

Berkenaan dengan teguran Datuk Nik Hassan, saya suka memberitahu di sini bahawa Majlis Penasihat Tembakau adalah terdiri daripada 4 ahli penanam, 4 ahli pengawit dan 4 ahli pengilang rokok, tetapi Lembaga Tembakau Negara 1 ahli penanam, 1 ahli pengawit, 1 ahli pengilang rokok, sama bilangannya. Dalam Penasihat ada 4 orang daripada penanam.

Berkenaan dengan menggalakkan penggunaan lebih lagi rokok buatan tempatan selain daripada yang dikeluarkan oleh dua syarikat tadi, perkara ini boleh ditimbangkan apakala difikirkan bahawa tembakau kita boleh bertambah bermutunya apabila dikeluarkan, kerana pada masa ini kita cuma menggunakan lebih kurang 50 peratus sahaja daripada tembakau yang dibawa daripada Kelantan dan Trengganu dan dicampurkan dengan Virginia tobacco yang dibawa daripada luar negeri.

Berkenaan dengan menggalakkan eksport tembakau, cadangan itu boleh juga kita fikirkan practical, tetapi saya telah terangkan tadi tentang harga mengeluarkan tembakau itu terlampau tinggi dan juga mutunya kalau hendak ditandingkan dengan tembakau daripada Palembang, Filipina dan Thailand juga rasanya, payah kita hendak tanding dengan ketiga-tiga negeri itu, tetapi kalau ada buat

siasatan yang lebih mendalam, rasa saya, boleh dapat diperluaskan lagi eksport dan juga penanaman tembakau.

Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat Encik Ismail bin Sheikh Ibrahim, saya lihat daripada angka di sini adalah sedikit sangat tembakau daripada Kedah dan Perlis, kalau dibandingkan daripada Kelantan misalnya. Di Kelantan mengeluarkan tembakau dalam tahun 1971 9,600 ekar. Dalam tahun 1973 19,000 ekar dan keluaran tembakaunya dalam tahun 1971 7,900,000 paun; dalam tahun 1973 13,000,000 paun. Negeri Perlis mengeluarkan 57 paun. Kalau MTC atau Rothmans hendak mengelolakan tanaman tembakau di negeri Perlis, kemudian Lembaga hendak menggalakkan Kerajaan Perlis mengeluarkan tanah untuk menanam tembakau, rasa saya itu adalah sukar hendak dijalankan, dan tanah yang cukup layak nampaknya ialah di Kelantan dan di Trengganu. Sungguhpun cadangan itu nampaknya dia hendak menolong juga belia-belia dalam negeri Perlis, tetapi saya fikir susah kita hendak jalankan atas perkara itu. Tanaman gula pun saya fikir sudah cukup luas ditanam di sana. Kalau tembakau sedikit sangat, kalau dilihat pada angkanya. Oleh sebab itu, saya tidak mahulah memberi jaminan, tiba-tiba tidak dijalankan. Saya tahu keadaan yang ada sekarang ini.

Itulah sahaja yang dapat saya jawabkan dan saya ucapkan terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 52* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Majlis Dewan Negara ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 8.15 malam.*